



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1835]

KENYATAAN MENTERI—DI-BATALKAN [Ruangan 1887]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 1887]

USUL²:

AKTA KASTAM, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1972 [Ruangan 1887]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1972 [Ruangan 1888]

FINANCIAL PROCEDURE ACT, 1957—

Pelaboran dalam Sharikat FIMA Sendirian Berhad [Ruangan 1889]

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA
PERATORAN MESHUARAT [Ruangan 1894]**

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1972 [Ruangan 1895]

UCHAPAN² PENANGGOHAN—

Masaalah penjaja² di-Kuala Lumpur dan Petaling Jaya [Ruangan 1949]

Ta'un—Masaalah Socio—Ekonomi [Ruangan 1953]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 9hb Ogos, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATO' WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

Yang Berhormat	TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
"	TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
"	TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
"	DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
"	TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
"	TUAN VALENTINE COTTER <i>alias</i> JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
"	TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
"	TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
"	TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
"	TUAN FAN YEW TENG (Kampar)
"	DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
"	TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
"	TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
"	TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
"	TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
"	TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
"	TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
"	TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
"	TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
"	DATO' KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
"	TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
"	TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
"	TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
"	TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
"	TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
"	TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
"	TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
"	TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
"	DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
"	TUAN LUHAT WAN (Baram).
"	TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
"	TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
"	DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
"	DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
"	TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
"	TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
"	TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
"	TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
"	TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

Yang Berhormat DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

„ TUAN YEOW TECK CHYE (Bukit Bintang).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

„ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

„ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MEMBANTU PENDUDOK² MISKIN LUAR BANDAR

1. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk meringankan penderitaan penduduk² luar bandar yang miskin, khas-nya di-sepanjang sempadan Sarawak dengan Indonesia dan di-kawasan² di-mana perentah berkurong tidak di-batalkan semenjak 1964.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun menjalankan beberapa projek untuk membantu penduduk² miskin luar bandar meninggalkan taraf hidup mereka seperti berikut; khas-nya mereka yang telah terlibat dengan perentah berkurong di-kawasan sempadan:

- (i) Kerajaan telah bertindak untuk mempercepatkan pembangunan ranchangan² pertanian seperti ranchangan² tanaman semula getah, memberi bantuan yang di-perlukan oleh penanam² padi, dan melateh peladang² di-dalam bidang pertanian dan ternakan supaya dapat mereka menambah pendapatan sa-hari² mereka.
- (ii) Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mempercepatkan lagi ranchangan² pembangunan luar bandar dan memperbaiki lagi perhubungan² di-sekitar kawasan luar bandar.
- (iii) Pihak tentera juga memberi bantuan makanan, ubat dan juga membena Rumah² Panjang, jambatan, saluran ayer dan sa-bagai-nya.
- (iv) Di-dalam masa yang akan datang ini sa-kira-nya di-fikirkan perlu, Kerajaan akan membuat kajian dan pertimbangan untuk memindahkan atau mengumpulkan penduduk² luar bandar ka-tempat² yang lebih sesuai dari segi kepentingan pembenaan luar bandar, ekonomi dan juga keselamatan.

PENCHEN² KAKITANGAN² AWAM— MENAIKKAN

2. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri sama ada beliau akan menimbang untuk menaikkan penchen² kakitangan² awam yang telah bersara telah menchurahkan perkhidmatan yang setia dan chemerlang kapada negara ini memandangkan kenaikan belanja sara hidup.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan semalam kapada Dewan ini Kerajaan telah menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa mengenai Faedah Persaraan atau penchen dalam perkhidmatan awam dan juga badan² berkanun.

Satu daripada tugas² Jawatan-kuasa Khas ini ia-lah untuk mengkaji sa-mula kadar penchen dan elaun bersara yang di-bayar kapada pesara² yang ada sekarang.

Sa-lepas itu, memandang bahawa perkara ini memerlukan kajian yang lebih teliti dan mendalam dan segera, maka Kerajaan telah melantek satu lagi Jawatan-kuasa pada 4hb Julai, 1972, khas-nya untuk mengkaji mengenai penchen pegawai² yang telah bersara.

Ketentuan tugas² Jawatan-kuasa yang baru itu ia-lah mengkaji kedudukan penchen yang di-terima oleh pegawai² bersara dan yang ada sekarang ini dan memandang juga kapada kenaikan harga perbelanjaan hidup (increased cost of living) dan juga nilai mata wang pada tahun² yang lepas dan di-harap Jawatan-kuasa ini akan mendatangkan shor-nya kapada Kerajaan dengan sa-berapa segera yang boleh. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah bahawa Kerajaan tidak lupa kapada kakitangan² Kerajaan yang telah bersara dan langkah² yang di-kehendaki seperti yang saya terangkan tadi telah pun di-ambil.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, can the Prime Minister tell this House how long will it take for this Committee to complete its reponsibilities in making the necessary recommendations? We often have observed that normally such Commissions take a number of years. Can the Honourable Prime Minister tell this House how long will it take or at least give some form of assurance that this Committee will not delay its work and will submit its Report and recommendations early?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan semalam, Ahli Yang Berhormat barangkali sahaja tidak dengar. Saya sudah katakan bahawa Jawatan-kuasa ini telah di-minta menyiapkan laporan-nya sa-belum akhir tahun ini.

PENYATUAN KERAJAAN² KOREA UTARA-SELATAN—SIKAP MALAYSIA

3. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Malaysia terhadap penyatuan Kerajaan² Korea Utara dengan Korea Selatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat kapada kenyataan akhbar yang telah saya buat pada 6hb Julai ini di-Negeri Sembilan di-mana saya menyatakan bahawa Malaysia menyambut baik perhubungan yang di-buat antara Korea Selatan dan Korea Utara untuk bekerja ka-arrah penyatuan kedua negara dengan chara damai. Semua ini pada fikiran saya akan membawa kapada keamanan dan keutuhan dunia, terutama sekali keamanan dan kestabilan di-rantau ini ia-itu di-Tenggara Asia.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, as Malaysia is committed to non-alignment, will Malaysia call upon the United States to withdraw its forces from Indo-China, from South Vietnam and other parts, and also would it be prepared to recognise North Korea and establish diplomatic relations with it?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena-mengena dengan soalan ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah faedah-nya kapada Malaysia atau kapada negara² mengenai Perishtiharan Kuala Lumpur atas perkembangan baharu penyatuan Korea itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, faedah chara terang barangkali tidak dapat di-tentukan, tetapi saperti yang saya katakan tadi, persahabatan di-antara kedua negara ini atau pun perchantoman akan membawa kapada keamanan dan kestabilan di-Asia ini dan ini ada-lah satu perkara yang baik bagi negara² di-Tenggara Asia.

KEMASOKAN FILEM² DARI REPUBLIK RA'AYAT CHINA

4. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan membebaskan kemasokan filem² dari Republik Ra'ayat China, untuk mengeratkan lagi perhubungan di-antara kedua² negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, kemasokan filem² ka-negeri ini ada-lah di-kawal di-bawah Cinematograph Films Ordinance, 1952. Filem² itu ada-lah di-tapis oleh sa-buah Lembaga yang di-lantek di-bawah Sekshen 3 Ordinance tersebut sabelum di-benarkan untuk di-tayangkan kapada orang ramai. Peratoran² ini ada-lah di-kenakan kapada semua filem² daripada apa juga negara yang hendak di-bawa masuk ka-negeri ini untuk tayangan awam. Oleh yang demikian sa-kira-nya ada filem² daripada Republik Ra'ayat China yang hendak di-bawa masuk ka-negeri ini maka pembawa masuk filem itu hendak-lah mematohi kapada peratoran² tersebut.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, communist literature from the People's Republic of China used to be prohibited from entry into Malaysia but lately the Journal "China Reconstructs" has made its debut in the Federal Capital and Government has liberalised the entry of such literature into Malaysia. This is a welcome step. Would the Government similarly consider therefore the importation of films of a cultural nature, as opposed to a propaganda nature, from the People's Republic of China coming in? I am thinking of the film, for instance on President Nixon's visit to China, which is now being shown in cinema in Singapore. Would such a film be permitted to enter our country?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawapan pun sudah di-buat tadi, ia-itu filem² ini boleh di-bawa masuk dengan syarat akan di-tapis oleh Lembaga Penapis Filem.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Sir, can the Honourable Deputy Minister tell the House how many films from the People's Republic of China have been allowed entry

to-date? Secondly, how many films are now being in the process of being censored to consider whether to allow entry?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Mengikut pengetahuan yang di-beri kepada saya chuma sa-buah filem sahaja yang baharu di-tayangkan dalam negara ini ia-itu filem daripada Komunis China berkenaan dengan Pasokan² Perlawanan Ping Pong di-Republik Ra'ayat China.

GEMPARAN PALSU MENERUSI TALIPON—ANCHAMAN BOM

5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, sejak di-ishtiharkan dasar ekonomi baru:

- (a) berapa kali-kah gemparan palsu mengenai anchaman bom yang di-buat menerusi talipon;
- (b) sama ada mana² gemparan ini telah menyebabkan kerosakan dan kechederaan;
- (c) motif di-sabalek panggilan² talipon palsu ini;
- (d) sama ada orang² yang membuat panggilan² ini mempunyai hubungan dengan komunis sabersif atau dengan anasir² anti-nasional; dan
- (e) langkah² yang di-ambil oleh Jabatan Talikom tentang masalah ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sa-banyak 18 panggilan talipon telah di-laporkan dalam tahun ini.
- (b) Gemparan² tersebut tidak menyebabkan apa² kerosakan atau kechederaan.
- (c) Motif di-sebalek panggilan² itu belum dapat di-pastikan lagi.
- (d) Tidak dapat di-pastikan sama ada orang yang membuat panggilan² itu mempunyai hubungan dengan komunis sabersif atau anasir² anti-nasional atau tidak.
- (e) Langkah² yang di-ambil oleh Jabatan Talikom tidak boleh di-dedahkan oleh kerana ini akan menggagalkan penyiasatan² yang di-jalankan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kegemparan ini ada-lah satu bohong atau mainan kanak²,

dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini pada masa yang akan datang minta kerjasama akhbar supaya tidak menyiarkan berita² gemparan palsu ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini kita akan ambil ingatan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, I am against this being not published in the Press because the public should know what is going on. We have got enough of curbs on the Press already. Secondly, I would like to know from the Minister what attempts the Police Department has taken in respect of detecting those people responsible for making these calls and this has created a wide range of alarm among the people and the Government just cannot say we are unable to find out who has made the calls. It was not just on one occasion but on many occasions that such calls have been made and the Police had to be summoned in large numbers and people have been held up in buildings. I would like the Minister to make a serious statement here in respect of this, so that the public can have confidence in the Departments responsible for detecting these callers.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tindakan² yang di-ambil, tetapi tidak boleh di-dedahkan di-sini sa-bagaimana yang saya jawab tadi.

Tuan V. David: Am I to assume, Sir, that the Police has not reached the standard to discover this crime or the Department is inefficient to tackle this problem?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak benar begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, this is the first time we have heard of bomb threats having been made in connection with the implementation of the new economic policy. Are we to assume, Sir, from your answer to this question that there have in fact been such bomb threats made against the Government for enunciating and implementing the new economic policy, because this is the first time we have heard of such threats?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sendiri telah pun membacha di-dalam akhbar berkenaan dengan ada-nya gemparan² bom.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita telah membaca di dalam akhbar ia-lah ancaman oleh kerana lain² sebab, bukan berkenaan dengan New Economic Policy dan oleh yang demikian saya berharap-lah jikalau Yang Berhormat Menteri boleh memberi sedikit clarification?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tadi pun sudah ada dalam jawapan, ia-itu motif di-sabalek panggilan² itu belum dapat di-pastikan lagi.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Sir, what would be the penalty if a man is caught making false alarm of a bomb threat?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini mengikut Undang², Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, Sir, could the Honourable Minister kindly inform this House whether it is within the means or capability of the Telecommunications Department and the Special Branch to trace telephone calls of this nature, which are calculated to threaten not only the Government but other members of the public?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu sama ada beliau suka atau tidak talipon-nya di-tap oleh mana² pehak?

Tuan Goh Hock Guan: Boleh-kah kita beri jawapan—I am, Sir, fully in support of Government tapping such would-be trouble makers.

Tuan V. David: Sir, I know that telephones of politicians, especially those of the Opposition, are being tapped. When the Telecommunications Department could efficiently tap the telephones of Opposition Members, I do not see any reason why the Telecommunications Department cannot also efficiently tap these callers to see what motives they have behind them in making the calls. Sir, I think the Government should take this matter very seriously. They cannot s.y, "We have got enough of information." This only exposes the intelligence of this Government, as being inefficient and unable to take responsibility to ascertain who are the callers.

Tuan Yang di-Pertua: You are making a long speech on the assumption that the tapping of telephones is a fact. It is not yet a fact.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak ada benda yang hendak di-jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tidak ada benda yang hendak di-jawab.

Tuan V. David: Saya hendak tahu, adakah Kerajaan tap talipon Ahli² Parlimen atau Ahli Pembangkang? Sebab bila kita pegang talipon, kita boleh dengar bunyi-nya itu—Kerajaan ada tapkan. Jadi, bagaimana Kerajaan tidak mengambil tindakan, kerana perkara ini ada-lah satu perkara yang besar. Kerajaan mesti-lah bertanggung-jawab kepada ra'ayat, sebab ra'ayat takut. Kadang² kita dapat satu kenyataan atau amaran bahawa ada bom di-tiap² pejabat, kata Kerajaan belum di-siasat lagi. Perkara yang samacham ini, ada-kah Kerajaan terima ia-itu Kerajaan tidak ada satu standard—tidak ada efficiency untuk menyiasat atas perkara ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Keterangan² Yang Berhormat itu mengatakan talipon-nya di-tapkan, ada-kah bukti² atau keterangan?

Tuan V. David: Saya sudah katakan ada juga, tetapi kalau Kerajaan kata tidak, saya hendak kata ada.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, habis begitu sahaja-lah (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini membenarkan kenyataan yang telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang bahawa kelakuan ini di-lakukan oleh anasir² anti-nasional yang hendak merosakkan Rancangan Malaysia Yang Kedua?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah pandangan dan memang pandangan ini kita hormati.

POLIS CHAWANGAN SEMBOYAN— MENGAMBIL ALEH TUGAS

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan ada-kah apa² masalaah atau kesulitan yang timbul di-dalam Pasokan

Polis Hutan mengenai tanggung-jawab bagi membaiki dan menyelenggara alat² radio, semenjak Pegawai² Polis dalam Chawangan Semboyan di-tugas mengambil-aleh tugas itu dari Jabatan Talikom mulai awal tahun ini dan nyatakan apa-kah tujuan Kerajaan bertindak demikian.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat itu ia-lah:

- (a) Tidak ada apa² masalah atau kesulitan.
- (b) Pengambilan aleh tugas mengendalikan alat² radio ini dengan sebab² berikut:
 - (i) Memandangkan dari segi "Operational Mobility" dan pengawalan keselamatan maka hendak-lah Pasokan Polis Hutan berdiri di atas kaki sendiri berkenaan dengan mengadakan perhubungan nya.
 - (ii) Jabatan Talikom tidak ada kemudahan untuk mengendalikan alat² tersebut di-dalam kawasan gerakan yang terpenchil.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Apa-kah pula masalah yang sudah timbul atau sudah berlaku di-dalam Pasokan Polis Hutan Chawangan Semboyan dalam menyelenggarakan alat² radio sa-masa tugas ini di-bawah Talikom dahulu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tolong tanya sa-kali lagi soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Apa-kah masalah yang sudah timbul di-dalam Pasokan Polis Hutan Chawangan Semboyan ini dalam menyelenggarakan alat² radio sa-masa tugas ini di-bawah Jabatan Talikom dahulu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Kesulitan yang besar ia-lah menghantar pegawai² talikom ka-tempat² kawasan² yang terpenchil. Sa-kira-nya apa² gerakan atau pun operasi dalam hutan, susah-lah bagi pejabat talikom menghantar pegawai²-nya.

CHUKAI JUALAN MINYAK BENZIN CHAMPORAN—MENGECHUALIKAN

7. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang mengechualikan dari Chukai

Jualan penjualan minyak benzin champoran di-Sarawak untuk kegunaan enjin² outboard oleh kerana minyak ini selalu di-gunakan oleh nelayan² miskin di-sapanjang kawasan² pantai Sarawak dan oleh penduduk² rumah panjang di-tepi sungai di-kawasan pendalaman.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat minyak benzin champoran telah pun di-kechualikan daripada chukai jualan. Minyak petrol dan barang² daripada minyak petrol telah di-masokkan dalam senarai asal barang² yang di-kechualikan yang telah saya umumkan pada 29hb Februari, 1972.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapat-kah Kementerian yang bertanggung-jawab memberi sa-puchok surat, tiap² tempat di-negeri Sarawak supaya mereka tahu bahawa chukai jualan telah di-kechualikan dalam menjual minyak champoran di-negeri Sarawak. Oleh kerana pada masa ini kebanyakan penjual yang menjual minyak di-sana mengambil peluang untuk menjual minyak itu mahal dan mengatakan bahawa chukai jualan di-kenakan kepada penjual² minyak di-negeri Sarawak.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) These exemptions have been announced in the *Gazette* and quite often in the newspapers, for as far as I am aware the mass media do give prominence to these exemptions wherever necessary. I do not see how as a Government we can do more. I suggest that if these exemptions have not been taken into account by the shopkeepers, the people concerned should report to the relevant authorities.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, will the Honourable Minister of Finance consider giving exemptions to essential basic building materials, like cement and steel, in order to enable the building industry to provide cheaper houses to the public? So far exemption has been given to basic foodstuffs but could such exemption be extended to the building industry?

Tuan Yang di-Pertua: That is a different question.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, we are talking about exemption.

Tuan Yang di-Pertua: This is with reference to Sarawak.

KADAR ZAKAT—POTONGAN CHUKAI PENDAPATAN

8. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kewangan menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak memotong kadar zakat daripada jumlah potongan chukai pendapatan, dan bukan dari jumlah yang boleh di-taksirkan untuk bayaran chukai seperti yang berlaku sekarang.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin mengetahui bahawa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia telah menubuhkan satu Jawatan-kuasa Khas untuk mengkaji dengan mendalam pentadbiran zakat dan fitrah dan Jawatan-kuasa ini hendaklah membuat laporan-nya kepada Majlis itu. Saya telah di-beritahu bahawa soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah termasuk di-dalam bidang kajian Jawatan-kuasa itu. Oleh yang demikian, saya fikir elok-lah kita tunggu sahaja dahulu penyata Jawatan-kuasa tersebut.

SIMPANAN LUAR MATAWANG MALAYSIA

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak-kah simpanan luar matawang Malaysia sa-hingga ini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang boleh di-lihat oleh Ahli Yang Berhormat daripada jadual yang di-keluarkan di-dalam Quarterly Economic Bulletin Bank Negara Malaysia bulan Jun, 1972 yang akan di-keluarkan beberapa hari lagi simpanan luar negeri berseih Malaysia pada akhir bulan April, 1972 ia-lah \$2,762.3 juta atau \$16.3 juta lebeh daripada jumlah bagi tempoh yang sama pada akhir April, 1971.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apa-kah ini merupakan satu keadaan kewangan yang baik bagi negara kita berbanding dengan keadaan kewangan di-negara lain. Oleh sebab soalan saya tidak ada terchatet di-situ, ia-itu di-mana saya menyebutkan dan apa-kah kedudukan-nya di-bandingkan dengan keadaan kewangan antarabangsa tentang stability kewangan kita.

Tun Tan Siew Sin: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I am not quite sure what the Honourable Member is driving at.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuan soalan itu tidak berapa terang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah ini merupakan satu kedudukan kewangan kita yang kukoh atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan berpusing², chakap terus sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Itu-lah maksud saya untuk minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I think I now know what the Honourable Member has in mind. I think we can honestly claim that by any standard the level of our external reserves is sufficiently high and that is why we have had no difficulty in the past, and I hope in the future, in raising loans in the major money markets of the Western world?

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Sir, the figures announced by the Honourable Minister of Finance are very reassuring. The question which I would like to ask the Honourable Minister is, what proportion of our foreign exchange holdings is in the American dollar—because of the possibility of further devaluation of the American dollar.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I am afraid I cannot satisfy the curiosity of the Honourable Member, because it is against our policy to reveal the exact composition of our external reserves for reasons which are self-evident.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, Sir, perhaps the Honourable Minister of Finance would indicate to the House how much we have lost as a result of the devaluation of the American dollar recently?

Tun Tan Siew Sin: The Honourable Member is probably aware that there are a number of questions addressed to me on this subject and I suggest that he curbs his impatience until these questions are due for answering.

PESERTA² FELDA—JUMLAH

10. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) jumlah peserta² FELDA di-Malaysia Barat seperti yang terdapat hingga 1hb Januari tahun ini;
- (ii) jumlah peserta² FELDA yang dahulunya buroh² ladang getah yang telah di-berhentikan; dan
- (iii) sama ada FELDA akan memberi keutamaan kepada buroh² ladang getah yang telah di-berhentikan di-dalam pembahagian ranchangan² tanah FELDA.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah peserta² FELDA di-Malaysia Barat seperti yang terdapat hingga 1hb Januari, 1972 ia-lah 23,321 orang.
- (ii) FELDA tiada mempunyai ma'alumat berkenaan dengan peserta² yang dahulunya buroh² ladang getah yang telah di-berhentikan.
- (iii) Buroh² ladang boleh membuat permohonan untuk menjadi peserta² di-dalam ranchangan² FELDA jika sa-kira-nya mereka mempunyai syarat² yang di-kehendaki, ia-itu warganegara Malaysia, sudah berkahwin, tidak mempunyai tanah lebih dari 2 ekar dan umur mereka dari 18 membawa 35 tahun. Permohonan² daripada buroh² ladang, jika di-terima, akan di-timbangkan bersama² dengan permohonan² yang lain juga.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Sir, in view of the fact that there is a grave problem of unemployment and retrenchment, especially among the estate labourers in the estate sector where an average of 10,000 workers are retrenched and as a result they have no other means of finding alternative employment having spent the best part of their lives in the rubber industry, whether the Government would consider giving them special consideration by giving them priority and special terms for settling under the FELDA schemes to eke out a living?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya telah katakan, permohonan² akan

di-timbangkan mengikut merit mereka dan sa-kira-nya keadaan mereka patut mendapat layanan yang istimewa, maka layanan yang demikian akan di-beri.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, is it true that the Chairman of FELDA, who is also the Member of Parliament for Segamat Utara, has issued a directive to his officers not to entertain applications whether from retrenched estate labourers or from any of the 900,000 new villagers for the next 3 years, in view of the fact that the entire allocations available for FELDA schemes have already been filled up or are already waiting for their allocations, and if that is the case, how is he going to help the estate labourers or even the new villagers?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan arahan yang di-beri oleh Chairman FELDA, jika sa-kira-nya ada pun, itu ada-lah soalan lain daripada apa yang ada dalam soalan ini.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, there is doubt in the minds of most of the estate workers—I would say the entire estate workers—that they have not been included in any of the rural development schemes so far. Will the Minister tell this House whether the estate workers will come under any of the rural development schemes and whether they are entitled to the benefits of rural development? Secondly, it is strange that the Minister does not have available figures on retrenchment of estate workers—I am sure these can be obtained from the Ministry of Labour. So there are any number of labourers who have been retrenched and if Members of the Opposition were to submit applications on their behalf is the Minister prepared to offer them land?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat membaca soalan ini sa-kali lagi dan memahami sa-benar²-nya. Pertanyaan yang ada dalam kertas ini bukanlah berkenaan dengan estate workers yang telah di-berhentikan, tetapi berapa orang estate workers yang telah di-berhentikan yang di-terima masuk dalam FELDA. Jadi dengan sebab itu saya perchaya angka itu pun tidak ada dalam Kementerian Buroh.

Tuan V. David: Sir, at least the first part of the question is whether estate workers are

entitled for any benefits under the rural development schemes. Will the Minister be kind enough to answer this?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab kalau sa-kira-nya estate workers yang telah di-berhentikan membuat permohonan dan mereka itu ada mempunyai sharat², maka pertimbangan akan di-beri kepada mereka juga.

Tuan V. David: Sir, my question is very straightforward. It has been said on many occasions by many people in this country—I have also said that—that the estate workers are not included in any development programmes. Are the estate workers entitled for any benefits under the rural development schemes? This is what I want to know—just a straightforward answer.

Tuan Yang di-Pertua: It has been answered that the estate workers are not a class by themselves, I think. That is what the answer is.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab ia-itu mereka ada-lah juga termasuk di-dalam ranchangan² pembangunan luar bandar, kerana sa-lain daripada itu permohonan kepada FELDA, Kementerian saya sendiri biasa memberi beberapa ekor lembu dan sa-bagai-nya kepada pekerja² estet daripada wang yang di-untukkan di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, in view of the statement by the Honourable Minister just now that retrenched estate labourers would be able to apply to join FELDA schemes and would be given special consideration in view of their special circumstances, would his Ministry or FELDA give the widest publicity through radio, television and the Press to inform the hundreds of thousands of retrenched estate labourers of this available opportunity, because I am sure they are not aware of it?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli ini kurang faham. Saya tidak mengatakan pertimbangan istimewa akan di-beri kepada mereka, sa-bagaimana dalam bahasa Inggeris dia kata: in view of their special circumstances. Tetapi yang saya kata: if they merit

special consideration, baharu kita beri—"if". Kalau sa-kira-nya tidak ada keutamaan patut di-beri, atau pun pertimbangan yang utama patut di-beri, kita tidak akan beri pertimbangan utama, kerana kita tidak hendak first class citizen dengan second class citizen yang akan berbangkit pula.

Tuan V. David: Sir, we are not debating on the merits and demerits of individual cases. As a policy matter, the Minister has replied that the estate workers come under rural development schemes. If so, will the Minister be prepared to give adequate publicity so that they will be aware of it?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai ra'ayat yang duduk dalam negeri ini dan tahu membaca dan sa-bagai mendengar radio, perkara itu tentu-lah mereka sendiri faham, ia-itu ranchangan² pembangunan luar bandar, ranchangan Kerajaan yang di-sediakan oleh Kerajaan ada-lah untuk ra'ayat keseluruhannya, bukan satu² kaum atau satu² puak.

Tuan V. David: Sir, I think the Minister does not understand the situation in rubber estates. The rubber estates up to now are regarded as private property. The white men not only sought the labour of workers but they also sought their lives and they said, "You have no business to even associate with others outside the estate." So under such conditions, estates being regarded as private property, will the Minister give enough publicity so that this publicity will reach the estates where it can even be prevented by the managers of the estates?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya satu² ranchangan itu hendak di-buat dalam tanah estet, sudah tentu Kerajaan tidak boleh memberi apa² pertolongan belanja hendak membaiki kawasan itu, tetapi kalau sa-kira-nya satu² ranchangan itu untuk faedah pekerja² dalam estet sa-umpama sa-bagaimana yang saya katakan tadi hendak dua tiga ekor lembu, atau pun hendak benih tanam kacang atau sa-bagai-nya, kita sedia memberi, kalau sa-kira-nya mereka ada tanah² untuk hendak bertanam. Jadi layanan sa-umpama ini di-berikan kepada semua orang dengan tidak kira orang itu duduk di-kampung atau di-dalam estet.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak minta Menteri yang berkenaan memberi penerangan boleh sampai di-estet kerana ladang kita majikan² kata ini satu private property yang kadang² penerangan ini tidak sampai dalam ladang² getah. Itu sahaja yang saya minta.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa menghormati akhbar², radio, talivishen dan lain². Saya perchaya, apa yang saya jawab hari ini akan di-keluarkan di-dalam radio, talivishen dan akhbar². Saya perchaya mereka akan memberi kerjasama yang penoh.

Tuan Lim Kit Siang: The Honourable Minister is now asking the Press to fully co-operate. I am sure they will co-operate and we, our Party DAP, will fully co-operate and will also help to give you the fullest publicity, and we hope that when these retrenched estate labourers apply, they will be entertained and not be met with a blank wall from the Chairman of FELDA.

Tuan Yang di-Pertua: What is the supplementary question?

Tuan Lim Kit Siang: Whether these applications will be entertained?

Tuan Yang di-Pertua: Well, you need not mention about your hopes and so on. (*Ketawa.*)

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan dahulu pehak Kerajaan telah di-minta memberi keutamaan kepada sa-kelompok ra'ayat yang terdiri daripada mereka² yang sedang diam di-dalam kampong² baru dan pada kali ini pehak yang sama juga minta Kerajaan supaya memberi keutamaan pula kepada mereka yang datang-nya daripada estet. Saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan bagaimana-kah mungkin sa-suatu pehak hendak memberi keutamaan kepada dua pehak yang dengan chara bagini telah bertanding di-antara satu sama lain. Dua pehak bertanding untuk mendapat keutamaan dan datang permintaan-nya daripada sama pehak juga, ia-itu pehak Parti DAP yang telah chuba menggunakan kedudukan ini untuk kepentingan politik-nya.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, manakala ada permintaan daripada satu pehak supaya

memberi keutamaan kepada dua pehak, saya rasa ada-lah terpulang kepada Kerajaan pula memberi timbangan kepada semua pehak: tiga atau empat semua sa-rupa ta' ada beza.

Tuan V. David: Sir, we in the Pekemas never went and meddled with the administration of the Government at any time, and if there are any genuine cases we always invite the Government to investigate into these cases, but sometimes these investigations have become biased and sometimes partial. When such partiality is shown, then we raise it here. So you can be assured, Sir, we would not. . . .

Tuan Yang di-Pertua: I would like to hear the question, not a statement. This is not the time for making statements.

Tuan V. David: Thank you, Sir. Sir, I am sure the Minister is aware that our Party has not meddled with the internal administration of his Ministry.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggung-jawab, tidak-kah ada orang² India daripada estet² telah masuk dalam ranchangan² luar bandar ini seperti di-Negeri Sembilan dan lain² tempat?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu soalan baharu, saya berkehendakkan notis.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, I can clarify what the Member of Parliament has just said? The Honourable Memeber for Segamat Utara

Tuan Yang di-Pertua: You wish to clarify? Clarify or ask supplementary question?

Tuan Lim Kit Siang: Ask a supplementary question with a clarification inside! (*Ketawa*) Will the Honourable Minister agree that it is the responsibility of all Members of Parliament to raise the problem of all have-nots of all races because that is one of the prongs of the Second Malaysia Plan, "to eliminate poverty regardless of race", and where there are sections of people like the new villagers totalling 900,000 people or the retrenched estate labourers who have been neglected and ignored, not only is it our job to raise it but it is the job of the Ministry to look after them after attention has been drawn to it?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju ia-itu semua parti, semua patriot dan semua ahli politik patut mengambil berat berkenaan dengan kesusahan ra'ayat ia-itu keseluruhannya, bukan-lah satu² puak, satu pehak. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pehak, semua puak yang mengambil berat berkenaan dengan keseluruhan ra'ayat yang ada dalam negeri ini.

Tuan V. David: Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar yang ahli² politik, ra'ayat² tanah ayer kita yang semua ada satu objek itu yang menghapuskan kemiskinan. Bukan-kah parti Pembangkang boleh bekerjasama dengan Kerajaan menchari jalan mana yang kita boleh beri jalan ia-itu ini ada-lah satu ranchangan yang boleh menghapuskan kemiskinan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada apa yang hendak di-jawab, kerana saya tidak ada menuduh yang mereka tidak ada mahu bekerjasama, atau pun tidak hendak mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' payah beri ucapan, kalau ta' ada jawapan.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) Are there any more vacancies in these schemes, and if so, are they open to all people?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, tempat² yang kosong ini boleh di-dapati daripada satu masa ka-satu masa manakala kita membuka ranchangan² baharu dan manakala ada kekosongan tempat² ini maka kita akan memberitahu kepada seluruh ra'ayat menerusi Kerajaan² Negeri dan Tuan² Pegawai Daerah, Penghulu² dan Ketua² Kampong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya hendak bertanya, ia-itu betul atau tidak, orang² India yang bekerja di-estet² dia ta' dapat masuk ranchangan FELDA yang banyak, oleh kerana dia bekerja ada bergaji dalam estet dan pula orang² China ta' berapa ramai masuk dalam ranchangan FELDA oleh kerana lebih suka dia berniaga daripada masuk dalam ranchangan itu bekerja sa-lama 6 tahun. Betul-kah atau tidak begitu?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok-lah bertanya kepada orang India dan orang China sendiri. (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, in view of the fact that there is an acute shortage of land made available to the people, especially to the great number of applicants who want to obtain land, in view of this problem and the problem of land poverty generally throughout this country of ours, would the Government therefore consider setting up a Commission to enquire into the whole question of land allocation throughout the States of Malaysia in order that this question of land poverty could be more speedily remedied?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan tidak bersangkutan dengan FELDA langsung.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, the question asked was in regard to the number of FELDA settlers in West Malaysia. Now, the answer given by the Honourable Minister indicates quite clearly that not too many settlers have been able to obtain land—in other words, there are more applications than land available; and no less a person than the Pengerusi of the FELDA has stated this: more applications than land available. Therefore, something is seriously wrong. Therefore, could I suggest to the Government that a Commission be set up to investigate into ways and means by which the acute demand for land by intending settlers could be met?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, FELDA akan membuka ranchangan-nya daripada satu masa ka-satu masa, dan di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua kita akan membuka tanah sa-luas 1 juta ekar ia-itu di-Malaysia Barat lebih kurang $\frac{1}{2}$ juta ekar dan di-Malaysia Timor $\frac{1}{4}$ juta ekar. Tetapi kalau sa-kira-nya kita hendak memuaskan atau memberi tanah kepada seluruh ra'ayat yang ada dalam negeri ini sa-luas lebih kurang 10 ekar sa-orang, semua tanah² yang ada di-Malaysia Barat ini tidak akan mencukupi untuk hendak di-beri kepada tiap² orang yang ada dalam negara ini. Jadi berma'ana-lah ada yang dapat, ada yang ta' dapat. Maka dengan sebab itu pehak FELDA, FELCRA dan badan² yang lain akan membuka tanah daripada satu masa ka-satu masa

dan kita akan mengambil peserta² daripada satu masa ka-satu masa. Pehak Kerajaan tidak memikirkan patut di-adakan Commission atau apa² lagi kerana perkara ini adalah berjalan boleh di-katakan dengan baik pada masa sekarang ini.

MINI-BUS—MENGADAKAN

11. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perhubungan menyatakan ada-kah benar Kementerian Perhubungan akan mengadakan kemudahan seperti mengadakan "mini-bus" di-kawasan² yang tidak ada kenderaan bas, jika ada, ada-kah perkhidmatan bas serupa ini akan di-beri kepada MARA menjalankan-nya atau sharikat² perusahaan atau orang² persaorangan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam kawasan² di-mana tiada perkhidmatan bas dan di-fikirkan bahawa perkhidmatan teksi, atau kereta sewa tidak dapat memberi perkhidmatan sa-penoh-nya kepada penduduk² di-kawasan itu, kerana biasa-nya mereka lari ka-dalam bandar² yang besar, maka Kementerian saya boleh menimbangkan permohonan lesen bas kecil. Sharikat² bas yang telah menjalankan perkhidmatan bas di-kawasan² yang tersebut ya'ani bas² yang melalui jalan² besar akan di-bawa berunding sama ada sharikat² bas besar itu berhajat untuk menjalankan perkhidmatan bas kecil itu ka-kawasan yang penduduk²-nya tiada kenderaan dan kalau mereka tidak mahu menjalankan, atau pun tidak ekonomik, maka pemohon² daripada kawasan² yang tidak ada kenderaan, bolehlah memohon dan akan di-timbangkan terutama sa-kali permohonan daripada MARA, atau pun sharikat, atau pun persaorangan, tetapi walau macham mana pun dasar (polisi) Kerajaan akan di-beri keutamaan kepada pemohon² sa-chara kelompok daripada bumiputra sendiri.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pelaksanaan atau pun rancangan² yang dijalankan oleh Menteri Perhubungan berapa banyak-kah erti-nya permohonan² yang telah di-buat oleh sama ada bagi pehak persaorangan atau pun sharikat² ia-itu yang memohon mini-bus di-seluruh Malaysia.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya telah di-beritahu belum ada permohonan itu, kerana mereka yang memohon takut di-bangkang oleh kompeni² bas yang ada di-situ, tetapi kalau ada permohonan, kita akan pereksa dan akan timbangkan.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, di-kawasan Pulau Pinang Selatan, there are quite a lot of factories that are being built. There is an acute shortage of transport service. These factories employ mainly female workers and as a result of this, the pirate taxi service has also increased; and recently there was a case of outraging the modesty of a girl. In view of this, will the Honourable Minister consider applications for special licences to collect workers by a mini-bus service?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya kita telah pun persetujuan permohonan² daripada sharikat² di-Kamunting di-Taiping yang baharu² ini ada surat khabar mengatakan susah orang hendak pergi-balek dan sharikat itu telah berhubung dengan sharikat bas kenderaan yang berkenaan mengadakan bas² kecil dengan sewa² yang tertentu. Ini memang kita ada timbangkan dan benarkan.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) Sir, the mini-bus service has been quite successful in certain countries, and I hope the Government can implement such a service in our country. The Honourable Minister has just said that there have not been applications for such licences. But, as I understand it, it is the policy of the Government to publish first to the public that there will be an issue of certain licences, so that

Tuan Yang di-Pertua: He is still waiting for your supplementary question!

Tuan Lim Cho Hock: My question is: if it is the policy of the Government to issue licences for mini-bus service, then would the Government first publish it in the Press that the Government would like to issue certain licences?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini di-kawasan² yang pertama sa-kali di-luar² bandar, tetapi di-dalam bandar, sudah ada bas² yang besar. Sa-kira-nya kurang kompeni² bas itu kena

menambah. Kalau tidak, kita akan beri amaran kepada-nya dan permit-nya akan di-gantung, kerana dia di-beri permit untuk mengadakan chukop bas bagi membawa penumpang² pergi balek di-situ. Yang kita cherita ini ia-lah di-luar² bandar. Saya telah bagi briefing di-mana² saya pergi, tetapi kalau ta' ada orang memohon, bagaimana saya hendak paksa, dia takut rugi dan takut begitu bagini. Ma'alom-lah hendak berniaga, dia mesti siasat dahulu. Ahli Yang Berhormat sa-bagai sa-orang peguam, boleh-lah nasihatkan anak² buah-nya, barangkali kalau ada yang hendak memohon.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, daripada penerangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menunjukkan bahawa Kerajaan akan memberi penerangan kepada pemohon² tempatan di-jalan² kawasan yang terpenchil untuk mengadakan bas² kechil ini sa-telah sharikat besar mendapati tidak ekonomik menjalankan kerja di-kawasan itu. Saya ingin dapat penjelasan sama ada ini menjadi dasar Kerajaan sekarang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita ada menimbangkan sama ada lori estet² yang jarang keluar di-jalan besar, kita akan timbang bagi mengurangkan 20%-30% chukai. Jadi kalau bas² kechil ini, kalau hendak beri perkhidmatan ta' ekonomik, dia boleh masukkan permohonan, di-timbangkan chukai-nya, kita akan periksa dan akan timbangkan.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya sa-sudah sharikat besar mendapati tidak ekonomik baharu hendak di-beri kepada penduduk² tempatan. Itu faham saya daripada penjelasan Menteri tadi. Saya ingin mendapat penjelasan ada-kah ini dasar Kerajaan sekarang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Besut itu patut faham, dasar Kerajaan akan memberikan kenderaan kepada ra'ayat di-tempat² yang jauh dengan apa chara sa-kali pun sama ada teksi, bas kechil atau pun bas besar. Ini ada-lah dasar atau polisi yang benar, tinggal lagi untong rugi, kita pertimbangkan, kiranya chukai mahal, kita pertimbangkan, kerana pendapatan di-situ kurang.

TOPI KELEDAR— MENGECHUALIKAN

12. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada orang² berbangsa Sikh dan Haji² dapat di-kechualikan dari menggunakan Topi Keledar kerana serban khas mereka.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, peratoran² bagi mewajibkan pemakaian Topi Keledar oleh penunggang² dan penumpang² motorsikal sedang di-buat, rules and regulations. Sa-buah Jawatan-kuasa yang terdiri daripada pegawai² kanan Kementerian yang berkenaan dan Majlis Keselamatan Jalan Raya telah di-bentok untuk membincangkan peratoran² itu. Dan soal pengechualian orang² Sikh dan pak² Haji dari memakai Topi Keledar apabila menunggang motorsikal akan di-beri timbangan yang sa-wajar-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada-kah Jawatan-kuasa itu juga akan memberi pertimbangan kepada wanita² kita yang bersangkul menaiki motorsikal?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kalau semua hendak di-beri pertimbangan saya fikir ta' payah adakan undang² Topi Keledar. Jadi kita akan siasat kerana di-negeri Eropah dan di-mana² pun, kalau hendak menyelamatkan jiwa, wanita² kita boleh pakai sapu tangan menutup rambut-nya, kemudian di-masokkan topi keledar—ini ta' rosak rambut-nya.

Tuan R. C. M. Rayan (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, will the Honourable Minister consider enforcing the wearing of crash helmets only outside the town limits, as statistics clearly show that serious accidents only occur outside the town limits and not in town? Further, will the Minister also consider that some of the motor-cyclists, particularly the lady motor-cyclists, do not even go outside the town and it is unfair to force them to wear helmets in towns?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan adil. Kita akan timbangkan mana jalan raya yang ada simin, yang ada batu keras kalau jatoh kepala pechah, kalau tidak pakai Topi Keledar. Ini kita hendak selesaikan dahulu. Tetapi Yang Berhormat dari Ipoh berchakap terbaillik (Ketawa). Saya tidak fikir di-tempat² yang

ada jalan tanah² dan darat, kita barangkali akan timbangan dan kechualikan benda² itu, tetapi kalau dia datang naik motosikal ka-Kuala Lumpur dan ka-bandar², dia terpaksa pakai Topi Keledar kalau tidak itu satu kesalahan.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the Sikh community and the Hajis are very happy with the announcement of the Honourable Minister that he is now considering giving them exemption. But, Sir, the question I would like to ask now is this: the Sikh Traffic Police are not wearing crash helmets at the moment. They still keep their turbans. So if that is the case, could not the Honourable Minister right away say that exemption would be given to the Sikhs and the Hajis.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan bukan ambil satu² keputusan macham yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi soal-nya bagini, saya dapat tahu yang ada sa-tengah sahabat kita daripada orang Sikh ada juga pakai turban, tetapi apabila dia jadi pemandu kapal terbang, dia kena pakai juga, ada juga barangkali dalam military yang jadi M.P. ada juga pakai. Dengan sebab itu, saya akan mengadakan jawatan-kuasa ini, wakil² daripada mana² perkhidmatan, Yang Berhormat tidak nampak yang bawa kapal terbang. Ini kita kena timbangan dengan sa-halus²-nya kalau dari segi ugama, kita juga minta pandangan daripada ahli ugama. Kalau semua tuan² haji, tidak pakai, orang Punjabi tidak pakai, mereka jatuh dan mati, saya kena da'awa pula (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat dari Bungsar hilang orang hendak mengundi dia nanti.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan ini orang Sikh dan orang Haji di-kechualikan daripada memakai Topi Keledar bila menonggang motosikal. Bagaimana-kah tindakan akan di-ambil oleh Menteri Perhubungan jika sa-orang Haji naik motosikal tidak memakai Topi Keledar, maka di-tangkap oleh Polis, maka jawab-nya, dia Haji, tetapi dia tidak pakai serban (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak boleh-lah begitu (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini hendak luluskan Rang Undang². Ini sudah lulus Rang Undang² ini—rules and regulations. Apabila Rang Undang² telah di-luluskan oleh Rumah

Yang Berhormat ini dan peratoran² kita akan adakan, kita kajikan dari segala segi. Tidak boleh-lah kita buat undang², kita langgar terutama-nya Yang Berhormat kita sendiri. Kita harap kita akan selidek halus², kerana Tuan Haji pun serban ada yang besar, ada yang kechil, kalau serban kechil barangkali boleh pakai—size-nya kechil. Ikhtiar ini ada-lah wajib. Tuhan tidak suroh kita menchari maut (*Ketawa*).

Tuan Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini berchadang hendak menetapkan satu² colour atau warna bagi membezakan antara orang awam dengan pehak Polis atau pehak Pasokan Keselamatan dan Traffic Police.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau yang puteh elok, malam² boleh nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(*Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 13 hingga 49 ada-lah di-beri di-bawah ini*).

LORI² MENGELUARKAN ASAP HITAM

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa asap hitam yang keluar dengan banyak-nya dari lori² menjadi anchaman kapada kesihatan dan juga lalu lintas, dan langkah² yang telah di-ambil untuk menghalang kejadian yang burok ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sedar tentang ada-nya lori² yang mengeluarkan asap hitam yang boleh mengotorkan udara alam sekitar.

Tindakan kuatkuasa Undang² yang di-beri di-bawah Peratoran² Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan), 1959 telah di-ambil dari masa ka-semasa terhadap kenderaan² yang mengeluarkan asap yang berlebihan. Di-sepanjang bulan April, Mei dan Jun 1972 sa-banyak 1,048 kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan telah di-laporkan oleh Pegawai² Bahagian Satu dan Pegawai² Pengangkutan Jalan. Kenderaan² tersebut telah di-larang daripada berjalan di-atas jalan raya sa-hingga Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta² Motor sa-telah membuat pemeriksaan berpuas hati

bahawa kenderaan² itu tidak lagi mengeluarkan asap yang berlebihan.

PELURU² BERPANDU ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

14. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) ada-kah beliau sedar yang Angkatan Tentera Singapura sekarang telah menggunakan peluru² berpandu bernama "BLOODHOUND"; dan
- (b) ada-kah Angkatan Tentera kita akan juga di-lengkapkan dengan peluru² berpandu jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri:

- (a) Ya.
- (b) Angkatan Tentera Malaysia akan di-lengkapkan dengan senjata² yang dapat memenohi keperluan² pertahanan negara. Saptimana Ahli Yang Berhormat itu ma'alum, beberapa buah kapal Tentera Laut Diraja Malaysia telah pun di-lengkapkan dengan peluru² berpandu.

RUMAH² KELAMIN BAGI PERAJURIT²

15. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan, memandangkan kepada rumah² yang di-duduki oleh sa-tengah perajurit² kita di-Kuala Lumpur terutama-nya di-Kampung Dato' Keramat dalam keadaan yang tidak begitu memuaskan, bila-kah Kerajaan akan membena rumah² kelamin untuk mereka.

Perdana Menteri: Kerajaan ada-lah sedar bahawa sebilangan anggota² Angkatan Tentera, terutama anggota² lain pangkat yang berkelamin telah mengalami kesulitan dalam mendapatkan tempat² kediaman yang sesuai di-kawasan² di-mana Rumah² Kerajaan di-dapati tidak cukup untuk semua; masalah ini bukan sahaja terdapat di-Kuala Lumpur tetapi juga di-beberapa kawasan² bandar yang lain. Kita telah bersetuju supaya langkah² yang tertentu di-ambil dengan tujuan untuk memperbaiki dengan segera keadaan sekarang dan dalam jangka masa panjang mengatasi sepenoh-nya masalah ini.

Di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua sebanyak 13,744 yunit rumah² kelamin akan

di-bena di-seluruh negara; dari jumlah ini sebanyak 1,956 ada-lah di-untukkan bagi kawasan Kuala Lumpur. Di-samping itu Kerajaan telah juga mengambil langkah sementara menyewa sebanyak 100 yunit di-rumah² pangsa di-Jalan Loke Yew untuk menampung keperluan rumah² kelamin bagi anggota² lain pangkat Angkatan Tentera.

Ada-lah menjadi dasar Kerajaan sekarang ini untuk menyediakan perumahan bagi semua anggota² Angkatan Tentera; bilamana rumah Kerajaan tidak dapat di-sediakan elain sewa rumah ada-lah di-berikan sebagai ganti. Kadar tetap sewa rumah yang dahulu-nya di-gunakan bagi seluruh negara telah di-naikkan mula'i daripada 1hb Ogos, 1972 kepada kadar² yang sesuai mengikut tempat². Bagi daerah Kuala Lumpur umpama-nya, kadar²-nya ia-lah sebanyak \$80.00 bagi Koperal dan ka-bawah dan \$131.00 bagi Sarjen dan ka-atas.

TEMUDUGA AHLI JAWATAN- KUASA PEMILEH

16. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan ada-kah beliau sedar ia-itu baharu² ini dalam suatu temuduga yang telah di-adakan di-Kota Bharu salah sa-orang daripada pemohon² telah di-tanya oleh sa-orang Ahli Jawatan-kuasa Pemileh, yang di-hantarkan khas dari Kuala Lumpur, sama ada ia salah sa-orang daripada penyokong² Parti Perikatan, dan jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil terhadap pegawai ini.

Perdana Menteri: Memang benar sa-orang Ahli Jawatan-kuasa Pemileh telah mengemukakan soalan kepada pemohon² sama ada mereka ahli chergas dalam politik mahu pun dalam Parti Perikatan atau parti² lain. Soalan sa-bagini memang perlu di-tanya oleh Jawatan-kuasa Pemileh kerana jika sa-orang pemohon itu ahli (member) satu² parti politik, ia-nya tidak boleh di-pileh sebagai anggota angkatan tentera. Ini ada-lah ternyata dan termaktub dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera yang di-keluarkan sejak tahun 1959 yang berbunyi, antara lain, "Sa-saorang anggota angkatan tentera tidak boleh menjadi ahli sebarang parti politik". Barangkali soalan sa-bagini mungkin telah tersalah faham antara perkataan ahli (member) dan penyokong (Supporter).

YUNIT PENGANGKUTAN DASAR (BASIC TRANSPORTATION UNIT)

17. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan jenis pengangkutan bernama BTU (Basic Transportation Unit) yang di-buat oleh General Motors di-Johor dan sama ada pihak Kerajaan boleh membenarkan peng- usaha² lain seperti Ford Motors membena FIERA dan sharikat² pembuat kereta² Jepun membuat kenderaan² sa-umpama itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Sharikat General Motors yang membuat Yunit Peng- angkutan Dasar (Basic Transportation Unit) telah menda'awa bahawa kenderaan tersebut murah harga-nya dan binaan-nya ada-lah kuat dan boleh di-perchayai. Kenderaan tersebut juga ada-lah sesuai untuk kegunaan penumpang² dan untuk mengangkut barang².

Alat injin dan sistem pemindah kuasa (kotak gear dan gandar) akan di-impot. Sharikat tersebut juga menda'awa bahawa rangka chesi, badan dan lain² komponen yang berjumlah 50% daripada harga borong boleh di-perbuat di-dalam negeri ini.

Sharikat tersebut telah memohon kebenaran untuk mengeluarkan kenderaan tersebut di- loji mereka di-Johor Bahru. Buat masa ini, kebenaran hanya di-beri untuk mengimpot sebanyak 24 buah injin dan sistem pemindah kuasa untuk tujuan perhubungan dan per- tunjokan. Ini ada-lah untuk memberi peluang kepada Sharikat itu membuktikan kebolehan untuk mengeluarkan kenderaan tersebut di- negeri ini sechra ekonomik. Sekira-nya sharikat tersebut bertujuan untuk meneruskan projek mengilang kenderaan² tersebut untuk di-perdagangan, ia mesti-lah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Kerajaan. Permohonan itu akan di-pertimbangkan nanti mengikut polisi Kerajaan berkenaan Per- usahaan Kenderaan² berjentera sa-bagaimana yang di-kenakan keatas semua sharikat² yang telah di-benarkan untuk mengilang kenderaan yang sa-demikian.

PENUTOPAN LADANG² MENYEBABKAN PENGANGGORAN

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar akan masalah berat mengenai pemberhentian be- ramai² dan penganggoran di-ladang² getah di-Malaysia;

(ii) langkah² yang telah di-ambil oleh Ke- menterian beliau untuk mendapatkan pekerjaan dan chara² mata pencharian yang telah di-berhentikan itu di-mana kebanyakan daripada mereka telah menghabiskan masa muda mereka di- dalam perindustrian getah;

(iii) sama ada beliau sedar bahawa terdapat sa-tengah² majikan ladang² getah yang enggan mengambil sa-mula pekerja² yang telah di-berhentikan walau pun terdapat peluang² pekerjaan, dengan alasan mereka di-larang oleh Kemen- terian Buroh daripada berbuat dem-ikian kerana tidak ada persaimbangan kaum di-dalam pekerjaan; dan

(iv) sama ada beliau akan mengeluarkan suatu arahan kepada semua majikan ladang² getah supaya memberi keuta- maan pekerjaan dan pengambilan sa- mula kepada pekerja² ladang² getah yang telah di-berhentikan supaya akuan Kerajaan di-bawah Ranchangan Malay- sia Kedua yang "tidak sa-orang pun akan mengalami sabarang kerugian atau mereka yang hak, kepentingan, pendapatan peluang, atau pekerjaan mereka di-tarek" dapat di-laksanakan dengan jujur.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Jawapan mengenai

(i) dan (ii)—Saya sedar bahawa dari semasa kesemasa, di-sebabkan oleh penanaman se- mula, penutupan ladang² pertukaran milek dan lain² sebab maka pekerja² ladang di-buang. Walau bagaimana pun kebanyakan dari pekerja² yang di-buang itu memperolehi kerja di-tempat² lain. Walau bagaimana pun sa-tengah dari mereka enggan untuk berpindah ka-kawasan lain di-mana pekerjaan boleh di-dapati.

Mengenai soalan (iii), saya suka menyata- kan bahawa ada-lah menjadi dasar Kerajaan bagi menentukan bahawa tenaga kerja di- tempat² pekerjaan mencherminikan kumpolan kaum di-negeri ini. Ini ada-lah salah satu langkah² di-mana Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan (tanpa mengira kaum, warna kulit dan fahaman) dan membentok semula masharakat ada-lah sedang di-usahakan. Semangat dasar ini bukan-lah untuk merampas dari Peter untuk di-beri kepada Paul (to rob Peter to pay Paul) atau untuk merampas peluang pekerjaan oleh mana² warganegara. Apa

yang di-harapkan dan di-kehendaki terhadap sa-sorang majikan ia-lah apabila beliau memenohi kekosongan kerja, beliau hendaklah sentiasa berusaha dengan jujur dan ikhlas dalam mengambil pekerja² mengikut tujuan² di-atas. Oleh itu beliau tidak-lah di-larang dari mengambil semula pekerja² ladang yang telah di-buang.

Mengenai (iv) soal mengeluarkan satu arahan ada-lah di-fikirkan tidak perlu. Pengurusan² ladang ada-lah sedar mengenai dasar Kerajaan mengenai perkara ini melainkan sedikit kes yang berasingan. Tindakan sawajar-nya bagi memperbaiki, di-jalankan dengan serta merta oleh Kementerian saya jika di-dapati perlu.

JENIS² PROJEK PEMBANGUNAN DI-SARAWAK

19. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Pembangunan negara dan Luar Bandar menyatakan jenis² projek pembangunan yang telah di-jalankan di-Sarawak dalam tahun 1970 dan 1971 dan jumlah yang telah di-belanjakan dalam tiap² projek.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Bagi tahun² 1970 dan 1971 sa-banyak \$143.8 juta telah di-belanjakan di-Negeri Sarawak.

Di-antara projek² yang telah di-laksanakan dalam tahun² 1970 dan 1971 ia-lah:

	\$m.
<i>Ekonomi</i>	119.6
Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	48.4
Perdagangan dan Perusahaan ...	4.9
Pengangkutan	49.3
Perhubungan	12.5
Kemudahan ² Awam	4.5
<i>Sosial</i>	20.0
Pelajaran	6.2
Perubatan	7.2
Perkhidmatan Sosial dan Masha-rakat	6.6
<i>Pentadbiran Awam</i>	4.2
Jumlah	143.8

PROJEK² LUAR BANDAR DI-SARAWAK

20. Tuan Pengarah Rahum anak Debak minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa projek² luar bandar yang kecil² yang sedang di-laksanakan di-Sarawak ada-lah berdasarkan terutama-nya kepada pergabungan politik pemohon² dan kawasan² walau pun ada jaminan oleh Perdana Menteri bahawa pembangunan tidak di-pengaruhi oleh politik, dan jika ya, apakah langkah² yang akan di-amal oleh Kerajaan Persekutuan untuk menentukan yang jaminan² Perdana Menteri tidak di-salah faham dan di-salah laksanakan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak benar. Semua projek² ada-lah di-proses oleh Jawatankuasa² Tindakan Daerah² dan Bahagian² dan seterusnya oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri di-mana keutamaan² bagi projek² tersebut di-buat berdasarkan kepada "criteria" yang tertentu seperti kepentingan dan keperluan projek² tersebut dan berapa banyak peruntukan yang boleh di-dapati.

PEMBEKALAN LETRIK LUAR BANDAR DI-SARAWAK

21. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada rancangan pembekalan letrik luar bandar di-Sarawak akan termasuk keperluan² bekalan letrik bagi rumah² panjang.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Rancangan bekalan letrik luar bandar di-Sarawak akan mengandungi keperluan² di-rumah² panjang di-mana bekalan itu dapat di-sampaikan. Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak pada masa ini sedang menyiasat kemungkinan² untuk mengurangkan perbelanjaan bagi menyediakan bekalan letrik dengan menggunakan sekim mikro hidro.

PEMBENAAAN HOSPITAL DI-BAU SARAWAK

22. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa-kah sa-buah hospital tidak di-bena di-Bau, Sarawak, dan bila-kah ia akan di-bena memandangkan kepada bertambah-nya bilangan pesakit² di-sana.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Hospital² ada-lah di-bena mengikut criteria atau syarat² dan keutamaan-nya. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, 2 buah hospital baru telah pun di-chadangkan di-Serian dan Limbang. Dalam lawatan saya ka-Bau Dispensari pada 7-7-72, saya telah pun berbincang dengan Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu dan pegawai² tinggi dari Kementerian ini atas kemungkinan untuk membesarkan kemudahan² yang ada di-Bau Dispensari itu kepada sa-buah Pusat Kesihatan Kechil.

LANGKAH² MENGATASI KEKURANGAN JURURAWAT²

23. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) sebab² beliau gagal memujuk jururawat² Malaysia di-United Kingdom supaya kembali ka-Malaysia untuk berkhidmat kepada negara; dan
- (ii) apa-kah langkah² yang sedang di-ambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah kekurangan jururawat² di-hospital² Malaysia.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (i) Saya tidak gagal dalam usaha² saya untuk mendapatkan Jururawat² Malaysia di-United Kingdom balek berkhidmat ka-tanah ayer bagaimana kenyataan yang di-beri dalam jawapan saya kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor pada hari semalam (8-8-72).
- (ii) Tindakan² yang telah di-ambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan jururawat di-hospital² di-Malaysia ada-lah seperti berikut:
 - (1) Ranchangan² telah pun di-sediakan berikutan dengan perluasan yang besar di-dalam achara² latehan bagi jururawat². Bilangan penuntut² jururawat di-Sekolah Kejururawatan telah bertambah daripada 900 orang dalam tahun 1970 kepada 1,385 orang dalam tahun 1972. Dua buah sekolah lagi akan di-bena dalam tahun 1974 yang akan dapat mengambil seramai 600 penuntut² jururawat lagi.
 - (2) Usaha² mengambil jururawat² yang terlateh di-Malaysia, dari United Kingdom dan Australia maseh di-teruskan lagi. Iklan²

telah pun di-buat mempelawa jawatan² ini kepada jururawat² terlateh yang mempunyai kelayakan² sa-bagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Jururawat, Malaysia. Hingga hari ini 78 orang jururawat telah menyambut pelawaan ini dan 51 orang telah di-pilih untuk berkhidmat.

- (3) Rayuan² juga telah di-buat kepada mereka² yang bukan Warganegara Malaysia yang telah berkahwin dengan Warganegara Malaysia dan mempunyai kelayakan kejururawatan yang sesuai supaya berkhidmat dengan Kementerian ini.

PELAJAR²/FAKULTI², DI- UNIVERSITI KEBANGSAAN

24. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) jumlah mahasiswa², dan peratus² mereka dalam—

- (a) Fakulti Pengajian Islam;
- (b) Fakulti Sains; dan
- (c) Fakulti Sastera di-Universiti Kebangsaan;

- (ii) sama ada beliau bersetuju bahawa terdapat kelebihan penuntut² di-Fakulti Sastera dan Pengajian Islam, pada hal tekanan mesti-lah terhadap pengambilan penuntut sa-chara besar-besaran ka-dalam Fakulti Sains, jika orang² Melayu ingin mara ka-zaman sains dan teknologi; dan

- (iii) sama ada beliau akan berhubung dengan Universiti Kebangsaan untuk membekukan Fakulti² Sastera dan Pengajian Islam dan menumpukan perhatian terhadap memperkembangkan Fakulti Sains untuk menampung keperluan² Malaysia zaman moden.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):

- (i) Jumlah Pelajar² dan peratusan² mereka dalam tiap² Fakulti di-Universiti Kebangsaan Malaysia adalah sebagai berikut:

- (a) Fakulti Pengajian Islam 197 orang (19.6%)
- (b) Fakulti Sains 194 orang (19.4%)
- (c) Fakulti Sastera 611 orang (61%)

- (ii) Perkara pertama perlu di-jelaskan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan ia-lah Universiti Kebangsaan tidak di-tubuhkan khusus untuk menampung pelajar² Melayu sahaja. Semua calon yang mempunyai kelayakan akademik dan bahasa yang diperlukan sebagaimana di-tetapkan dari sa-masa ka-samasa ada-lah di-beri pertimbangan untuk di-terima masuk ka-Universiti tersebut tidak mengira, ugama atau keturunan.

Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu bilangan pelajar² dalam Fakulti Pengajian Islam tidak-lah dapat di-katakan berlembahan kerana jumlah pelajar dalam Fakulti tersebut hanya merupakan sebanyak 19.6% daripada jumlah pelajar² dalam Universiti itu. Pada masa ini memanglah benar bahawa pelajar² Fakulti Sastera merupakan golongan yang terbesar, yaitu sebanyak 61%. Ini pula sebahagian-nya ada-lah di-sebabkan Universiti Kebangsaan itu baharu sahaja di-tubuhkan dan ketika ini hanya mempunyai tiga Fakulti sahaja. Ada-lah di-jangkakan bahwa peratus pelajar² Fakulti Sastera akan berkurang dengan sendiri-nya apabila Universiti itu menubuhkan Fakulti² baru. Saya sa-mang-lah ingin melihat ramai lagi penuntut² bumiputra dalam jurusan sains dan teknologi. Walau pun demikian memberi tekanan terhadap usaha menambahkan bilangan pelajar² Melayu dalam bidang sains dan teknologi tidak-lah semesti-nya bermakna mengurangkan bilangan mereka dalam bidang² yang lain, terutama-nya apabila memandangkan bahwa bilangan pelajar² Melayu dalam bidang² yang lain itu pun masih juga berkurangan pada masa ini berbanding dengan pelajar² yang bukan Melayu. Dalam hal Universiti Kebangsaan, oleh kerana kekurangan calon² yang berkelayakan, bilangan pelajar² Melayu dalam Fakulti Sains tidak-lah dapat di-tambahkan pada masa ini walaupun pengambilan pelajar² dalam Fakulti² lain di-kurangkan.

- (iii) Tidak. Perkara ini telah saya jelaskan tadi.

KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU²

25. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan

akan menimbang mengembalikan sa-mula wang² yang telah di-simpan oleh guru² di-Kumpulan Wang Simpanan Guru² dahulu sa-lepas mereka memilih untuk memasoki sekim Perkhidmatan Pelajaran Aziz untuk tujuan membeli rumah² mereka sendiri, dan jika ya, bila.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya akan mengkaji perkara ini.

MUTU IJAZAH² UNIVERSITI² INDIA

26. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah selesai membuat kajian-nya terhadap mutu ijazah² yang di-perolehi dari Universiti² India dengan tujuan mengiktirafkan-nya.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Perkara ini ada-lah dalam kajian dan di-harapkan dapat di-beri keputusan sebelum akhir tahun ini.

PENJUALAN GETAH DENGAN RINGGIT MALAYSIA

27. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa sa-tengah² saudagar getah dalam negeri ini sedang mempermainkan pasaran getah pada masa ini dengan menjual getah menggunakan ringgit Malaysia dan tidak dengan pound sterling;
- (b) sama ada amalan seperti itu menguntungkan negara; dan
- (c) sama ada amalan seperti itu menjadi satu kesalahan, jika ya, apa-kah tindakan yang telah di-ambil.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Ada-lah menjadi amalan pada masa sekarang penjualan getah di-Malaysia di-buat dengan menggunakan ringgit Malaysia dan amalan seperti ini tidak-lah menjadi satu kesalahan.

PERKHIDMATAN TALIVISHEN DI-SARAWAK

28. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Tugas² Khas dan Menteri Pengerangan menyatakan bila-kah Sarawak akan mempunyai suatu perkhidmatan talivishen dan harga anggaran projek tersebut.

Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Kementerian Penerangan sedang menguruskan supaya TV dapat di-terima di-beberapa tempat di-Sarawak dengan menggunakan steshen² pemancar Talikom yang akan di-benakan di-Miri, Bintulu, Sibul dan Kuching yang akan datang dari Kota Kinabalu. Perbelanjaan membina steshen² pemancar ini ada-lah sa-banyak \$28 juta.

Kajian sedang juga di-buat oleh Kementerian untuk membolehkan Kuching menerima TV daripada Kuala Lumpur.

KELAMBATAN PEMBAYARAN TUNGGAKAN GAJI GURU²

29. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kelambatan dalam pembayaran tunggakan gaji guru² yang telah memileh untuk memasoki tangga-gaji Aziz, dan jika ya, apa-kah langkah² yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengelakkan kelambatan seperti itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Bilangan guru² yang terlibat ada-lah lebeh kurang 61 ribu orang dan dalam pembayaran tunggakan gaji ini beberapa peratoran tertentu mesti diikuti, umpama-nya menyediakan laporan perubahan, paysheet, voucher dan sebagainya. Walau bagaimana pun, setakat ini, lebeh daripada 75% guru² telah menerima tunggakan-nya dan ada-lah di-jangkakan baki-nya akan di-bayar sa-belum akhir tahun ini.

TINGKATAN ENAM RENDAH— TAWARAN TEMPAT

30. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebabnya sa-bilangan penuntut-penuntut yang mendapat kelulusan Gred I dalam Peperiksaan MCE tahun 1971 tidak di-beri tempat dalam kelas-kelas Tingkatan VI tahun 1972 walhal sa-bilangan besar penuntut-penuntut dengan kelulusan Gred II telah di-masokkan ka-Kelas-kelas Tingkatan VI tahun 1972.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tawaran tempat Tingkatan Enam Rendah, Jurusan Sastera atau Sains kepada penuntut-penuntut

berasaskan kepada keputusan tiga matapelajaran cognate mereka yang terbaik dan bukan berasaskan kepada gred yang diperolehi.

Murid-murid yang mendapat Gred I yang tidak ditawarkan tempat memasoki Tingkatan Enam Rendah adalah murid-murid yang mendapat jumlah aggregate yang tinggi iaitu antara 10 hingga 12.

Murid-murid yang mendapat Gred II yang ditawarkan tempat memasoki Tingkatan Enam Rendah adalah murid-murid yang mendapat aggregate yang rendah iaitu di-antara 3 hingga 6. Murid-murid ini tidak mendapat Gred I oleh kerana mereka tidak berjaya mendapat kepujian didalam satu-satu matapelajaran bahasa. Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa kebolehan murid-murid ini adalah lebeh daripada pemegang-pemegang Gred I yang mendapat aggregate tinggi.

TUN MUSTAPHA SA-BAGAI CHANSELOER UNIVERSITI PERTANIAN

31. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa chadangan melantek Tun Mustapha sa-bagai Chanselor Universiti Pertanian telah di-alu²-kan oleh banyak pertubohan² sa-bagai suatu tanda yang baik oleh kerana ada-lah di-harap supaya lebeh ramai orang² dari Malaysia Barat akan mengenali lebeh ramai lagi orang² dari Malaysia Timor.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, saya sedar.

ANGKA PECHAHAN PENUNTUT² DI-UNIVERSITI MALAYA

32. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) angka pechahan penuntut² mengikut kaum yang dibenarkan masuk ka-Universiti Malaya bagi tahun pengajian yang bermula pada tahun 1972; dan
- (ii) sama ada beliau sedar bahawa penuntut² bangsa India telah membantah dengan hebat-nya terhadap kepayahan untuk masuk ka-Universiti; jika sedar, apa-kah yang Kementerian akan buat mengenai rungutan² itu pada tahun² yang akan datang.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (i) Pechahan penuntut² menurut kaum yang di-terima masok ka-Universiti Malaya pada Tahun Akademik 1972/73 ada-lah saperti berikut—

Jurusan	Melayu	China	India	Lain ²	Jumlah
Sastera (termasok Ekonomi, Sastera dan Undang ²) ...	1048	310	97	49	1504
Jurusan ² Sains ...	246	664	72	20	1002
Jumlah ...	1294	974	169	69	2506

Peratusan-nya ada-lah saperti berikut:

Jurusan	Melayu	China	India	Lain ²	Jumlah
Sastera (termasok Ekonomi, Sastera dan Undang ²) ...	69.7%	20.6%	6.4%	3.3%	100%
Jurusan ² Sains ...	24.6%	66.3%	7.2%	1.9%	100%
Jumlah ...	51.6%	38.9%	6.7%	2.8%	100%

- (ii) Pada mula-nya bilangan penuntut² keturunan India di-Universiti Malaya untuk Tahun Akademik 1972/73 ia-lah 475 orang ia-itu 5.8%. Saya telah meminta Universiti Malaya menambah pengambilan penuntut² keturunan India ka-Universiti hingga-lah jumlah penuntut² keturunan India itu menjadi 555 orang dan peratus-nya menjadi 6.7%. Berkenaan dengan kepayahan untuk masok ka-Universiti, kepayahan ini di-rasai oleh penuntut² keturunan semua kaum kerana tempat² ada-lah terhad. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan mengawasi supaya bilangan penuntut² yang di-terima masok tiap² tahun ka-Universiti ada-lah mencherminkan keperibadian Malaysia bukan sahaja di-Universiti itu pada keseluruhan-nya, tetapi juga di-dalam fakulti².

TINDAKAN KERAJAAN BRITISH MENGHADKAN KAWASAN STERLING

33. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada ma'alumat awal telah di-beri oleh Kerajaan British di-atas langkah-nya menghadkan kawasan Sterling kapada Britain dan Republik Irish sahaja, dan apa-kah kejejasan yang di-alami oleh ringgit Malaysia akibat tindakan itu.

Tun Tan Siew Sim: Keputusan Kerajaan British untuk membenarkan sterling tera-pong² telah di-sampaikan kapada kita pada pagi 23hb Jun, 1972. Keputusan itu di-kuat-kuasakan pada pukul 2.15 malam waktu Malaysia Barat atau pun pukul 7.45 pagi waktu musim panas British pada hari yang sama. Maka kelihatan-lah kalau kita ingin mengubah susunan chadangan² (reserve) kita pada waktu itu ada-lah tidak mungkin di-lakukan kerana pasaran² di-Eropah dan di-Amerika Utara pada masa itu masih lagi

di-tutup, waktu itu ada-lah pagi² benar di-kedua² kawasan tersebut.

Sesungguh-nya saya patut memberitahu Dewan ini ia-itu selepas persetujuan perjanjian Smithsonian pada bulan Disember, 1971, saya telah meminta Chancellor of the Exchequer Kerajaan British, Tuan Anthony Barber, meminda Perjanjian² Sterling, supaya ia menggambarkan keadaan yang telah berubah akibat peristiwa di-atas tadi. Dalam lain² perkataan, saya telah meminta beliau meminda bahagian perjanjian, dan ini ada-lah bahagian yang paling penting, yang menetapkan Kerajaan British akan melindongi sa-barang kerugian dalam nilai di-atas pemegangan sterling kita (yang melebihi 10% pertama) jika sekira-nya sterling sekali lagi turun nilai-nya berbanding ringgit Amerika. Perjanjian Sterling telah di-asaskan kapada kadar par US\$2.40 kapada paun, penurunan nilai ringgit Amerika pada masa Perjanjian Smithsonian, bererti jaminan yang di-beri

oleh Britain telah turun nilai-nya. Akibat-nya Perjanjian Sterling tidak akan melindungi kita dari jatuh-nya penurunan nilai sterling seterusnya sebanyak 8½% atau kurang. Setelah beberapa perutusan surat Chancellor itu akhir-nya menyatakan bahawa Kerajaan British tidak akan menyetujui chadangan kita. Kita ada mempunyai alasan yang dapat di-terima untuk memperchayai bahawa Malaysia ada-lah negara yang pertama dalam Kawasan sterling yang menchadangkan pindaan kepada Perjanjian Sterling.

Dengan mengingati bahawa kita telah menyetujui Perjanjian Sterling untuk menetapkan bahagian sterling yang minima sebanyak 36%, ia-itu merupakan bahagian chadangan (reserve) kita dalam sterling yang sepatut-nya tidak boleh kurang dari 36% daripada jumlah wang chadangan (reserve) kita, kita tidak mempunyai chadangan untuk mengurangkan pegangan kita kurang daripada 36% tanpa memungkiri perjanjian kedua belah pihak. Ada-lah bukan untuk kepentingan awam bagi saya untuk menyatakan kandungan sebenar chadangan kita sebelum atau selepas paun di-apungkan. Mithal-nya, jika di-nyatakan bahawa pengedaran wang besar²an dari setengah² matawang yang tertentu yang telah kita lakukan, ini akan membawa kepada pengedaran yang sama pada peringkat antarabangsa. Ada-lah satu kesalahan yang jelas bagi kita untuk memburokkan lagi keadaan yang telah begitu burok. Dengan demikian saya tidak akan dapat menerangkan kepada Ahli² Yang Berhormat atas perkara ini.

Untuk peringatan semula ia-itu apabila Kerajaan British menyatakan tujuan-nya untuk mengapungkan paun, ia juga menyatakan tujuan-nya untuk menghadkan Kawasan Sterling kepada Britain dan Republik Ireland. Kesan yang besar dari pembubaran sebenar Kawasan Sterling ini, ia-lah pada masa hadapan kita akan mendapati lebih sukar untuk mendapatkan pinjaman² di-London. Walau bagaimana pun memandangkan kepada keutuhan kredit dan kekukohan matawang kita, yang telah mendapat pengiktirapan di-seluruh dunia, kita seharusnya tidak mendapat kesusahan dalam usaha mendapatkan pinjaman² di-pasaran² Amerika Utara dan Eropah apabila pinjaman² tersebut di-perlukan.

Semasa pengumuman untuk mengapungkan matawang paun di-buat kita bersetuju, di-antara lain, menukar matawang intervensi

(intervention) yang pada masa itu ada-lah paun sterling, kepada ringgit Amerika Sharikat. Sebab utama keputusan ini ia-lah jelas tidak menguntungkan jika menggunakan matawang, yang nilai-nya akan berubah² dari hari ka-hari akibat dari pengapungan. Ada-lah jelas bahawa pertimbangan ini juga yang menyebabkan Majlis Timah Antara-bangsa menetapkan harga² paling rendah dan paling tinggi dalam bentuk ringgit Malaysia. Ini sememang-nya sangat wajar berdasarkan kepada keadaan sekarang dan kami perchaya bahawa perubahan ini akan kekal.

Dewan, walaubagaimana pun, boleh menganggap yang kami telah melalaikan segala yang mungkin untuk menjamin nilai harta luar negeri kita. Kita telah tidak menunggu sesuatu sampai berlaku sebelum kita bertindak. Kita telah chuba menelah sesuatu dan dalam banyak perkara kita telah berjaya. Sesungguh-nya, kita tidak menganggap yang kita telah menda²awa berlebeh²an apabila kita menyatakan yang kita telah menduga keadaan dalam bidang ini, lebih tepat dan awal dari kebanyakan negara² lain. Walaubagaimana pun, mesti di-ingat ia-itu keadaan kewangan antarabangsa ada-lah tidak tetap dan kita hendak-lah bersama² hidup dalam keadaan ini buat beberapa waktu.

Hanya dua sahaja matawang chadangan ia-itu Ringgit Amerika dan paun sterling, dan dengan yang demikian bidang pemilehan ada-lah terhad. Untuk memburokkan lagi keadaan, negara² seperti German, Jepun dan Switzerland yang pada masa ini mempunyai matawang yang kukuh tidak mahu matawang mereka di-gunakan sebagai matawang² chadangan dan tidak langsung menggalakkan negeri² lain membeli matawang² mereka, ia-itu dengan mengenakan hukuman² ka-atas siapa² yang melilek-nya. Sa-bagai contoh, Switzerland mengenakan 8% sa-tahun kepada orang² asing yang berpeluang memileki matawang Swiss dan menyimpan-nya dalam Bank Swiss. Oleh itu ada-lah jelas, bahawa seperti Kerajaan kita yang mempunyai kedudukan chadangan luar yang tegoh hasil daripada pengurusan yang bijak ada-lah berada di-dalam kedudukan yang sukar. Kita boleh membuat seberapa yang boleh bahkan kita dapat menjangkakan sesuatu yang tepat dan kita di-Malaysia boleh menda²awa sechra jujur bahawa kita telah membuat-nya, tetapi bidang pergerakan untuk kita ada-lah terhad dan kita terpaksa

tinggal di-dalam keadaan ini. Saya bersetuju bahawa ini ada-lah satu daripada hukuman² kekayaan, tetapi saya chuba menhadangkan ia-itu masalah² kekayaan ini lebih mudah di-selesaikan daripada masalah² kemiskinan.

(*Dengan izin*) The British Government's decision to allow sterling to float was conveyed to us on the morning of 23rd June, 1972. The decision was to have taken effect at 2.15 p.m. West Malaysian time or 7.45 a.m. British summer time on that day. It will, therefore, be seen that even if we had wanted to change the composition of our reserves at that time it was not possible to do so because all markets in Europe and North America would then be closed, it being the early hours of the morning in both areas.

I should, however, inform the House that after the conclusion of the Smithsonian Agreement in December 1971, I asked the British Chancellor of the Exchequer, Mr Anthony Barber, to amend the Sterling Agreement so that it would reflect the changed situation which arose as a result of the former. In other words, I asked him to amend that part of the Agreement, and this was the most important part, which stipulated that Britain would make good any loss in the value of our sterling holdings (beyond the first 10%) should sterling be devalued again against the US dollar. As the Sterling Agreement was based on a parity of US\$2.40 to the pound, the US dollar devaluation at the time of the Smithsonian Agreement meant that the guarantee given to us by Britain had been devalued. As a result the Sterling Agreement would not protect us against a subsequent sterling devaluation of 8½% or less. After a rather protracted exchange of correspondence, the Chancellor finally informed us that the British Government could not agree to our proposal. We have good reason to believe that Malaysia was the first of the very few Sterling Area countries to propose this amendment to the Sterling Agreement.

Bearing in mind that we had undertaken in the Sterling Agreement to maintain a minimum sterling proportion (MSP) of 36%, i.e. that portion of our reserves in sterling should be not less than 36% of our total reserves, we were not in a position to reduce our holdings to less than 36% without breaching the Agreement unilaterally. It is

not in the public interest for me to disclose the exact composition of our reserves before or after the floating of the £. If, for example, it is revealed that massive movements out of certain currencies had been made by us, that could well lead to corresponding movements on an international scale. It would obviously be wrong for us to rock a boat which is already going through rough weather. I therefore will not be able to enlighten Hon'ble Members on this point.

It will be recalled that when the British Government announced its intention to float the £, it also announced its intention to confine the Sterling Area to only Britain and the Irish Republic. The major effect of this virtual dismantling of the Sterling Area is that in future we may find it more difficult to raise loans in London. In view, however, of our credit-worthiness and the strength of our currency, which has gained worldwide recognition, we should have no difficulty in floating loans in the North American and European markets should such loans be required.

When the float of the £ was announced, we decided, among other things, to change our intervention currency which was then the £ sterling, to the US dollar. The main reason for this decision is that it is obviously undesirable to use an intervention currency one whose value is likely to change from day to day, as a result of being floated. It was apparently this consideration which also caused the international Tin Council to express its floor and ceiling prices in terms of the Malaysian dollar. It certainly makes sense in view of the existing situation and we trust that this change will be a permanent one.

The House can, however, rest assured that we have done everything possible to safeguard the value of our external assets. We have not waited for events to happen before acting. We have tried to anticipate events and in many ways we have succeeded. Indeed, we do not think we are claiming too much when we say that we have anticipated events in this field more accurately and earlier than most other countries. It must, however, be borne in mind that the international monetary situation is highly unstable and we will have to live with this situation for some time more. There are only two reserve currencies, viz. the US dollar and the £ sterling, and so the field of choice is limited. To make it worse, countries like Germany, Japan and Switzerland which have

the strongest currencies at the moment do not wish their currencies to be used as reserve currencies and actively discourage other countries from buying their currencies by imposing penalties on those who hold them. For example, Switzerland charges foreigners 8% per annum for the privilege of holding Swiss currency and depositing it in a Swiss bank. It will therefore be seen that Governments like ours which enjoy a strong external reserve position as a result of prudent management, are in a very difficult position. We can do our best, we might even be able to anticipate events accurately and we in Malaysia can honestly claim to have done this, but our room for manoeuvre is clearly limited and we have to live with this fact of life. I agree that this is one of the penalties of wealth, but I venture to suggest that the problems of wealth are easier to solve than the problems of poverty.

PAUN STERLING KAPADA RINGGIT AMERIKA—MENUKARKAN

34. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada langkah Malaysia menukar matawang simpanan-nya daripada Paun Sterling kepada ringgit Amerika akan mendatangkan keuntungan yang berkekalan; jika ya, beri sebab²-nya, dan jika tidak, apa-kah langkah berkesan yang akan di-ambil di-masa hadapan untuk menyelamatkan nilai Ringgit Malaysia.

Tun Tan Siew Sim: Saya fikir tidak perlu bagi saya untuk menambah apa yang saya telah katakan sa-bagai jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu dahulu.

BADAN PENCHEGAH RASUAH

35. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menimbang dengan bijak-nya chadangan untuk menempatkan Badan Penchegah Rasuah di-bawah kawalan dan penyeliaan suatu Surohanjaya semua parti yang diketuai oleh sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi atau pun sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan untuk menentukan yang Badan ini benar² bebas dari sa-barang kemungkinan tekanan atau pun pengaruh politik.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Chadangan untuk menempatkan Badan Penchegah Rasuah di-bawah kawalan dan penyeliaan suatu Surohanjaya semua parti tidak dapat di-timbangkan oleh kerana kerja² yang di-jalankan oleh

Badan Penchegah Rasuah tidak sesuai di-kendalikan oleh sa-buah Surohanjaya.

KEPERLUAN PASPOT DAN PERATORAN IMIGERESEN

36. Dr A. Soorian minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, dalam menitekatkan lagi erti-kata perpaduan negara yang luas, ada-kah Kerajaan akan melonggarkan sekatan² berupa Paspot dan Peratoran Imigresen yang ada sekarang di-antara Malaysia Timor dan Barat.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Mengikut Perkara 161 E Perlembagaan Persekutuan, kemasokan dan kemastautinan orang² ka-dalam salah suatu negeri di-Malaysia Timor ada-lah hak asasi bagi Kerajaan negeri tersebut. Kehendak² ini telah pun di-masokkan ka-dalam Seksyen 5 Akta Imigresen 1963. Oleh yang demikian chadangan Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah dapat di-terima.

KONSULET MALAYSIA DI-HONGKONG

37. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Konsulet kita di-Hongkong tidak mengambil apa² tindakan untuk menjadikan nama Malaysia terkenal kepada orang² Hongkong seperti Singapura. Jika sedar apakah tindakan yang sedang di-ambil oleh Kerajaan untuk memperkenalkan negeri kita di-sana.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat patut menyoal perkara² yang lebih tepat (specific) daripada membuat tuduhan² sa-chara umum sahaja. Saya berpuas hati dengan kemajuan yang di-chapai oleh Surohanjaya kita dalam menjalankan tugas²-nya, walau pun perwakilan baru di-buka dalam bulan Jun tahun lepas dan terpaksa menghadapi berbagai masaalah pentadbiran dalam usaha² untuk mendirikan-nya dengan berkesan.

KURSUS DI-SEKOLAH LATEHAN CHAWANGAN JENAYAH

38. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan semenjak tertuboh-nya Sekolah Latehan Mata² Gelap dalam tahun 1969 bagi

melatih Mata² Gelap dalam teknik² moden untuk siasatan jenayah:

- (a) jumlah mereka yang telah menghadiri kursus di-sekolah latihan itu sehingga sekarang;
- (b) berapa peratus Mata² Gelap yang telah menghadiri kursus di-sekolah latihan itu; dan
- (c) apa-kah kursus² yang di-ajar.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) Sa-jumlah 560 Mata² Biasa, Mata² Gelap dan Kopral Gelap telah menghadiri Kursus di-Sekolah Latihan Chawangan Jenayah semenjak 1969.
- (b) Sebanyak 69%
- (c) Kursus yang di-jalankan ada-lah:
 - (i) Kursus Permulaan Mata² Gelap
 - (ii) Kursus Kenaikan Pangkat Mata² Gelap ka-Kopral Gelap.
 - (iii) Kursus Kenaikan Pangkat Kopral Gelap ka-Sarjan Gelap.

UJIAN² NUKLEAR OLEH KERAJAAN PERANCHIS

39. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah membantah dengan rasmi-nya kepada Kerajaan Peranchis terhadap keputusan-nya untuk menjalankan ujian² nuklear di-kawasan Pasifik baharu² ini, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Pendirian Kerajaan Malaysia mengenai ujian² senjata nuklear sudah di-ketahui umum. Kita ada-lah salah satu negara yang telah menanda tangani Perjanjian Bangsa² Bersatu yang mengharamkan ujian² senjata nuklear di-udara dan di-bawah ayer. Sejarar dengan pendirian itu, kita telah sama² mengemukakan satu resolusi di-Persidangan Human Environment di-Stockholm baru² ini yang mana telah mendesak negara² yang berchadang untuk mengadakan ujian² senjata nuklear, supaya membatalkan ranchangan mereka. Di-Meshuarat Menteri² Luar dari negara² ASEAN di-Manila baru² ini, kita telah sama² mengambil satu pendirian mengancham (deplore) ujian² senjata nuklear di-mana² sahaja kerana ujian demikian akan membawa bahaya yang tidak ketara kepada nyawa manusia dan alam sekeliling.

Sejarar dengan pendirian di-atas, kita berpendapat ada-lah tidak perlu untuk kita

membantah kepada Kerajaan Peranchis, kerana kita yakin Kerajaan Peranchis tidak dapat tidak, sadar mengenai pendirian kita yang menentang sabarang bentok ujian² nuklear.

ASHKAR² AMERIKA SHARIKAT DI-NEGERI THAI

40. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sadar akan pembentokan ashkar² Amerika Sharikat sa-chara besar² an di-Negeri Thai, dan mengapa-kah beliau tidak memberi pandangan yang berat oleh kerana tindakan ini mungkin akan membahayakan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai pengechualian Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Penambahan bilangan Ashkar² Amerika Sharikat sechara besar² an di-Negeri Thai ada-lah hasil dari peratoran² Ketenteraan di-antara Thailand dan Amerika Sharikat, yang di-anggap perlu oleh Kerajaan Thai untuk menjaga keselamatan dan keutuhan negeri-nya. Oleh kerana konsep pengechualian Asia Tenggara belum lagi dapat di-laksanakan, maka negara² di-rantau ini ada-lah berhak untuk membuat pakatan² atau peratoran² keselamatan untuk menjaga keselamatan dan keutuhan negeri masing².

SELAT MELAKA—SOKONGAN NEGERI² LAIN

41. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada negeri² lain, sa-lain daripada Republik Ra'ayat China, telah menyokong Malaysia terhadap Selat Melaka.

Perdana Menteri: Sa-bilangan besar negara², termasuk negara² yang sedang membangun, telah menjadikan jarak 12 batu laut sebagai perayeran mereka. Oleh kerana dasar kita terhadap Selat Melaka berasaskan prinsip kawasan perayeran 12 batu beserta dengan jaminan lalu-lintas yang bebas bagi kapal² sebab mematohi prinsip "innocent passage", saya perchaya negara² yang berkenaan akan bersimpati dengan kita apabila perkara ini timbul dalam sa-barang persidangan.

PENUKARAN NAMA LAUT CHINA SELATAN

42. Dr A. Soorian minta Menteri Luar Negeri menyatakan reaksi Kerajaan mengenai

Persidangan Tahunan Perwakilan UMNO di-Mersing yang telah di-hadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di-mana suatu ketetapan di-luluskan supaya Kerajaan di-desak menukar nama Laut China Selatan kepada Laut Tenggara Asia.

Perdana Menteri: Laut daerah itu sudah lama terkenal kepada dunia sa-bagai Laut China Selatan. Pada pandangan Kerajaan tidak ada sebab mengapa kita mesti mendesak supaya nama itu di-tukar.

WANG SIMPANAN MASOK HOSPITAL BAGI PERSARA²

43. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri sama ada beliau akan menimbangkan untuk menarek balek wang simpanan sa-banyak \$50 yang di-kehendaki di-bayar oleh kakitangan² Kerajaan yang telah bersara apabila mereka di-masokkan ka-hospital² Kerajaan.

Perdana Menteri: Tidak. Apabila sa-orang pegawai yang telah bersara hendak masok Wad yang di-kenakan bayaran tetapi dia tidak dapat mengadakan guarantee atau jaminan yang memuaskan bagi menyelesaikan bayaran hospital, maka dia ada-lah di-kehendaki membayar wang simpanan di-hospital seperti orang² awam yang lain juga.

KEMASOKAN PEGAWAI² TETAP JABATAN CHETAK KERAJAAN KA-PERJAWATAN BERPENCHEN

44. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa sa-bilangan pegawai² tetap di-dalam Bahagian III yang tidak berpenchen dalam Jabatan Chetak Kerajaan Malaysia telah tidak di-letakkan ka-taraf yang berpenchen mengikut shor² Surohanjaya Suffian dan sama ada beliau akan mengambil langkah² yang perlu untuk melaksanakan-nya.

Perdana Menteri: Sa-belum sa-saorang pegawai tetap yang dahulu-nya tidak berpenchen dapat di-masokkan ka-dalam perjawatan berpenchen mengikut shor² Surohanjaya Suffian, jawatan yang di-penohi-nya itu perlu terlebih dahulu di-wartakan dalam Warta Kerajaan sa-bagai jawatan berpenchen.

Satu senarai jawatan² berpenchen yang baharu itu, termasuk jawatan² dalam Jabatan Chetak Kerajaan, telah pun siap di-sediakan

dan langkah² sedang di-ambil untuk me-wartakan-nya.

Apabila tersiar-nya jawatan² tersebut, pegawai² yang memenohi jawatan² yang berkenaan akan di-masokkan ka-dalam perjawatan berpenchen, mengikut syarat² dan peratoran² yang tertentu.

TERUSAN MELALUI SEGENTING KRA—KESAN²-NYA KA-ATAS EKONOMI NEGARA

45. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat atau sedang membuat suatu kajian bagaimana:

- (a) Pelabohan Pulau Pinang; dan
- (b) ekonomi dan perdagangan Pulau Pinang akan terlibat dengan pembenaan terusan melalui Segenting Kra; jika tidak, sama ada Kerajaan Pusat bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menjalankan kajian tersebut tanpa lengah² lagi.

Perdana Menteri: Kerajaan sedar tentang chadangan oleh Kerajaan Negeri Thai hendak membuat kajian dari segi ekonomi dan teknik untuk menentukan kemungkinan melaksanakan projek Terusan melalui Segenting Kra.

Saya suka memberi jaminan kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap perkembangan² yang berlaku di-dunia sebelah sini dan akan mengkaji kesan² yang timbul dari perkembangan² ini atau pun dari pelaksanaan projek tersebut ka-atas ekonomi negara. Langkah² sewajar-nya akan di-ambil untuk menjaga dan memperhepatkan pembangunan ekonomi Malaysia.

Projek² pembangunan yang sedang berjalan sekarang seperti Rancangan Perayeran Muda, Lebohraya Timor-Barat, pembukaan kawasan² perusahaan dan penubohan kawasan Perusahaan Bebas, akan memberi faedah kepada Pulau Pinang dan Pelabohan Pulau Pinang selaras dengan kegiatan² ekonomi dan perusahaan yang kian meningkat.

Malahan pembangunan Pelabohan Pulau Pinang atau lain² pelabohan dan juga rancangan² pembangunan dalam negara tidak akan terganggu bahkan akan berjalan sebagaimana di-tetapkan untuk menghadapi chabaran² tahun² 1970-1980.

TUNTUTAN TAMBAHAN GAJI SEMENTARA OLEH PEKERJA² UNIVERSITI PERTANIAN, SERDANG

46. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah menerima memorandum dari pekerja² I.M.G. dan Bahagian IV Universiti Pertanian Serdang mengenai tuntutan bayaran sa-banyak \$12.50 sa-bagai "Interim award" sa-bagaimana yang di-bayar kepada pekerja² Kerajaan dan Badan² Berkanun yang lain; dan jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil mengenai memorandum tersebut.

Perdana Menteri: Memorandum daripada pekerja² I.M.G. dan Bahagian IV Universiti Pertanian Serdang mengenai tuntutan tambahan gaji sementara sebanyak 5% daripada gaji pokok atau sekurang²-nya \$12.50 sabulan sebagaimana yang di-luluskan kepada pekerja² I.M.G. dan Bahagian IV dalam perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1966 telah di-terima pada 22hb Mei, 1972.

Oleh kerana Kerajaan telah menubuhkan sa-buah Surohanjaya Di-Raja yang di-pegurusikan oleh Tuan Hakim Harun Hashim untuk mengkaji semula tangga gaji dan syarat² perkhidmatan bagi semua pekerja² dalam Badan² Berkanun/Awam, maka tidak-lah wajar bagi sebarang tambahan gaji sementara di-beri kepada pekerja² di-Universiti Pertanian itu, kerana perkara ini termasuk dalam kajian semula itu.

PERLAKSANAAN LAPORAN SUROHANJAYA HARUN

47. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menyatakan bila-kah Surohanjaya Harun mengenai Gaji akan di-siar dan di-laksanakan.

Perdana Menteri: Surohanjaya Harun belum lagi menyelesaikan tugas²-nya dan oleh itu pada sa'at ini belum-lah dapat di-nyatakan bila laporan Surohanjaya itu akan di-siar dan di-laksanakan.

PAKAR² EKONOMI LUAR NEGERI DALAM PERANCANGAN MALAYSIA KEDUA

48. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan ada-kah terdapat pakar² ekonomi luar negeri yang sedang bertugas di-dalam Yunit Peranchangan Ekonomi di-Jabatan Perdana

Menteri; dan jika ya, ada-kah mereka terlibat di-dalam peranchangan Rancangan Malaysia Kedua.

Perdana Menteri: Rancangan Malaysia Kedua ada-lah usaha penoh oleh Malaysia: matlamat²-nya, rangka-nya dan strateji-nya telah di-ranchangkan oleh orang² Malaysia. Pakar² asing yang terlibat dalam membuat Rancangan itu hanya memberi nasehat tentang aspek² teknikal. Kita telah mendapat nasehat saperti itu mithal-nya daripada pegawai² Bank Dunia, badan Bangsa² Bersatu dan Perkhidmatan Penasehat Kemajuan Universiti Harvard.

Kerajaan ada membuat perjanjian dengan Ford Foundation untuk menyumbangkan nasehat pakar dan latehan dalam kerja teknikal dan iktisas (professional) melalui Perkhidmatan Penasehat Kemajuan Universiti Harvard kepada mithal-nya Bahagian peranchangan Ekonomi, Bahagian Penyelarasan, Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Perbendaharaan, Kementerian Pelajaran dan Universiti Malaya. Pada masa ini, terdapat dua orang Penasehat yang berkhidmat di-Bahagian Peranchang Ekonomi. Matlamat pokok perjanjian dengan Ford Foundation ini ia-lah untuk melateh pegawai² Malaysia dalam peranchangan ekonomi, semasa latehan bertugas dan latehan di-luar negeri.

NELAYAN² MALAYSIA DI-TAHAN OLEH KERAJAAN INDONESIA

49. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada 61 orang nelayan dari Pulau Pangkor, Perak, telah di-tahan oleh Kerajaan Indonesia dan jika ya, apa-kah tindakan yang telah di-ambil dengan Kerajaan Indonesia.

Perdana Menteri: Saya memang sedar mengenai kejadian yang berlaku pada 15hb Jun dekat Pulau Jarak di-mana 51 orang nelayan kita telah di-tahan oleh Kapal Ronda Angkatan Laut Indonesia. Kita telah mengambil tindakan serta merta dengan pihak² Berkuasa Indonesia yang mana telah membebaskan nelayan² yang terlibat serta dengan perahu² mereka. Kejadian ini telah timbul akibat dari keislapan Peta Indonesia yang mana menjokkan Pulau Jarak itu kepunyaan Indonesia. Walau bagaimana pun pihak Berkuasa Indonesia telah pun meminta ma'af di-atas kejadian itu.

KENYATAAN MENTERI DI-BATALKAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, di-dalam Atoran Urusan Meshuarat, ada suatu Kenyataan yang hendak di-buat, tetapi saya di-beritahu Kenyataan oleh Menteri itu sekarang ada-lah di-batalkan.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² KUMPULAN WANG DI-SATUKAN (PERBELANJAAN) MASOK (AKAUN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi menggunakan sa-jumlah wang daripada Kumpulan Wang Di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada 31hb Disember, 1973; di-bawa ka-dalam meshuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua dalam Meshuarat kali ini.

USUL²

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1972

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1972 yang di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang² No. 75 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat oleh sebab² berikut:

- (i) Mengenakan chukai impot sa-banyak 20 sen sa-kaki ka-atas "slotted angles daripada besi atau besi waja" yang terjatoh di-bawah Nombor² Kepala 73.11 300, 73.15 650 dan 73.15 660 yang kini ada di-usahakan di-dalam negeri. Ini ada-lah suatu langkah memberikan perlindungan kepada perusahaan tempatan yang membuat barang² yang berkenaan itu. dahulu barang² ini tidak di-kenakan apa² chukai impot.

- (ii) Menaikkan chukai eksept, ka-atas biji² kelapa sawit yang terjatoh di-bawah Nombor Kepala 12.01 201, daripada 10% *ad valorem* kepada 20% *ad valorem*. Ini bertujuan untuk menggalakan pengeluar² biji kelapa sawit supaya menjual barang² mereka kepada pengilang² tempatan yang kini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan barang² ini. Perintah ini di-hadkan bagi Malaysia Barat sahaja. Barang² ini akan terus tidak berchukai eksept di-Malaysia Timor.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen kechil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15), 1972 yang di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang² No.75 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 10), 1972**

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen kechil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No.76 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini ia-lah untuk melanjutkan chukai impot ka-Pulau Pinang ka-atas "slotted angles daripada besi atau besi waja di-bawah Nombor² Kepala 73.11 300, 73.15 650 dan 73.15 660 untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen kechil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 76 tahun 1972 di-sahkan.

FINANCIAL PROCEDURE ACT, 1957

Pelabaran dalam Sharikat FIMA Sendirian Berhad

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa mengikut sekshen 8 (3) (iv) Financial Procedure Act, 1957 Dewan ini mengambil ketetapan ia-itu wang yang ada dalam Kredit Persekutuan dengan mana² bank atau dengan chara lain di-pegang oleh Persekutuan boleh-lah di-laborkan oleh Menteri Kewangan dalam modal ekuiti atau sa-bagai pinjaman kapada FIMA Sendirian Berhad dan chawangan² nya dan pelabaran itu bersama dengan faedah yang di-terima dari-nya hendaklah menjadi sa-bahagian daripada Kumpulan Wang Persekutuan Di-Satukan.

Tujuan ketetapan ini ada-lah bagi membolehkan Kerajaan melabur dalam Sharikat FIMA Sendirian Berhad dan chawangan² nya sechara bentuk ekuiti atau pinjaman. Sharikat FIMA Sendirian Berhad telah di-tubuhkan dalam bulan Februari, 1972 di-bawah Companies Act, 1965, dengan modal yang di-benarkan sa-banyak \$50 juta. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alom, Sharikat FIMA Sendirian Berhad telah di-lancarkan dengan resmi-nya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26hb Februari, 1972.

Tujuan utama sharikat ini ada-lah:

- (a) Untuk mempercepatkan langkah² perindustrian luar bandar bagi maksud mewujudkan lebih banyak peluang² kerja bagi penduduk² luar bandar;
- (b) Untuk memajukan dan memperkembangkan industri² memproses bahan²

makanan dengan menggunakan bahan² mentah tempatan bagi maksud pasaran dalam dan luar negeri;

- (c) Untuk menyediakan chara² lain pemasaran hasil² pertanian pekebun² kechil dan nelayan² khas-nya, dan petani² 'am-nya;
- (d) Untuk melahirkan dan mewujudkan satu chorak baru pekerjaan yang menguntungkan di-sektor luar bandar dengan harapan dapat mewujudkan masyarakat luar bandar yang lebih baik dan berchorak perdagangan;
- (e) Untuk menyelaraskan penubuhan dan perkembangan industri² memproses bahan² makanan oleh sektor awam, dan juga bagi bekerjasama dengan sektor swasta bagi penubuhan dan perkembangan industri² itu;
- (f) Untuk menentukan perimbangan perkembangan industri memproses bahan² makanan di-negeri² dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menchapai tujuan² ini, yang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, sharikat ini akan—

- (a) Menentukan kemungkinan baik dari segi ekonomi bagi melaksanakan projek² memproses bahan² makanan dengan sendiri-nya atau dalam bentuk perusahaan bersama dengan ajensi² awam yang lain dan sektor swasta;
- (b) Menggalakkan penggunaan bahan² makanan yang di-proses di-sini dan meluaskan penjualan-nya di-pasaran² seberang laut;
- (c) Menyelaraskan pelaburan sektor awam dalam industri² memproses bahan² makanan dengan bantuan dan kerjasama ajensi² Kerajaan seperti FLDA, FAMA, Bahagian Teknologi Makanan dan Jabatan Pertanian dan Perbadanan Kemajuan Negeri; dan
- (d) Bertindak sa-bagai mungkin untuk mempercepatkan lagi perkembangan industri² luar bandar.

Sharikat FIMA akan menguruskan tanggung jawab-nya sa-bagai sa-buah indok ya'ini (holding company) yang modal ekuiti-nya akan di-sandarkan pada permulaan kapada sektor awam, ia-itu kapada Kerajaan² Negeri dan Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, sektor swasta ada-lah di-alu²kan bagi menyertai perusahaan bersama dengan Sharikat FIMA pada taraf subsidiari.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-
Pertua, saya menyokong.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil bahagian ketika mana usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berhubung dengan peruntukan wang Kerajaan dalam FIMA Sendirian Berhad ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada tujuan atau pun dasar penubuhan FIMA ini maka kita nampak sunggoh-nya tujuan ini ada-lah baik untuk memproseskan bahan² makanan yang ada di-dalam negeri ini untuk di-jadikan satu bahan perniagaan di-perengkat dalam negeri atau pun di-luar negeri. Oleh kerana urusan saperti ini maseh kurang di-jalankan oleh pehak swasta maka penekanan Kerajaan atau pun penegasan Kerajaan dengan mengendalikan sendiri per-
usahaan saperti ini ada-lah di-alu²kan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hanya sa-
takat ini sahaja, saya rasa patut saya mem-
beri pandangan sedikit dalam hal di-mana
pelaboran sekarang di-ambil dari pehak wang
Kerajaan, atau pun wang awam. Saya kira
amat-lah baik sa-kira-nya pehak Kerajaan
mengambil sedikit sa-banyak tanaman modal
daripada ra'ayat untuk di-satukan di-dalam
sharikat yang di-kendalikan oleh Kerajaan
saperti ini. Bagaimana yang kita tahu bahawa
Kerajaan melalui badan amanah² saham
atau pun juga melalui saham² yang lain
meminta supaya ra'ayat mengeluarkan wang-
nya untuk pembelian² saham.

Tuan Yang di-Pertua, perkara saperti ini
harus di-tekanan di-dalam bidang di-mana
sharikat yang saperti ini di-kendalikan agar
ra'ayat dapat menaruh wang-nya dengan
membeli saham di-dalam sharikat yang di-
buat atau pun di-kendalikan oleh Kerajaan.
Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidak timbul
masalah ra'ayat tidak ada duit, atau pun
ra'ayat tidak mahu membeli saham saperti ini
kerana kenyataan² menunjukkan bahawa
sharikat saperti FIMA atau pun yang lain
telah pun di-kendalikan oleh Kerajaan ada-lah
akan mendatangkan keuntungan maka lebih
baik pada ra'ayat membeli-nya atau pun
mengadakan perusahaan bersama dengan

Kerajaan di-mana perengkat pertama Kera-
jaan mesti mengendalikan dengan sa-penoh-
nya. Hal ini juga kita melihat bagaimana
pehak satu lembaga ia-itu Lembaga Loteri
dapat mengumpul wang begitu banyak
di-satu masa ia-itu dengan menchedok sedikit
wang yang ada di-dalam poket ra'ayat untuk
di-jadikan dalam satu tabong Lembaga Loteri.
Perkara ini ada-lah satu perkara kita
menarek wang ra'ayat dengan tujuan untuk
sa-suatu perkara sedangkan mereka tidak
memandang apa² keuntungan bahkan mereka
mengharapkan di-atas pendapatan² sa-kira-
nya loteri mereka itu kena dan sa-bahagian
besar-nya memang tidak kena, apatah lagi
di-sharikat ini, saham ini terang dan nyata
nampak mendatangkan keuntungan kepada
mereka sudah tentu mereka akan membeli-
nya dengan sa-chara baik.

Tuan Yang di-Pertua, apa-tah lagi di-
kalangan orang² bumiputra atau pun di-
kalangan orang² di-luar bandar di-mana
mereka tidak akan dapat mengendalikan sa-
buah sharikat atau pun sa-bagai-nya dalam
perusahaan perkilangan dan perusahaan²
sampai bila² masa sa-kali pun sa-kira-nya
persamaan pengendalian dengan pehak Kera-
jaan tidak di-beri. Tuan Yang di-Pertua, saya
rasa dengan chara yang demikian akan lebih
mencepatkan di-mana sharikat yang saperti
itu akan di-serahkan kepada kalangan swasta
yang terdiri daripada orang² kampung yang
benar² berusaha untuk mengeluarkan bahan²
makanan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meng-
ambil perhatian tentang perusahaan² atau
pun bahan² makanan yang ada di-kendali-
kan oleh FIMA ini supaya benar² menda-
tangkan hasil pada pengendalian-nya, harus
di-laksanakan dengan chara bijak dan baik,
sebab kejadian pernah berlaku di-mana
FIMA telah ada krisis sedikit dengan
pekebun² kecil nenas di-Johor; yang satu
pehak mengatakan tanggung-jawab di-sana,
yang satu pehak mengatakan tanggung-jawab
di-sini dan begitu-lah keadaan-nya, pergi
balek, pergi balek, yang saya rasa saya
sendiri pun tidak tahu di-mana pangkal atau
puncha-nya, Tuan Yang di-Pertua. Chuma
yang saya hendak menekankan bahawa ini
satu perusahaan atau perbuatan yang
mungkin tidak di-selenggarakan dengan begitu
konkrit atau begitu kemas, sa-hingga menim-
bulkan di-mana nenas-nya begitu banyak di-
buang begitu sahaja dan menjadi burok.

Kalau FIMA dapat mengendalikan dengan sempurna, saya rasa, tentu-lah perkara seperti yang berlaku berkenaan dengan pasaran nenas itu tidak akan berlaku dalam usaha² yang di-kendalikan oleh FIMA.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya ingin menyentuh tentang satu perkara yang patut di-ambil perhatian oleh pehak FIMA, di-mana di-negeri Trengganu khasnya, ia-itu di-negeri Pantai Timor keadaan sekitar kedudukan di-negeri Trengganu adalah berada di-tepi pantai, di-mana tanah di-sana ada-lah sesuai untuk di-tanam dengan gajos dan memang sekarang pun sudah banyak pokok gajos itu tumbuh di-sana dan saya fikir oleh kerana gajos ini mendapat faedah di-segala bidang, ia-itu buah-nya pun berguna, ayer buah-nya pun berguna, isi biji-nya pun berguna, minyak daripada kulit biji-nya pun berguna maka saya rasa pehak FIMA harus menekankan perusahaan-nya supaya dapat di-adakan satu perusahaan di-dalam bidang jambu gajos ini. Ini untuk faedah ra'ayat di-sana, yang tanah di-sana tidak sesuai di-tanam dengan yang lain, tetapi sesuai dengan tanaman yang tersebut.

Itu-lah pandangan yang saya dapat berikan kepada pehak Kerajaan dalam masa kita meluluskan wang untuk di-laborkan di-dalam FIMA Sendirian Berhad. Terima kasih.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan shor Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang pertama tadi, ia-itu berkehendakkan supaya FIMA menerima modal daripada ra'ayat, perkara ini telah pun saya sebutkan di-dalam ucapan saya tadi, ia-itu FIMA akan menjalankan sendiri dan juga berserta dengan pehak swasta, ia-ini private sector, yang erti-nya termasuk-lah ra'ayat yang ada di-dalam negeri ini, khas-nya dalam usaha² atau pun projek² yang berupa subsidiary kepada FIMA sa-bagai badan holding company.

Yang kedua-nya Ahli Yang Berhormat itu keliru, ia-itu yang sa-benar-nya tidak ada pernah berlaku krisis antara FIMA dengan pekebun² kechil nenas di-dalam negeri Johor. Boleh jadi apa yang di-bacha oleh Ahli Yang Berhormat di-dalam surat² khabar itu ia-lah berkenaan dengan perusahaan nenas yang hubungan-nya dengan badan² lain, tetapi suka-lah saya menjelaskan tidak ada hubungan-nya krisis tersebut dengan FIMA.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bandingan sa-bagaimana Lembaga Nenas dengan pekebun kechil jadi bagitu. Ini ia-lah sebab di-kendalikan oleh Kerajaan dan menanam nenas oleh ra'ayat biasa. Jadi, FIMA jangan-lah jadi seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini di-fikirkan boleh jadi, tetapi Ahli Yang Berhormat menyebutkan tadi sa-olah²-nya telah jadi.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah fahaman saya. Kalau saya tidak silap Ahli Yang Berhormat itu sebut tadi sudah jadi.

Yang ketiga-nya berkenaan dengan perusahaan gajos di-Trengganu. Saya mendapat tahu, ia-itu pehak FIMA memang-lah ada rancangan berkenaan dengan perusahaan gajos untuk di-jalankan di-dalam negeri Trengganu, terutama sa-kali di-kawasan² pantai yang tanah-nya sesuai dengan gajos.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa mengikut seksyen 8 (3) (iv) Financial Procedure Act, 1957 Dewan ini mengambil ketetapan ia-itu wang yang ada dalam Kredit Persekutuan dengan mana² bank atau dengan chara lain di-pegang oleh Persekutuan boleh-lah di-laborkan oleh Menteri Kewangan dalam modal ekuiti atau sa-bagai pinjaman kepada FIMA Sendirian Berhad dan chawangan² nya dan pelaboran itu bersama dengan faedah yang di-terima dari-nya hendak-lah menjadi sa-bahagian daripada Kumpulan Wang Persekutuan Di-Satukan.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan di-tangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sahingga pukul 7.00 malam.

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN BIL. 2) 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa menurut peratoran meshuarat 67C usul yang berikut ini di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-sabuah Majlis.

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$58,516,157 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1972, dan bagi maksud kepala dan pechahan²-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 33 tahun 1972, dan di-utokkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan kepala² dan pechahan²-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1972 yang di-bentangkan dalam Dewan ini sa-bagai Kertas Perintah Bil. 33 tahun 1972 menunjukkan perbelanjaan tambahan sa-banyak \$58,516,157 ia-itu tambahan kepada peruntokan yang telah di-luluskan bagi tahun 1972. Dari jumlah ini, peruntokan sa-banyak \$16.1 juta telah di-dahulukan daripada Wang Simpanan Luar Jangka yang di-tunjokkan di-bawah Kepala P. 60 dalam Anggaran Pembangunan. Oleh hal yang demikian, maka perlu-lah di-ganti peruntokan tersebut dengan peruntokan tambahan.

Dari Anggaran yang di-bentangkan di-dapati bahawa butiran perbelanjaan yang terbesar ia-lah di-bawah Kepala P. 50—Penerbangan Awam, yang memerlukan peruntokan sa-banyak \$47,770,607. Dari jumlah ini, wang sa-banyak \$40 juta ada-lah di-kehendaki bagi pemindahan harta² daripada Sharikat Penerbangan Malaysia—Singapura (M.S.A.) kepada Sharikat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan juga pemindahan bangsal kapal terbang di-Subang;

\$5.5 juta untuk membena lapangan Terbang Johor Bharu di-Senai, dan \$2,270,607 sa-bagai pembayaran balek kepada Sharikat Penerbangan Malaysia—Singapura berikutan dengan pemindahan kemudahan² “engineering base” ka-Subang dan pembelian kelengkapan menchegeh kebakaran bagi bangsal kapal terbang di-Lapangan Terbang Subang.

Satu lagi butiran perbelanjaan yang besar ia-lah bagi Kepala P. 57—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga yang memerlukan peruntokan sa-banyak \$3.4 juta. Dari jumlah itu sa-banyak \$2 juta ada-lah perbelanjaan chara langsung dan \$1.4 juta sa-bagai pinjaman. Perbelanjaan chara langsung sa-banyak \$2 juta itu ada-lah di-kehendaki untuk membuat bayaran kepada pehak² perunding berhubung dengan kajian kejuruteraan bagi pembenaan projek Jalan Besar Petaling Jaya—Kuala Lumpur dan Simpang² jalan itu. Dari perbelanjaan pinjaman sa-banyak \$1.4 juta itu peruntokan sa-banyak \$1 juta di-kehendaki sa-bagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi membiayai harga pengambilan tanah untuk pembenaan Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Baki wang pinjaman sa-banyak \$400,000 ada-lah untuk membiayai Bekalan Ayer Kinta, Perengkat II.

Tambahan lain yang besar di-tunjokkan di-bawah Kepala P. 27—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang memerlukan peruntokan sa-banyak \$2,010,000. Dari jumlah itu sa-banyak \$1,803,000 merupakan pemberian kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk pengambilan 67 lot tanah sa-luas 17.9 ekar di-Jalan Hale bagi membena rumah² pangsa, dan baki-nya sa-banyak \$207,000 ada-lah bagi pembenaan Ibu Pejabat Markas Keselamatan Rejang (RASCOM) dan membeli kelengkapan-nya. Kepala P. 53—Jabatan Laut memerlukan peruntokan sa-banyak \$1.9 juta bagi membayar harga pengambilan balek tanah dan juga bayaran kepada pehak² perunding berhubung dengan pembenaan pelabuhan di-Johor. Kepala P. 34—Jabatan Penyiaran memerlukan peruntokan sa-banyak \$1,395,510. Dari jumlah tersebut sa-banyak \$427,500 ia-lah bagi membeli dan memasang alat² berhubung dengan penubohan Steshen² Siaran Radio Gelombang Sederhana di-Mersing, Batu Melintang dan Kangar; \$968,000 ia-lah bayaran bagi kontrak berhubung dengan bekalan dan pemasangan kelengkapan talivishen di-Sabah.

Peruntukan tanda sa-banyak \$10 telah dikeluarkan daripada Simpanan Luar Jangka untuk meminda jumlah anggaran harga projek ini. Wang tambahan yang dikehendaki itu boleh di-dapatkan dari simpanan² di-bawah Kepala tersebut.

Lain² butiran yang memerlukan peruntukan tambahan ada-lah kechil jumlah-nya. Keterangan² lanjut mengenai-nya dapat di-lihat dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 34 tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas usul ini. Tetapi di-dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972 terutama sa-kali P. 50 dan 51—perbelanjaan lebeh kurang sa-banyak \$47,770,607 ini hendak di-belanjakan oleh kerana daripada MSA telah di-pechahkan menjadi MAS dan kita ada-lah mempunyai kapalterbang sendiri. Tetapi sayang sadikit, oleh kerana sungguh pun kita mempunyai banyak pilot² yang terdiri dari orang² Malaysia yang telah di-lateh yang ada pada masa ini, yang tidak mempunyai pekerjaan, ia-itu sa-ramai 8 orang. Pilot² itu ia-lah terdiri dari pilot² Australia yang di-ambil bertugas sa-bagai pilot² MAS. Australian Pilots ini di-hantar pula belajar ka-Seattle sa-ramai 18 orang untuk menjalankan Boeing 737 ini. Jadi, orang² Malaysia yang mempunyai lesen² pilot barangkali lebeh pandai lagi membawa Boeing² ini yang tidak di-pileh, sedangkan bangsa² asing yang bukan Malaysian ini di-ambil berkhidmat di-dalam MAS ini. Dasar Kerajaan ia-lah untuk memberi pekerjaan kepada pilot² bangsa kita—bangsa Malaysian, sedangkan pilot itu di-ambil daripada luar negeri. Sa-kira-nya tidak ada pilot² dari bangsa kita yang boleh menjalankan kapalterbang² ini, memang-lah terpaksa kita mengambil pilot² daripada luar negeri, tetapi pilot² kita ada. Kalau 8 orang ini sudah di-ambil dan hendak di-ambil lagi ia-itu 10 pilot menjadikan 18 semua-nya maka boleh-lah di-ambil dari bangsa² asing. Dengan sebab itu, pilot² kita yang sa-ramai 8 orang berasa tidak puas hati di-atas chara

itu. Bukan sahaja MAS tidak mahu mengambil pilot² kita, Pelandok Airways pun tidak mahu mengambil pilot² kita. Malaysian Air Chartered pun tidak hendak mengambil-nya, ACA Helicopter pun tidak mahu mengambil-nya. Malaysian Air Chartered ini pilot²-nya terdiri dari kebanyakan-nya orang² Taiwan. Jadi dengan sebab itu kita memberi training kepada pilot² kita orang² Malaysia keluar negeri saperti ka-Australia, ka-Philippina dan sa-bagai-nya dan pada masa yang akan datang, jikalau dasar-nya kita mengekor kepada QANTAS, apa kata QANTAS kita ikut, maka akhir-nya kelak kita penoh dengan pilot² bangsa asing di-negeri kita ini. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian yang bertanggung-jawab menengokkan pilot² dari bangsa Malaysia yang mempunyai lesen² pemandu yang boleh membawa kapalterbang² ini di-ambil lebeh dahulu daripada pilot² bangsa asing. Itu satu.

Yang kedua-nya, dalam akhbar ada menyatakan dan dengan kebenaran, saya bachakan sadikit sahaja yang mengatakan perbelanjaan sa-banyak \$1.2 juta

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa nama akhbar itu?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Malay Mail.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tarikh-nya?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tarikh-nya ia-lah 30-7-1972. Dalam bahasa Inggeris dia mengatakan apa dia top jobs? Kalau dapat saya bachakan dalam bahasa Inggeris-nya, kalau di-beri permisi kepada saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Dalam akhbar *Malay Mail*, 30-7-1972 menyatakan:

"TOP JOBS—Some of those who have opted for MAS are unhappy that they have not been given due recognition of service in the recruitment of staff. They say outsiders, those who have little or no experience, are being recruited for top jobs in the new company, said one officer. Competent serving officers without the stipulated academic qualifications but who have plenty of experience are not being

given the chance to hold responsible positions."

Jadi kita dapat ketahuī dalam akhbar ini, kalau tidak betul akhbar ini, saya tidak tahu-lah, tetapi saya fikir betul, kalau tidak akhbar ini tidak bertanggung-jawab, jadi ini terpaksa-lah Kerajaan menengokkan di-atas perkara ini.

Kemudian ada satu lagi dalam *Straits Times* bertarikh 4-8-72 menyatakan:

"BOEING Company is providing training for MAS air crew and engineers. Thus, 18 F. 27 Captains are in Seattle for training to qualify them to become B. 77 Captains."

Yang ini saya katakan tadi ka-Seattle 18 orang ada-lah orang Australia. Sa-sudah itu, ada lagi dalam akhbar ini mengatakan berkenaan dengan segala jenis sudu, pisau yang berharga sa-banyak \$1.2 juta dalam MAS ini, di-mana hendak di-beli? Oleh kerana itu, wang ringgit kita di-sini akan habis begitu sahaja. Jadi, saya berharap kepada Kementerian yang bertanggung-jawab ini menengokkan di-atas perkara ini supaya pekerjaan² tersebut dapat di-beri kepada orang² Malaysia.

Yang ketiga-nya, berkenaan dengan recruitment dalam MAS baharu² ini. Saya berharap recruitment di-dalam MAS ini hendak-lah mengikut banyak-nya bangsa warganegara negeri ini. Kalau orang Melayu lebeh banyak lagi, maka orang Melayu-lah di-beri peluang banyak di-dalam MAS. Kemudian orang China dan orang India. Saya dapat tahu buroh yang banyak di-ambil mithal-nya buroh kasar yang tidak berguna di-ambil daripada orang Melayu, yang top jobs di-beri kepada orang yang lain.

Jadi bedza-membedza chara bagini, saya fikir di-dalam MAS yang Kerajaan mempunyai modal yang banyak telah berlaku perkara ini. Saya fikir tidak-lah begitu betul oleh kerana saya berchakap bagini oleh sebab saya telah di-datangi oleh beberapa orang, orang Melayu, dia beri senarai² kepada saya berapa banyak orang² Melayu bumiputra ...

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan bumiputra banyak di-bawah sahaja, manakala yang di-atas tidak ada dalam MAS.

Sharikat MAS baharu sa-tahun lebeh. Kita hendak mula operasi pada 1hb Oktober, 1972. Yang Berhormat dari Kuala Selangor ini patut berasa bangga kerana tidak ada dalam dunia ini sa-buah sharikat Kapal Terbang begitu singkat waktu dapat mengator ranchangan yang baik dan kita ada sa-orang Setiausaha Melayu, Enche' Aziz, sa-orang peguam dan sa-orang lagi Melayu yang kanan yang menolong membantu juga manager ini dan banyak lagi; kita memang di-arahkan mengambil beberapa ramai daripada bumiputra yang berkelayakan. Mahu pun pegawai kanan-nya, mahu pun engineer-nya, pemandu-nya, segala²-nya. Tetapi kalau belum ada, kita tunggu dahulu kerana dalam soal penerbangan di-udara ini, kita tidak boleh chuai. Kalau jatuh, rosak kita.

Terima kaseh, ini sahaja-lah penjelasan saya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Terima kaseh. Tetapi saya hanya-lah memberi ingatan sahaja, oleh kerana perkara ini telah di-sebut² dengan mengatakan jikalau sa-kiranya terjadi, maka itu-lah yang di-ingatkan kepada Kementerian ini. Tetapi sungguh pun sa-tahun sa-tengah apabila mengambil pilot², lapan orang pilot Malaysia ini, kenapa tidak di-ambil? Itu-lah sebab-nya yang di-katakan tadi memang-lah saya berterima kaseh kepada Menteri tadi dalam sa-tahun sa-tengah, kita telah berbangga ada MAS yang mempunyai kapalterbang² yang baharu. Kita tidak ada ambil Boeing 747 atau 707 lagi. Macham mana Menteri mengatakan itu tidak berguna; biar Singapura ambil, kita beli yang baharu, lebeh baik. Kita ambil yang 737, biar-lah Singapura beri kita banyak² kapal-terbang Fokker Friendship, sebab Singapura tidak menggunakan Fokker Friendship, dia beri kepada kita, kita ambil; itu untong kepada kita. Saya yang bodoh ini merasa betul-lah kita untong, sebab kita pakai dan kita untong-lah. Kita tidak pergi jauh², kita tidak sampai pergi ka-London dan sa-bagainya, biar-lah 707 di-ambil oleh Singapura. Tetapi saya minta-lah kepada Menteri yang bertanggung-jawab itu, Malaysian pilot yang lapan orang ini hendak-lah di-ambil daripada orang² yang lain.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan peruntokan Kepala Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Berkenaan dengan jalan daripada Kuala Lumpur ka-Petaling Jaya. Saya harap pada masa yang akan datang foresight

daripada engineer² ini. Dia mesti tengok 10 tahun yang akan datang, 20 tahun yang akan datang. Kalau di-fikirkan hari ini buat jalan sahaja, satu lorong chukop. Tetapi hendaklah di-fikirkan oleh kerana kemajuan teknologi, eletronik dan sa-bagai-nya, kita terpaksa tengok 100 tahun yang akan datang. Apa akan jadi Bandaraya Kuala Lumpur, daripada Kuala Lumpur ka-Pelabohan Klang. Tetapi terpaksa barangkali sungguh pun buat lapan jalan. Saya berharap kepada Kementerian yang tersebut pada masa yang akan datang bila membena jalan hendaklah di-ingatkan pada hari yang akan datang.

Berkenaan dengan Kepala 24—Kastam Eksais di-Raja: Kenderaan² dan Kelengkapan untuk menchegeh penyeludupan. Ini memang-lah betul, jikalau tidak ada kelengkapan², tentu-lah tidak dapat menchegeh apa², tetapi banyak pengawas, Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini, budak² kita, baik lelaki atau perempuan menghisap chandu, ganja, mereka bermaharaja-lela betul² dalam Kerajaan dan tiap² bandar sampai-lah kepada kampung² pada hari ini. Bagaimana ganja ini masuk? Jikalau dahulu kita katakan chandu dapat di-sekat oleh kerana ada orang yang menyekat. Ada Kastam, ada Polis dan sa-bagai-nya, maka tidak dapat chandu ini masuk ka-tanah ayer kita. Kalau masuk pun sadikit². Tetapi sekarang sungguh pun ada badan² yang menchegeh atas perkara ini, tetapi dengan terang² menghisap ganja, terang² di-hadapan² public. Saya berharap supaya penyeludupan² ini kalau di-tangkap ta' usah di-denda sadikit², denda-lah banyak², betul². Kalau dapat, buat-lah apa suka kepada dia. Kalau tidak begitu pemuda dan pemudi kita, anak² kita akan jahanam tidak lama lagi.

Berkenaan dengan ranchangan perumahan Kampong Baharu Housing Scheme, saya fikir \$1,803,000 tidak berapa chukop. Kalau sa-kira-nya, patut, minta banyak lagi, oleh kerana pada hari ini setingan² di-Kuala Lumpur, kalau di-banchi lebeh kurang, saya fikir yang dudok di-tanah haram yang di-katakan setingan² ini lebeh kurang 300,000 orang. 300,000 ramai-nya ada menduduki di-tanah² haram. Jadi kalau \$1,803,000 berapa rumah sahaja yang boleh di-buat? Berapa rumah pangsa boleh di-buat? Kata-lah satu rumah pangsa yang mempunyai unit. 400,000. 400,000 unit rumah pangsa sahaja yang boleh di-buat. 400,000 unit rumah

pangsa itu berapa orang? Kata-lah lima ribu orang. Boleh dapat berapa ratus tahun lagi baharu orang miskin yang dudok dalam tanah² haram ini akan mendapat rumah daripada Kerajaan? Dengan sebab itu, saya fikir berkenaan dengan perumahan di-Kuala Lumpur ada-lah penting sangat. Penting kepada Kerajaan Federal dan juga kepada Kerajaan Negeri dengan sebab itu, pada masa yang akan datang atau tahun yang akan datang, maka peruntukan hendaklah lebeh banyak lagi di-minta untuk membena rumah² pangsa ini.

Sa-lain daripada itu, ada-lah berkenaan dengan Jabatan Laut, ia-itu pembangunan² pelabohan. Pembangunan² pelabohan ada-lah penting kepada negeri yang merdeka dan berdaulat. Kita telah di-ingatkan semalam oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan kita telah tertipu sa-lama ini oleh kerana Singapura telah mengambil peranan yang penting berkenaan dengan pemasaran getah. Jadi harga getah ada-lah di-pegang oleh Singapura, atau taukeh² besar di-Singapura, kita tukang ikut sahaja. Begitu juga barang² kita baik pun log kayu-kayan, hasil² daripada negeri kita ini semua-nya pergi ka-Singapura, pelabohan Singapura. Apa sebab-nya? Sebab-nya ada-lah kerana facility kurang, tidak chukop. Dengan hal yang demikian, jikalau kita hendakkan orang² kita menghantar barang² ini ka-pelabohan kita, kita tidak boleh tahan, jikalau Pelabohan Klang itu chukop lagi, tidak boleh di-hantar lagi bagai-mana? Dia mesti hantar ka-pelabohan Singapura, kalau tidak begitu barang² dia busok. Dengan sebab itu saya minta-lah kepada Kerajaan supaya Pelabohan Klang, Pulau Pinang dan lain² pelabohan lagi hendaklah di-lengkapkan dengan betul² supaya boleh melawan kelengkapan² pelabohan Singapura. Kalau tidak begitu nanti, Singapura akan menampung segala kekayaan daripada Malaysia ini dan daripada Singapura-lah nanti barang² Malaysia akan pergi ka-luar² negeri.

Itu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dan saya menyokong dengan sa-penoh-nya usul ini, ia-itu jumlah Anggaran Pembangunan Tambahan tahun 1972 sa-banyak \$58,516,157.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya suka hendak menerangkan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat mengikut peratoran, kita ada sa-hari sahaja untuk perbahathan atas dasar usul ini. Hari ini kita habis pada pukul 7.00 malam ini. Jadi saya minta-lah kerjasama dari Ahli² Yang Berhormat supaya memendekkan ucapan-nya dan dengan yang demikian ramai Ahli² Yang Berhormat dapat berchakap. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2) Tahun 1972 dan di-samping itu saya mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pembangunan Ranchangan Malaysia Kedua ia-lah khas-nya untuk meninggikan taraf kehidupan ra'ayat di-seluruh Malaysia, kerana anggaran ini yang di-kehendaki oleh Kerajaan pada hari ini ia-lah untuk menchapai tujuan itu. Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, di-harap-lah kaum buroh keseluruhan-nya boleh mendapat kerja. Itu yang pertama. Yang kedua, kalau sa-kira-nya mereka mendapat kerja, mereka boleh mendapat gaji yang sesuai dan bagitu juga kemudahan² yang sesuai juga. Kalau sa-kira-nya mereka tidak dapat kerja atau dapat kerja dengan gaji yang rendah dan langsung tidak dapat kemudahan² yang boleh di-nyatakan \$58 juta yang di-kehendaki oleh Kerajaan tidak bagitu lengkap untuk kaum buroh di-tanah ayer kita.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan masalah², kesulitan² yang di-hadapi oleh kaum buroh di-tanah ayer kita. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang anomalies in the Suffian scale.

(Dengan izin): Mr Speaker, Sir, I have here a number of letters from clerks

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu saya rasa ta' bersangkut dengan pembangunan, Ahli Yang Berhormat!

Dr Tan Chee Khoon: Kalau in passing . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Agak minta sentoh apa yang berkenaan pada dasar pembangunan ini. Fasal gaji berhubung dengan Suffian scale, apa scale ta' termasuk dalam ini.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I just want to make reference in passing to the anomalies that exist in the Suffian Scale where a person reaching the third year of his service, before he is confirmed, loses out. Mr Speaker, Sir, this is one anomaly that we hope the Government will recognise and will try and resolve in order that no one who opts for the Suffian Scale need suffer in the process.

Mr Speaker, Sir, the other matter that I wish to talk with regard to the problems of some of the workers of this country refers—and I won't take much time, Mr Speaker, Sir—to Kesulitan Buroh Hutan Sementara Negeri Selangor. Layanan² ini ada-lah saperti berikut:

Bergaji hari \$3.10 sa-hari, tiada kerja tanpa gaji. Chuti am tanpa gaji, chuti sakit tanpa gaji. Tiada di-beri pertimbangan bekerja sa-lama 5 hingga 9 tahun. Tiada di-beri chuti tahunan. Di-peruntokkan pas² pekerja sa-lama 3 bulan. Tiada perubahan tangga gaji yang ada di-tiap² Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, I wish to say that these workers to my mind are one of the most exploited workers in this country. All of them are given this pass, Mr Speaker, Sir. This is a pass that they are given and they are given a pass every three months. I cannot think of any Government treating its workers like this. For three months you are going into the jungle and when you come out, you are no more a worker; when you go in again, you get another pass and you work for three months. I ask those Members sitting opposite to me to search their conscience and ask the Government why should the workers of this country be treated like this—every three months they are given the pass. The UMNO has now a Labour Bureau. I ask the UMNO Labour Bureau to look at the case of the forest workers in this country and to see that whenever they fall sick, tanpa gaji—dapati chuti, tanpa gaji. When they fall sick, they come to see any private practitioner or they go to the Government doctor, but they do not get gaji for the period of sickness that is certified by the Government doctor or the private practitioner. When everybody celebrates Hari Raya Haji or celebrates Deepavali, these workers do not; they have to do so without their gaji. Mr Speaker, Sir, I do hope that the Ministry concerned will look into this exploitation of the workers of this country.

Mr Speaker, Sir, very recently the Prime Minister has received a Memorandum from the workers of Kolej Pertanian. Mr Speaker, Sir, the interim Award

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I hinted to the Honourable Member just now not to bring anything that is not bersangkutan-paut dengan dasar² Kerajaan berkenaan dengan pembangunan. Kalau hendak sentoh saya benarkan sa-kali lintas saperti berkenaan dengan buroh tadi saya benarkan sa-kali lintas. Kalau hendak bangkitkan scale gaji begitu bagini, ta' bersangkutan langsung. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat tolong-lah bertimbang masa, sentoh atas perkara pembangunan sahaja—dasar Kerajaan dengan pembangunan sahaja.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, I do not wish to dispute your decision, but I will be failing in my duty to the workers of this country if I do not make a passing remark about the workers in Kolej Pertanian who have been denied the interim award that is given to all the workers of this country. Mr Speaker, Sir, the Kolej Pertanian, until very recently, was an authority of the University of Malaya. All the workers of the University of Malaya have been given an interim award prior to the implemenation of the Suffian Report. Unfortunately, these workers have not yet been given this interim award. Why the workers of Kolej Pertanian have been singled out for this treatment, I do not know. I do hope that the Government will look into this matter and put right and bring justice to the workers of this country.

Mr Speaker, Sir, I fully support the Member for Kuala Selangor when he touched on the lack of opportunities for employment for local people with the MAS. I believe he has stressed again and again that there are 8 Malaysians who have been trained to fly commercial aeroplanes and who are waiting for jobs. And I believe he has quoted figures of people who have been bush pilots in Australia and who have been recruited by MAS and who have been sent to Seattle to handle Boeing 737 planes. Mr Speaker, Sir, I do hope that MAS will not only take all these 8 Malaysian pilots who are looking for jobs, if they are qualified, but also set in motion vast training schemes, so that we can tap the vast reservoir of admittedly unskilled labour at the moment, but these people can be easily trained to be skilled pilots so that

we do not have to depend on overseas pilots for our MAS.

While on the subject of MAS, Mr Speaker Sir, I do hope that the Minister of Communications will bear with me for a little while when I speak on the facilities in the Subang Airport. At the time it was built it was labelled as one of the most modern airports in Asia. Today, it is no longer modern. Today, if it is to handle two or three Boeing 747s or Jumbo Jets, it will be inadequate. From time to time in this House, I have raised this matter of the inadequate Customs facilities, health facilities and passport facilities, but, unfortunately, nothing has been done. We do know that other airports are improving at tremendous rates. For example, our nearest neighbour is expanding its airport facilities, and I think the other day there was a press report that it is going to spend sixty million dollars in the next five years to not only improve the facilities of Paya Lebar Airport but to build another airport. I do hope and I do know that our energetic Minister of Communications is always aware of the shortcomings of our airport and he will take adequate measures to see that we have adequate facilities to cater for the thousands of tourists we hope to attract to this country.

Mr Speaker, Sir, I also wish to touch a little on housing which the Member for Kuala Selangor had also discussed. I agree with him entirely that the allocation for housing is totally inadequate. I notice that the Ministerial Benches now do not crow over our housing efforts. All our housing efforts compared to a tiny island are puny by comparison and while I do not wish to rub that in, I wish to point out that the allocations are totally inadequate. The Member for Kuala Selangor has said, and I hope he is right in saying that, there are 300,000 squatters in Kuala Lumpur. I do not believe that figure is correct but the squatter problem is a very serious one and concomitant with that problem is the problem of housing for the squatters of Kuala Lumpur. It is an enormous problem and a trifling allocation of \$1.803 million does not solve any problem. What is needed is perhaps ten times or twenty times that allocation to see that adequate allocation is made for the squatters of Kuala Lumpur.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sa-patah dua tentang lock out di-Tuck Seng Loong di-Petaling Jaya.

In Petaling Jaya, Mr Speaker, Sir, there is this basic question of recognition of the Union which I have time and again raised in this House. When the workers started to have ideas about forming a union, straightaway one of their members who had admittedly ...

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What is this? What Head, Yang Berhormat?

Dr Tan Chee Khoo: Anyway, Mr Speaker, Sir, it is in connection with the Development Estimates which is meant to raise the standard of living of the people of this country, and on that ground, if you will permit me another minute or two, I will finish my speech.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You must relate it to a Kepala.

Dr Tan Chee Khoo: Anyway, Mr Speaker, Sir, I shall end by saying that the workers of this firm had a dispute with the management, and I do hope that the Minister of Labour will stand up in the defence of the right of the workers in this country to organise themselves into unions.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan Tambahan yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sa-bentar tadi dan saya ingin membuat beberapa tegoran terhadap-nya.

Yang pertama sa-kali ia-lah Kepala P. 27—Ranchangan Perumahan, Kampong Bahru. Saya ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan Perikatan, kerana dapat memandang jauh dan mengambil satu kawasan yang sangat sesuai untuk perumahan di-Kampong Bahru bagi orang ramai. Apabila memikirkan Kuala Lumpur, berchakap mengenai hal ehwal Kampong Bahru, sa-buah kampong di-pinggir Bandaraya Kuala Lumpur yang kadang² di-lupakan orang, dengan ada-nya ranchangan tanah ini, saya sungguh berbesar hati dan berharap kepada Kerajaan apabila mengusahakan tanah ini hendak-lah memikirkan kemudahan² seperti Kutub Khanah Negara, kalau dapat di-letakkan di-tepi kawasan tersebut dan juga kompleks² perniagaan yang termoden sa-kali kerana ketinggalan orang² Melayu di-lapangan ekonomi.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang selalu di-chakapkan ia-lah mengenai muhibbah. Mengatakan muhibbah memang senang sahaja, tetapi kalau orang² Melayu ta' di-beri peluang yang lebeh luas lagi dudok bersama² dengan bangsa² asing, berchakap banyak mana pun atas hal muhibbah ini, maka sambutan dari sa-belah pihak lain takkan dapat di-chapai. Maka ranchangan yang demikian ini, saya sambut baik dan juga saya shorkan kepada Kerajaan supaya satu lagi kawasan di-belakang Panggong Wayang Coliseum patut juga di-ambil demikian rupa. Dan juga oleh sebab di-Ibu Kota ini lalu-lintas sangat susah, maka saya shorkan supaya peruntukan di-sediakan untuk keretapi bawah tanah bagi menyenangkan lalu-lintas pada tahun² yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala P. 28—Token Vote sa-banyak \$10. Saya menyokong peruntukan ini dan berasa sungguh suka-chita, kerana Kerajaan tidak lagi membuat pagar dawai sebab Balai² Polis di-luar bandar hendak di-buat chain link fencing. Ini lebeh selamat, tetapi kadang² kita perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, pagar di-sakeliling balai² itu baik, tetapi pintu²-nya di-buat daripada kayu. Jadi saya berharap bukan sahaja pagar itu di-kukuhkan, bahkan pintu² itu mesti-lah di-buat daripada besi untuk mendatangkan keselamatan yang lebeh baik lagi bagi Pasokan Keselamatan kita.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan peruntukan Kepala P. 50—Penerbangan MAS. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pegawai² yang berkenaan, kerana dengan champor tangan-nya, kalau ta' silap saya, satu angkara burok telah dapat di-atasi berkenaan dengan huruf sengkak MSA. Saya suka mengambil peluang di-sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Menteri Perhubungan kita, kalau apa² perundingan dengan Singapura, mesti-lah kita berhati² dan memikirkan satu susunan baharu berkenaan dengan MAS ini, ia-itu berhubung dengan penerbangan di-sekitar tanah ayer kita, dan saya harus memberi pandangan di-sini oleh sebab Singapura ia-lah satu tanda titek sahaja dalam dunia ini dan negeri kita ada-lah luas, apa² perhubungan antara Singapura dengan kita mengenai penerbangan yang lepas, perpechahan ini mesti-lah di-kirakan atas

timbangan yang sangat² bijak dan berpatutan. Umpama-nya, kalau kita terbang ka-Singapura 100 kali, Singapura chuma dapat datang ka-tanah kita satu kali sahaja, memikirkan Singapura ia-lah satu dot dalam dunia ini dan atas apa² perkara pun hendaklah mengikut ratio itu. Kalau kita tidak pergi ka-Singapura pun tidak apa, kita katakan selamat tinggal.

Saya juga mengambil peluang di-sini, Tuan Yang di-Pertua, berchakap di-atas hal ehwal pengambilan orang² yang bekerja dalam MAS ini. Sunggoh sa-imbis pandang, kita rasa seronok sunggoh barang kita bumiputra dapat mengambil bahagian lebeh chergas lagi, kerana Setiausaha dalam MAS ini ia-lah orang Melayu dan pegawai² kanan-nya juga orang Melayu, kadang² orang Melayu di-terbangkan oleh angin, sebab mengatakan orang Melayu ini tidak ada pelajaran, tidak ada kebolehan dan sa-bagai-nya, biar-lah orang Melayu nanti 10 tahun atau 20 tahun lagi. Saya berharap, kalau orang Melayu tidak ada kebolehan lagi, maka ambil-lah contract officers buat sementara waktu dan jangan harap² sangat, kadang² sunggoh pun ada loyar menjadi setiausaha-nya dan pegawai² kanan-nya terdiri daripada orang Melayu, mereka ini boleh di-pengarohi oleh Setiausaha Kerjanya dan sa-bagai-nya. Saya berharap supaya perkara² yang sudah itu menjadi batu sempadan dan tauladan pada kita, ia-itu mesti-lah segala bangsa itu di-ambil mengikut bangsa, atau pun kadar yang sangat berpatutan mengikut perkembangan masa.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cham-porkan, boleh?

Tuan Hor Cheok Foon: Boleh!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya izinkan.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap berkenaan dengan Anggaran Pembangunan (Tambahan), Kepala P. 27 mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I would like to speak on the above heading regarding the Government's seeking approval from this House to spend an amount of \$1.8 million in the form of a loan to the Selangor State Government for the acquisition of a total of 17.9 acres of land in Jalan Hale, Kampong Bahru, Kuala Lumpur. The land is said to be for building flats. Therefore, I would like to take this opportunity to submit my views regarding mass housing in our country. While nobody could disagree with the matter of seeking finance to build flats or other forms of housing for the people, however the amount of nearly \$1.8 million is hardly adequate if we were to consider the entire housing problems of this country.

Tuan Yang di-Pertua, the problem of housing in this country has to be studied, planned and even eventually implemented in a total form, but not in a piecemeal manner as has been presented now. In the recent past, much has been said regarding the housing problem. I remember in the Second Malaysia Plan the matter of housing is vested in the hands of the State Governments and the Central Government is providing a consultative body known as the National Consultative Council for Housing. But so far the Government has not come out with any specific planned studies or report to resolve the country's acute housing problem. Overall, we can say the housing needs in this country have now been partly handled by the private sector and we admit that the performance of the private sector has been quite significant as far as providing houses to a certain income group is concerned, but the general masses, that is the have-nots both in the bandar and luar bandar have not been given the total consideration by which their problem could be met and resolved.

All citizens of this country, if they work hard, are entitled for the benefits of adequate and good houses. We note that the Alliance Government has ruled for 15 years and for this period if it had well thought of right from the beginning, the entire nation-wide housing problem could have been solved by now. Unfortunately, today the Alliance Government does not seem to have a clue to this problem and all what they have done, all what they have achieved all these years would hardly tantamount to 10% of the total requirements of housing. Well, I could substantiate this figure. When we have a

population of 10 million, it is estimated and calculated by experts that by the living standards of our country, by the average income, total national productivity, there are well over 30% of our people who need acutely to be re-housed; that is to say, there are 3 million people of that range to be re-housed and if we work on 5 persons per unit of house, 600,000 units of houses need to be built and so far I believe that we have only in the country a total of roughly about 50,000 units low-cost flats houses that have so far been built.

Tuan Yang di-Pertua, housing seemingly is a problem that is facing cities. However, I see that in the kampongs though people have houses to live in, but their houses are inadequately constructed. Sanitary facilities are poor and overall they are not planned for the modern society in which modern human beings like us live in.

Finally and conclusively, I would say the following. Without a plan and good control in housing, it may also result in the polarisation and compartmentalisation of housing tenancy based on ethnic racial groups. This effect is sometimes so severe that people are forced to dispose of their established homes and move to another area to which they think they belong. This, I submit, is detrimental towards progress and the achievement of a united and cohesive nation in which our people could live in an environment where they can fully trust and understand each other.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengambil bahagian mengenai dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Kementerian Kewangan, saya ingin menyentoh dua tiga Kepala. Yang pertama, berkenaan dengan Perkhidmatan Kajichuacha, Kepala P. 52.

Tuan Yang di-Pertua, saya di-beri faham bahawa alat² kelengkapan dan kemudahan² serta kaki-tangan² di-dalam Perkhidmatan Kajichuacha ini amat-lah kurang sa-kali di-dalam tanah ayer kita ini, maka dengan sebab itu-lah ma'alumat yang di-harap²kan daripada Perkhidmatan Kajichuacha ini selalu-nya kurang memuaskan ra'ayat dalam negeri ini. Saya memberi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini beberapa buah negeri di-dalam Malaysia telah mengalami

musim kemarau, dan dengan tiba-nya musim kemarau ini tidak lebeh dahulu di-sedari oleh Bahagian Kajichuacha dan dengan sebab itu-lah apakala tiba musim kemarau dan mengancham kehidupan ra'ayat di-dalam dua tiga buah negeri yang terlibat dengan-nya, baharu-lah kita menerima ma'alumat² dari Bahagian Kajichuacha mengingatkan ra'ayat supaya berjaga² dan berwaspada. Tetapi kalau kelengkapan dan di-adakan pegawai² di-tambah dengan kelengkapan yang di-beri sa-imbang dengan perkhidmatan yang akan di-jalankan oleh bahagian ini barangkali, Tuan Yang di-Pertua, kita, ra'ayat dalam negeri ini dapat lebeh dahulu menerima ma'alumat² bagi membolehkan kita berjaga dan bersiap sedia sa-belum tiba bahaya yang akan mengancham kehidupan ra'ayat.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita berada dalam bulan Ogos dan tidak berapa lama lagi kita akan menempoh musim tengkujuh. Kalau tiba musim tengkujuh di-dalam beberapa bulan lagi tidak dapat di-beri ma'alumat dengan tepat oleh Bahagian Kajichuacha ini, maka sudah tentu kejadian² yang pernah berlaku mengenai dengan banjir yang melibatkan ra'ayat, harta ra'ayat, ra'ayat terkorban maka perkara² yang saperti ini akan berulang lagi. Oleh kerana berpuncha daripada kekurangan alat kelengkapan dan pegawai² tadi, Tuan Yang di-Pertua, ma'alumat² yang kita dapat menerusi perkhidmatan kajichuacha ini kadang² tepat dan kadang² tidak tepat. Biasa-nya ma'alumat daripada bahagian ini apabila di-keluarkan akan di-hebahkan kepada orang ramai, di-sampaikan kepada orang ramai menerusi alat² penyiaran Kerajaan saperti radio dan talivishen. Apabila ma'alumat yang di-terima dari bahagian ini kurang tepat dan sa-chara kurang tepat di-sebarkan menerusi alat² penyebaran Kerajaan, maka dengan sendiri-nya ma'alumat yang kurang tepat itu menyebabkan ra'ayat tidak begitu yakin segala ma'alumat² yang di-keluarkan menerusi Jabatan Penerangan saperti talivishen dan rad'o. Untuk menjaga supaya alat² Kerajaan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak di-churigai oleh ra'ayat dalam negeri ini terutama sa-kali ma'alumat² mengenai dengan kemarau dan banjir, elok-lah Kerajaan mengambil perhatian berat untuk mengemaskan lagi bahagian Perkhidmatan Kajichuacha ini.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentoh Kepala P. 57 mengenai dengan Kementerian

Kerja Raya dan Tenaga. Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini, Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman di-masa yang sudah² adalah merupakan suatu Kementerian yang di-longgokkan dengan segala kerja² dan tanggung-jawab mengenai dengan ranchangan² pembangunan. Pada biasa-nya Jabatan Kerja Raya di-tiap² Negeri atau daerah, kita nampak dia akan mula menjalankan kerja dengan agak sebok sedikit apabila akhir tahun, atau pun penghujung tahun. Sebab itu-lah banyak projek² yang di-jalankan di-bawah perhatian; kerja raya ini tidak begitu tahan: bangunan² yang di-pertanggung-jawabkan kepada kerja raya tidak sampai dua tiga tahun, bangunan itu pecah, bangunan itu roboh dan ini-lah yang saya kata suatu kechuaian yang ada di-dalam Jabatan Kerja Raya.

Bahagian Negeri saya, ia-itu bagi negeri Trengganu, saya amat berterima kaseh kepada Menteri yang berkenaan yang nampak telah mengambil suatu sikap yang agak tegas menukar dengan sa-chepat mungkin sa-orang Pengarah Kerja Raya yang pada sa-tengah² pehak menganggap telah banyak membuat kesalahan di-dalam negeri Trengganu. Jadi dengan sebab itu pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di-sini untuk menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ada-lah merupakan Kementerian yang di-longgokkan dengan berbagai² tugas dan tanggung-jawab, maka dengan sebab itu-lah kalau tiap² kali di-adakan meshuarat tindakan sama ada perengkat daerah atau negeri, apakala kita mengkaji sebab² kenapa sa-suatu projek itu lambat di-jalankan, maka semua sa-kali menghalakan kepada Jabatan Kerja Raya dan meletakkan kesalahan-nya kepada Jabatan Kerja Raya tentang kelewatan dan kelambatan.

Suatu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi tahu bahawa di-kawasan saya sendiri banyak peruntokan² yang telah di-luluskan di-dalam tahun 1971 kemudian kerana ada beberapa masa'alah tidak dapat di-jalankan dalam tahun 1971 dan di-pindah perkara itu pada dalam tahun 1972 pula dan sekarang ini tahun 1972 sudah sampai bulan Ogos, maseh banyak lagi projek² yang sudah pun di-luluskan tidak dapat di-jalankan.

Bila di-tanya, Jabatan Kerja Raya belum lagi mengeluarkan tender. Ini-lah antara sebab², Tuan yang di-Pertua, kadang² sa-suatu projek itu Menteri² telah mengeluarkan kenyataan dua tiga tahun, tetapi benda itu belum dapat di-lihat oleh ra'ayat. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, kalau benar² Kementerian Kerja Raya atau Jabatan Kerja Raya di-tiap² Negeri telah begitu banyak di-bebankan kepada tugas²-nya, dengan tanggung-jawab-nya sa-lain daripada tanggung-jawab biasa, saya fikir ada baik-nya kedudukan tugas² Kementerian Kerja Raya ini di-kaji sa-mula supaya tidak-lah segala kesalahan² itu di-letakkan kepada Kementerian Kerja Raya tentang kelewatan dan kelambatan-nya. Kerana saya berpendapat kalau di-dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, kita akan mengalami kesilapan² yang ada kait-mengait-nya dengan Kerja Raya seperti mana yang kita telah alami di-dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Pertama, maka hasil yang kita harap²kan di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini barangkali akan sama juga dengan hasil yang kita telah dapati di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama dahulu, kerana seperti yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan atau tempat yang kita harap²kan ia-lah kepada Kementerian Kerja Raya.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kepala P. 47. Saya mengambil peluang untuk menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian ini, kerana nampak-nya di-dalam sa'at² yang akhir ini menyedari bahawa negeri Trengganu ada-lah merupakan negeri yang perlu di-beri pertimbangan di-dalam memberikan peruntokan, bukan sahaja kepada ranchangan² yang besar, tetapi juga kepada ranchangan² yang kecil. Memang, Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar Menteri² memberi ucapan bahawa di-dalam melancarkan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini Kerajaan Perikatan yang ada pada hari ini akan memberi keutamaan kepada ranchangan² yang boleh menambahkan pendapatan ra'ayat, ia-itu ranchangan² yang di-katakan lebih ekonomik, ranchangan² yang agak sesuai dengan Dasar Ekonomi Baharu, tetapi bagi sa-buah negeri di-dalam ranchangan² yang besar, tetapi juga ketinggalan jauh di-dalam ranchangan² yang kecil, maka saya

harap dan saya merayu kepada Kerajaan di-dalam menambahkan ranchangan² kechil untok projek² kechil pada masa yang akan datang hendak-lah negeri Trengganu di-beri peruntukan yang agak berlipat ganda, kerana kalau kita masok ka-kawasan pendalaman dalam negeri Trengganu, kita maseh berjumpa dengan jalan² raya yang sangat burok, kita maseh berjumpa dengan bangunan² ibadat yang sangat² burok dan uzor. Kita maseh berjumpa dengan beberapa kemudahan yang sa-patut-nya ada di-tempat itu, tetapi tidak di-adakan kerana kekurangan perbelanjaan.

Bagi negeri² lain, Tuan Yang di-Pertua, yang Kerajaan Negeri-nya mempunyai puncha kewangan yang lebeh, barangkali dia boleh belanja daripada peruntukan Kerajaan Negeri-nya sendiri, tetapi oleh kerana negeri Trengganu terbit daripada penutupan lombong bijeh besi di-Dungun, maka seka-rang ini Kerajaan Negeri Trengganu mengalami kekurangan wang. Jadi, tidak dapat tidak, di-dalam memenohi kehendak ra'ayat yang mendesak berganda kepada Kerajaan, sama ada di-dalam ranchangan kechil, atau ranchangan besar, mahu tidak mahu Kerajaan Negeri Trengganu hari ini mengharapka sa-penoh² kepada Kerajaan Pusat untok menolong-nya ra'ayat dalam negeri itu.

Perkara yang ke-empat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh Jabatan Penyiaran, ia-itu Kepala P. 34. Saperti yang pernah saya beritahu di-dalam Dewan ini, Jabatan Penyiaran termasuk Radio dan Tali-vishen ada-lah merupakan alat yang sangat² penting memberi ma'alumat kepada ra'ayat dan kalau pegawai² yang kita tugaskan untok memberi ma'alumat, kedudukan antara satu bahagian dengan satu bahagian itu layanan-nya tidak sama, saperti mereka yang men-jalankan tugas di-bahagian radio, lain chara layanan-nya dalam bahagian Talivishen, lain layanan-nya dalam bahagian Penerangan sendiri lain chara layanan-nya, maka sudah tentu antara pegawai² ini akan menimbulkan suatu perasaan iri hati antara satu pehak dengan satu pehak.

Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, supaya alat penting Kerajaan ini dapat menjalankan kerja dengan baik, saya menaruh penoh keyakinan kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat menyelesaikan masalah yang tidak sama kedudukan kepen-tingan dan kebajikan pegawai yang ada di-dalam Kementerian ini. Kalau dahulu kita

pernah dengar di-dalam Kementerian Pelajar antara berbagai² jenis guru itu tidak di-beri layanan yang baik telah menimbulkan berbagai² masalah dalam negeri kita ini maka saya perchaya di-dalam Kementerian Penerangan ini juga, kalau keadaan saperti yang ada sekarang ini di-teruskan maka sudah tentu apa yang kita harapkan daripada Kementerian ini tidak akan dapat memenohi kehendak Kerajaan yang ada.

Perkara yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh Kepala P. 24 berkenaan dengan Kastam dan Eksais di-Raja. Tadi sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentoh tentang masalah berbagai² benda yang di-haramkan masok ka-dalam negeri ini telah masok dan ra'ayat telah menggunakan alat² itu dengan bebas. Ada satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menyatakan dalam Dewan ini; satu perkara yang saya berasa hairan. Di-sa'at² yang akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, kita pernah membacha dalam surat² khabar tentang penangkapan² bagi orang² yang menyeludup barang. Kalau kita tengok atau kita bacha dalam berita itu, kita dapati yang lebeh aktif menjalankan kerja, yang lebeh berkesan mengikut jejak langkah orang² yang menyeludup barang² haram ini ia-lah dari Pasokan Penchegah Rasuah.

Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan Kastam di-tiap² tempat dan mengadakan kaki-tangan yang ramai, tetapi banyak benda² yang agak menyenang-kan hati kita membacha tentang rampasan itu di-buat oleh Bahagian Penchegah Rasuah. Saya tidak faham sama ada sa-tengah² daripada pegawai² dalam Kastam yang kita amanahkan dengan kerja yang bagitu penting, sama ada mereka menjalankan kerja sambil lewa, atau ada satu penyakit di-dalam-nya yang perlu kita ubat supaya jangan pula—tetapi saya tidak ada kenyataan yang terang. Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada orang yang mengatakan ada sa-tengah² Pegawai Kastam ini bersubahat sama dengan orang yang menyeludup. Kalau ini benar, maka sudah tentu-lah, kita harapkan pagar, pagar makan padi, tetapi hendak di-tentukan tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, pagar tadi sudah bochor, orang lain yang dapat menangkap. Jadi, nasib baik, kerana sa-lain daripada Pegawai² Kastam, kita ada satu lagi bahagian, ia-itu Penchegah Rasuah, tetapi oleh kerana Pegawai Kastam ini juga manusia biasa, Penchegah Rasuah yang saya

pujikan tadi juga manusia biasa, saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah pagar yang pertama sudah bochor, pagar yang kedua itu pun manusia juga yang menjaga, maka saya takut kalau² pagar yang kedua itu juga pechah, kerana dia mendapat ilham daripada orang yang menjaga pagar yang pertama tadi, erti-nya tidak ada guna-lah awak menjaga ketat², kami pagar yang pertama pun kami sudah lepas; elok kita lepas-kan supaya kita juga mendapat bahagian yang sama.

Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, tegoran dan pandangan saya chara ikhlas kapada Kerajaan saya sendiri dan pada akhir-nya saya memberi sokongan yang penoh tentang peruntokan yang di-minta ini. Terima kaseh.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Sir, there is an item in respect to the Home Ministry. Sir, during the last few years and recently, corruption in our country has been of the highest order. We had a most eminent and able officer as Director of the Anti-Corruption Agency. At this moment, I must pay tribute to him for his active initiative to bring about corruption under control in this country. After he left the Department for a higher position there has been a considerable increase in corruption at all levels.

Sir, I have been informed that the casino in Genting Highlands is completely patronised by top Civil servants during day and night, and most of these people who patronise this place do not take money with them but collect the chips at the bottom of the hill given by contractors to gamble at the casino. Sir, if we are going to allow corruption to dominate in this country, we will face the situation as other countries of Asia have faced: all development programmes will come to a stalemate if we do not stamp out corruption completely from our midst.

Sir, I must make reference to the various Land Offices in this country. During the last few months many of the Land Offices have not functioned as they should function. Most of the officers who are responsible for distribution of land have not found the time to process the applications, neither are they bothered to know what is happening in the Department and there has been no reply to letters. I do not like to make reference to particular cases. I am sure those who are

responsible should know. In this way, land distribution schemes under the development programmes would become a failure if the Government does not take stock of the danger which is becoming monstrous in our country. There is an attitude in the top bracket of the Civil Service, a "tidak apa" attitude. This could be attributed to easy end quick promotions where persons have not gained valuable experiences in the lower levels and on reaching the top positions overnight, they tend to take things very lightly and evade from responsibilities. These are events, Sir, which could bring about disasters to our nation.

Sir, recently there has been a circular or a petition written by a member of the ruling party—in fact, the signature is supposed to be that of a Minister—and that circular or that petition contains various allegations; most of the allegations are attributed to Ministers, of malpractices and corruption. I do not know whether this has reached the hands of the Anti-Corruption Agency. If it has reached, I do not know whether the signature is authentic or not. If the signature is not authentic, then the Minister whose name is referred to as the person who has signed the petition should immediately make a report to the Police to state that that was not his signature. I am sure the Anti-Corruption Agency should be now investigating the various allegations contained in the petition—references to properties, share-holdings and so on by top personalities in the Government. Sir, the Minister, I am sure, would be taking action, and if the Minister does not, then the Prime Minister who is responsible for the administration of this country, who has been at all times advocating a clean and efficient administration, should be able to bring it to the notice of the relevant authorities. In this respect, I also invite the Minister of Home Affairs, who is highly respected as a man who is effective to implement the law, to take necessary measures on this petition and if he does not possess a copy of the petition, I am prepared to forward to him one—I am sure he has got one. I am prepared to supply him with the petition where very serious and dangerous allegations have been made in the petition in respect of top members of the Government.

Sir, referring to the Press—this is of course, under the Ministry of Home Affairs—the functions and responsibilities of the Press are

being often curtailed and unwarrantably checked by the Government. There has been indication to a large degree that the Press has been gagged not to publish anything that is against the ruling party. Sir, if this is allowed unchecked, again we are going to build a society, or a system which is not conducive to the so-called democratic system which everyone of us talks here. Most of the things said in this House do not get to the people. The Press is terribly scared and worried that their licences may be withdrawn and there is also indication that the Government has warned to what length publicity can be given to the Members of the Opposition and how it should be and how it should not be. Sir, Ministers responsible must eliminate this fear in the minds of the public and also from the mind of the Press. I am sure if the journalists of this country are going to be placed in this manner then the ultimate thing would be the collapse of our basic concept of a democratic system.

Sir, in the City of Kuala Lumpur, in spite of all the developments being promised and being undertaken by the City Hall, we find that the traffic system is posing a great threat during the last few months. The planners have not taken stock of the growing traffic in Kuala Lumpur, especially during the peak hours. It is high time that the Government, especially the City Hall, thought in terms of a long term development policy. It is unique to say that our neighbour, Singapore, has found a solution to this traffic system, and if it is necessary, then we should at least learn how the Singapore Government has been able to tackle the traffic system and the traffic problem.

Sir, my colleague made reference to a strike which is taking place a few miles away from this town in the Tuck Seng Loong Lorry Transport Company. There have been many interested political groups who have interfered in this strike, but the Ministry of Labour has not been very positive, definite and categorical in bringing about a solution to this strike. Nearly 100 workers have been locked out by the owner of the Company, and most of these lorries are holding "A" permits, and I am sure the Minister of Communications would be taking action if those lorries are not being operated. The owner of this Company should be told, "Either you operate the Company, or those licences would be withdrawn and given to

those who are prepared to operate". And the Ministry of Labour should be more vigilant in bringing about a speedy settlement to this lock-out which has now been going for more than 37 days.

Mr Speaker, Sir, the Ministry of Home Affairs must now seriously think in terms of a definite and positive policy relating to citizenship. Applications made under Form G are placed under the mercy of the Minister of Home Affairs. Though a person has complied with all the requirements of the law and the Constitution, he is still not entitled to obtain a certificate for a number of years, and such applications remain pending in the Ministry of Home Affairs for years; and these applications are dealt with at the sole discretion of the Minister. In most of the cases or out of 100 cases, at least 95 cases are rejected without any grounds being offered. The Minister will, of course, say that there is no need for him to give any reason for rejecting these applications. If the Government thinks that it is not prepared to accommodate Form G applications, then it must be able to make a categorical statement as to why it does not or it must make suitable amendments to the Constitution. But when constitutionally it is perfectly all right for the applicants to make applications, then the Government should give every consideration to grant citizenship to those who are applying under Form G. This is a matter of policy, and I invite the Minister to bear in mind that the Constitution provides certain requirements and when these requirements are met by the applicants, the applicants should be granted citizenship. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan Tambahan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baharu sa-bentar tadi.

Saya chuma hendak menyentoh dalam 4 Kepala sahaja. Yang pertama, sa-kali saya hendak bangkitkan berhubung dengan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Usaha ini, saya minta supaya Kementerian ini dapat melanjutkan penyelidikan dan mengambil satu usaha yang serious supaya menghubungkan negara² luar yang ada menyimpan lebih 4,000 per-suratan mengenai sejarah kita ini. Dengan kajian ini kelak, dapat-lah di-ambil balek

persuratan ini sama ada surat-nya yang asal atau salinan dengan tujuan supaya memelihara perkara² yang ada hubungan dengan negara kita. Nashkah² ini, Dato' Yang di-Pertua, akan mendatangkan faedah kepada ahli² sejarah kita yang akan membuat buku sejarah tanah ayer yang tulin berpanduan risalah² yang di-katakan sa-banyak 4,000 persuratan itu.

Dato' Yang di-Pertua, sekarang saya sentoh dalam perkara Kementerian Kerja Raya dan Tenaga dalam peruntukan tambahan ini. Ada-nya membekal, ya'ani bekalan ayer, saya nampak, masalah bekalan ayer ini ada-lah satu masalah yang besar yang di-hadapi oleh negara dan ra'ayat kita. Dan masalah ini boleh-lah kita katakan masalah tiba², ia-itu negara kita biasa-nya tidak begitu menghadapi kemarau panjang sechra mengejut, tetapi oleh sebab beberapa keadaan dalam hal chuacha tanah ayer kita ini, mungkin juga di-sebabkan ujian² bom nuklear yang di-jatuhkan oleh Perancis di-kawasan Pasifik menyebabkan negara² dalam kawasan ini bukan sahaja perubahan banjir itu melempah bagaimana yang telah lalu, tetapi kemarau panjang ini juga berlaku di-negara kita. Masalah ini, Dato' Yang di-Pertua, boleh-lah di-ikuti dengan Jabatan Kajichuacha kita sama ada benar pendapat ini telah di-kemukakan oleh sa-buah negara yang mengalami banjir yang begitu hebat ia-itu Kerajaan Filipina bahawa kesan ujian bom nuklear ini mengakibatkan suasana chuacha negeri itu berubah. Dalam masalah bekalan ayer ini, Dato' Yang di-Pertua, kita kena kemarau di-negeri ini, biasa-nya satu bulan, dua bulan, tetapi masa² yang akhir ini tiga bulan. Yang menjadi susah, Dato' Yang di-Pertua, bukan sahaja ra'ayat termasuk juga Jabatan Kerja Raya membekalkan ayer kepada ra'ayat² di-luar² bandar. Oleh itu, saya harap Kerajaan telah sedia ada Jawatan-kuasa Penyelaras yang akan mengadakan meshuarat tiap² bulan yang di-wakili oleh Ketua² Jabatan Kerja Raya tiap² Negeri supaya mengkaji sa-mula bekalan ayer ini sama ada dalam bandar termasuk juga di-luar² bandar dan hendaklah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mengeluarkan satu peruntukan khas bagi membekalkan ayer² paip ka-kampong² luar bandar. Bagi dalam bandar, Dato' Yang di-Pertua, supaya di-kaji sa-mula tangki² dan juga loji simpanan ayer di-kawasan dalam negara kita ini sama ada ayer ini boleh

menchukopi dengan keadaan penduduk yang bertambah dan penduduk yang sentiasa menggunakan alat² sains dan teknologi yang sangat banyak menggunakan ayer. Dengan keadaan macham ini, kita tidak begitu chemas menghadapi kemarau pada bila² masa yang akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan kesulitan ra'ayat di-luar² bandar dengan pesat-nya mengenai pembangunan ini. Kawasan² yang di-buat oleh Jabatan Parit dan Taliayer, kawasan itu ayer-nya di-buang. Bila musim kemarau, Dato' Yang di-Pertua, ayer kering kontang. Manusia di-tempat itu sukar sangat mendapatkan ayer bukan sahaja ayer untuk membasoh dan mandi, tetapi ayer minum mereka sukar memperolehi-nya. Tetapi dengan kemurahan Kerajaan telah menghantar bekalan ayer ini pada tiap² hari. Dengan keadaan yang sangat mendukachitakan mereka menunggu ayer² yang di-bekalkan oleh Jabatan² yang tersebut. Jadi, dengan ada-nya ranchangan kilat ini, kita bekalkan paip ayer di-kampong² yang saya sebutkan ini, Insha' Allah ra'ayat akan lega dalam masalah ayer ini juga ra'ayat sanggup memberi balek peruntukan² atas projek bekalan ayer di-kampong².

Dato' Yang di-Pertua, saya bangkitkan dalam Kepala P. 24—Kastam dan Eksais di-Raja. Rakan sa-jawat saya telah membangkitkan masalah ini berhubung dengan pihak Kementerian ini akan membelanjakan wang dan kenderaan dan juga sampan untuk menchegeh penyeludupan. Masalah ini telah saya kemukakan dalam Dewan ini berhubung dengan tempat² penyeludupan di-tanah ayer kita ini. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan, kalau ta' salah dalam ingatan saya sa-banyak 36 tempat. Penyeludupan ini, Dato' Yang di-Pertua, menurut pandangan saya bukan bertambah kurang, tetapi bertambah hebat gerakan-nya. Kalau kita chegeh di-utara, dia akan menyeludupkan barang² ini di-sabelah selatan termasuk negara kita. Mereka ini menghantar barang² penyeludupan ini, Dato' Yang di-Pertua, bukan-nya melalui pengangkutan yang ringan, ia boleh menggunakan kapal² dan lori². Masalah ini, Dato' Yang di-Pertua, kalau kurang kita ambil tindakan akan rugi-lah negara kita yang sedang membuat perusahaan dan membuat barang² dalam negeri kita dengan banjir-nya penyeludupan ini.

Saya gemar chontohkan, Dato' Yang di-Pertua, masalaah beras sahaja sa-bagai satu chontoh. Kalau beras hanchor pada satu kati harga-nya 25 sen dapat di-Malaysia atau dalam Negeri Johor, tetapi beras yang terdapat dengan di-seludupkan daripada Singapura ra'ayat boleh dapat beli dengan harga 18 sen. Keadaan yang sa-macam ini, Dato' Yang di-Pertua, tentu-lah ra'ayat suka membeli barang² yang begitu murah. Saya memberikan juga kepujian atas Pasokan² Penchegah Penyeludupan ini yang telah berjaya mematahkan dan menangkap raja² penyeludupan ini, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, kumpulan penyeludupan ini pada masa sekarang telah menjalankan satu gerakan yang keras, erti-nya dia keras, kita mesti lawan dengan keras. Mereka telah berani mengadakan kumpulan dengan memperalatkan kumpulan-nya dengan senjata hingga bertembak² dengan Pasokan Kastam kita. Saya ucapkan tahniah kepada Pasokan Kastam yang berani mengorbankan jiwa-nya kerana memperlindungan dan memelihara tugas² yang di-wajibkan oleh Kerajaan kepada mereka. Dengan keadaan yang begitu, Dato' Yang di-Pertua, anggota² kastam kita atau pasokan penchegah ini bukan sahaja perkhidmatan mereka di-puji, mereka pergi menghendap bermalam di-hutan² dan di-perahu² menanti pasokan² penyeludup itu datang. Mereka datang dengan berani, Dato' Yang di-Pertua, dengan membawa senjata dengan menembak ahli² pasokan kita.

Apa yang saya harap supaya Kerajaan, ahli² pasokan penyeludup ini di-beri latehan juga dalam menggunakan senjata api dan juga di-beri kepada mereka senjata² untuk memelihara diri mereka manakala di-tentang oleh manusia² ini. Saya harap ini ada-lah satu perkara yang serious dalam negara kita waktu kita menjalankan pembangunan ini berhubung dengan penyeludupan.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, gemar saya bangkitkan dalam bahagian Polis di-Raja di-antara bahagian cabang-nya di-katakan Pasokan Polis Hutan. Pasokan Polis Hutan ini dia bersama² dengan Angkatan Tentera kita dengan di-namakan Pasokan Keselamatan. Mereka ini bersama² menyering pengganas² kominis yang militan di-kawasan sempadan dan kita tengok mereka ini-lah juga yang banyak menjadi mangsa waktu bertempur dengan pengganas² kominis ini. Saya fikir, Dato' Yang di-Pertua,

oleh sebab negara kita ini akan menghadapi tentangan kominis ini berlanjutan, walau pun kita ishtiharkan kita akan hapuskan dia tetapi dia sudah berjalan 15 tahun, bukan sahaja kurang, menurut hemah saya mereka bersedia menunggu sa'at dan ketika kelemahan bagi pihak kita. Jadi saya nampak bahawa Pasokan Polis Hutan kita ini sahaja di-berikan latehan ilmu pengetahuan peperangan macham angkatan tentera dan kita masokkan dia di-pusat Latehan Angkatan Tentera yang berada di-Kota Tinggi, Johor Baharu. Dengan keadaan yang samacham ini, mereka akan dapat ilmu tipu muslihat peperangan untuk mengelakkan diri dia dan bertempur dengan pengganas². Saya tidak-lah pula menafikan bahawa dengan belajar-nya, Dato' Yang di-Pertua, dia tidak akan maut, tetapi kurang-nya dia maut kita akan dapat atasi. Dengan keadaan yang macham ini, Dato' Yang di-Pertua, saya fikir akan dapat-lah Pasokan Keselamatan kita itu yang betul gagah, yang betul bersemangat sebab ilmu pengetahuan yang ada pada dia itu boleh mempertahankan diri-nya dan menunaikan kewajipan yang di-amanahkan kepada mereka.

Berhubung dengan ini juga, Dato' Yang di-Pertua, bagi pihak Pasokan Keselamatan kita di-satengah² kawasan negara kita ini Kerajaan telah ishtiharkan kawasan berkurong dengan undang² yang tertentu tidak merelakan orang ramai pergi dalam kawasan itu dan juga sa-siapa yang melanggar perintah ini, jika di-dapati, akan di-tembak mati dengan ta' ada satu pendakwaan. Dalam masalaah ini, Dato' Yang di-Pertua, kita juga berasa dukachita ada orang² awam kita yang telah menjadi mangsa dengan undang² berkurong ini mereka mati di-tembak oleh Pasokan Keselamatan kita dengan sebab masuk ka-kawasan larangan. Saya mengharapkan, Dato' Yang di-Pertua, dalam masalaah ini, saya tidak-lah mengkritik dalam masalaah undang² tentera, undang² keselamatan, apa yang saya harapkan supaya penerangan yang lebeh luas di-berikan kepada ra'ayat jelata jangan pergi ka-tempat² larangan. Dengan penerangan yang luas ini mudah²an mereka akan berhati² akan menjaga diri-nya daripada terchebor maut-nya yang tidak berdosa kepada sisi mereka. Pada mereka juga, Dato' Yang di-Pertua, khas-nya kawasan² sempadan pergantungan hidup-nya di-kawasan² yang terkurong ini, kawasan²

larangan ini. Sa-kira-nya kalau dapat kita beri penerangan yang chukop mereka akan berhati² menchari nafkah dalam kawasan ini untuk melepaskan diri mereka daripada undang² yang di-kenakan dalam kawasan itu. Saya fikir satakat itu-lah, Dato' Yang di-Pertua, yang dapat saya berikan perhatian dalam anggaran yang di-untokkan ini. Sekian, terima kaseh.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Anggaran Pembangunan Tambahan ini, saya ingin menyentuh satu dua masaalah yang saya memerlukan penjelasan yang lebeh lagi daripada pehak Kerajaan. Di-dalam Anggaran Pembangunan Tambahan ini di-bawah Kepala P. 50—Penerbangan Awam, ada satu peruntukan yang amat besar di-sana ia-itu mengenai dengan belanja² atau pun perbelanjaan memindahkan harta² daripada Sharikat Penerbangan MSA kepada Sharikat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Mengikut yang ada di-dalam anggaran ini peruntukan untuk membawa atau pemindahan harta² daripada Sharikat Penerbangan MSA kepada MAS berjumlah \$40 juta. Ini saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, satu angka yang amat besar dan penjelasan di-dalam memorandum ini tidak begitu terang untuk Dewan ini memahami belanja pemindahan yang bagaimana-kah rupa-nya yang memerlukan sa-banyak \$40 juta ini.

Lagi satu masaalah, Tuan Yang di-Pertua, dalam Kepala yang sama juga berkenaan dengan pembenaan Lapangan Terbang Johor Bahru di-Senai. Tidak shak lagi bahawa seluroh ra'ayat Malaysia bersuka-chita mendapat tahu bahawa kita akan mempunyai lapangan terbang sendiri di-Johor Bahru, tetapi yang saya tidak dapat memahamkan ia-lah kenapa lapangan terbang itu hanya di-buat untuk menerima pendaratan kapal terbang Fokker Friendship dan Boeing 737 sahaja? Kenapa-kah Kerajaan tidak membuat persediaan dengan pandangan yang lebeh jauh supaya lapangan terbang itu boleh menerima pendaratan kapal terbang² yang lebeh besar seperti Boeing sa-kurang²-nya 707. Saya perchaya bahawa lapangan terbang di-Negeri Johor itu akan menjadi satu lapangan terbang yang penting pada satu masa ka-hadapan, dan pada pandangan saya, kalau daripada sekarang di-bena barangkali, anggaran perbelanjaan membena-nya jauh lebeh murah, daripada kalau kita hendak

tambah dan perbaiki landasan kapal terbang itu pada masa akan datang. Kita tidak patut membuat kesilapan dalam perhetongan kita bagaimana yang kita telah buat di-Pulau Pinang dahulu. Kita hanya membuat lapangan terbang di-Pulau Pinang untuk menerima pendaratan Fokker dan Boeing 737 dan sekarang kita sedang menghadapi masaalah yang berat sa-kali di-Pulau Pinang, kerana lapangan terbang di-sana tidak dapat menerima kapal terbang² yang lebeh besar. Sa-hinggakan salah satu daripada sharikat penerbangan yang biasa-nya turun di-Penang ia-itu Thai International Airlines, apakala menukarkan kapal terbang²-nya kapada kapalterbang yang lebeh besar, tidak dapat mendarat di-lapangan terbang Bayan Lepas, terpaksa di-chari ikhtiar supaya kapal terbang-nya itu dapat mendarat di-lapangan terbang tentera di-Butterworth untuk membawa pelanchong² daripada Thailand. Jadi saya minta daripada Kerajaan masa-nya masah ada lagi untuk membesarkan lagi lapangan terbang di-Negeri Johor itu supaya dapat mengangkut atau pun menerima pendaratan kapalterbang yang lebeh besar. Biar-lah kita berbelanja lebeh sekarang daripada menunggu pada satu masa ka-hadapan dalam mana ketika itu terpaksa berbelanja lebeh besar lagi. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 2), 1972.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran yang di-minta di-sini ia-lah sa-banyak \$58,516,157. Apa yang saya ingin nyatakan bahawa perbelanjaan yang di-kehendaki itu ada-kah pehak Kementerian yang berkenaan telah pun mengambil perhatian yang berat di-atas nilai ekonomi yang akan di-dapati oleh ra'ayat dengan chara terus-nya. Ini ada-lah satu perkara yang saya fikir sangat mustahak dan di-harap pada masa² yang ka-hadapan pehak² Kementerian yang berkenaan sa-belum melakukan apa² ranchangan hendak-lah di-kaji dan di-halusi sama ada faedah nilai ekonomi itu boleh di-dapati oleh ra'ayat sa-terus-nya. Sa-kira-nya faedah nilai ekonomi itu ta' di-dapati sa-terus-nya, atau pun ta' di-perolehi, di-harap-lah perkara² itu di-tanggohkan supaya ranchangan² yang bernilai ekonomi di-dahulu-kan. Ini ia-lah perkara yang sangat mustahak

kerana kita berkehendakkan negara kita ini maju dengan membaiki kedudukan ekonomi bumiputra khas-nya dan ra'ayat Malaysia am-nya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pehak² yang berkenaan yang membelanjakan wang itu sa-belum menjalankan satu² projek hendak-lah di-kaji dengan halus-nya untuk menjimatkan perbelanjaan dan jangan-lah membelanjakan dengan chara membazir. Satu daripada perkara yang saya ingin menarek perhatian ia-lah berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga yang berkehendakkan sa-banyak \$2 juta untuk hendak membayar kepada pakar² perunding berkenaan dengan jalan raya daripada Petaling Jaya ka-Kuala Lumpur. \$2 juta ada-lah satu kumpulan wang yang chukup besar untuk di-berikan kepada pakar² perunding. Saya perchaya pakar perunding itu bukan-lah daripada golongan warganegara kita, barangkali orang di-luar negara kita, atau bukan warganegara kita. Ini berma'ana wang yang kita bayar kepada pakar perunding itu di-bawa balek ka-negara masing². Saya berharap pehak Kementerian yang berkenaan kira-nya hendak mengadakan satu² projek tanya-lah kepada pakar² yang ada di-dalam negara kita ini dahulu sa-belum di-tawarkan kepada pakar² perunding daripada luar negeri. Saya tunjok chontoh, Tuan Yang di-Pertua, pakar² dari luar negeri itu bukan-lah pandai dan bijak lebeh daripada orang² yang di-dalam negeri ini yang mempunyai pengalaman yang luas. Beberapa perkara yang boleh saya tunjukkan berkenaan dengan dermaga dalam di-Butterworth yang kita gunakan pakar² dari luar negeri. Ta' sampai 7 tahun satu pakar pula mengatakan dermaga dalam itu sudah changkat, terpaksa di-korek dan di-dalamkan dan di-lanjutan ka-tengah.

Yang kedua, mengenai Jambatan Temerloh. Dua kali di-bena, dua kali runto. Dan berkenaan dengan satu ranchangan lapangan perhentian bas dan teksis² di-Butterworth. Satu pakar mengatakan patut di-buat di-tempat yang di-sediakan, dan kerja² sudah di-jalankan dengan di-belanjakan sa-banyak \$90,000. Tetapi datang satu perintah pula konon-nya daripada pakar lain pula mengatakan ranchangan itu patut di-berhentikan kerana ta' sesuai dan di-pindahkan ka-tempat yang lain. Ini-lah yang menyebabkan kerugian wang Kerajaan, berthabit dengan membayar wang atau mengambil pakar²

daripada luar negeri, yang saya perchaya tidak-lah sa-bijak daripada orang² yang ada dalam negeri ini.

Oleh yang demikian, saya berharap kapada Kerajaan atau pehak yang berkenaan sa-belum melancharkan sa-barang projek ta' payah-lah kita gunakan pakar² daripada luar negeri, kerana pakar² yang ada dalam negeri kita pun, saya ingat sudah chukup.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan menjimatkan wang juga. Saya dapati Kerajaan membayar wang untuk sewa pejabat² Kerajaan daripada pehak swasta, atau pun daripada badan² lain, sa-tahun sa-kali kita kena bayar yang dalam anggaran saya, lebeh kurang \$5 juta. Tidak-kah bijak bagi pehak Kerajaan membeli tanah atau mengambil tanah daripada pehak Negeri² supaya buat atau bena bangunan sendiri dan di-berikan kepada Pejabat² Kerajaan. Ini ada-lah satu perkara yang menjimatkan wang Kerajaan. Saya berharap mendapat perhatian daripada Kerajaan, tidak payah kita sewa bangunan² yang lain yang kita mesti keluarkan wang itu yang mana wang itu perlu kita gunakan bagi pembenaan ekonomi orang² yang tidak berada, khas-nya pada petani² kita yang tidak mempunyai tanah, kita boleh beri wang banyak kapada Bank Pertanian supaya Bank Pertanian boleh mengadakan satu dasar untuk memberi pinjaman kepada petani² untuk mereka membeli tanah sendiri dan juga dapat kita beri pinjam, atau lebeh peruntukan kapada Perbadanan Kemajuan ikan, mithal-nya supaya perbadanan ini dapat meminjamkan wang kapada nelayan² yang tidak mempunyai alat jentera sendiri dan lain². Ini ada-lah satu tegoran yang ikhlas daripada saya. Saya harap pehak Kerajaan akan mengambil perhatian supaya memberi perhatian yang lebeh berat kapada projek² yang akan mendatangkan faedah atau pun yang mempunyai nilai ekonomi yang lebeh.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, this motion which stands in the name of the Minister of Finance seeks over \$58,000,000 in additional supplies.

Mr Speaker, Sir, it is in the nature of things that when a Budget is presented for approval by this House that not all the items of the various Ministries would be exact. It

would happen that in the course of the year, the Government would have to come to this House to seek for additional funds but the amount any particular Department or Ministry seeks should, by and large, be as close as possible to the sum voted to it. But what do we find in this? In this particular Motion, they are asking for over \$58,000,000. The additional sums asked for are shocking at times, Mr Speaker, Sir.

I refer to Kepala P. 29. The sum asked for is 80 per cent more than that provided for under the Budget—80% more. I mean, if the Ministry were to ask for a particular item 5% more or 10% more, that would be understandable, but here the sum asked for is more than 80%. Under Kepala P. 34, the sum asked for is over 50%—estimated cost \$480,000. They discover now that the cost is \$683,000 i.e. a 50%-over increase. We go further. Under Kepala P. 34 (2)—Extension of Television Scheme to West Coast—300% increase. Under Kepala P. 47, the additional sum asked for is over 100%.

Tuan Speaker, we could go on right through all the items under the various Ministries and we will find this is what is going on. It is a bit of a shocking state of affairs, Mr Speaker, Sir. Surely Civil servants in the different Ministries those responsibility it is to put up estimates when the Budget is presented to this House should be more careful and not just ask for any "old" sum and then come back later to this House and ask for more. This becomes a ridiculous situation, Mr Speaker, Sir. I hope hereafter they would be more careful. Surely they should have trained personnel who can make projections of future expenses or projections of public requirements at later dates.

Like under Kepala P. 57 (2) under the Second Malaysia Plan, the original cost of the project is \$5.5 million. As the demand for water supply has increased rapidly in the Kinta area the estimated cost of this project has to be revised to \$29,000,000—500% increase. When was the Second Malaysia Plan submitted to this House, Mr Speaker, Sir? Just last year and they estimated that the cost of the project would be \$5.5 million. One year after they decided that it has to be \$29,000,000. If this is not a ridiculous situation, I don't know what it is, Mr Speaker, Sir.

Mr Speaker, Sir, I would like to refer to Kepala P. 27 regarding Housing. Mr Speaker, Sir, the Government has built in quite a number of places low-cost housing schemes and multi-storey flats, but very often these buildings and flats that have been put up have been a rush job and they have not been properly planned; they do not seem to have enough amenities, no playing fields, no markets, no schools nearby—nothing, and it would appear that the Ministry of Housing takes its responsibility only for putting the buildings up and nothing else. It does not co-ordinate with the other Ministries. We have a situation like in my constituency where the Rifle Range flats are situated. We have 9 blocks of flats with over 20,000 residents there and all we have is three public telephone booths. Peculiarly, we have a family planning advisory unit in the flats but we don't have a health clinic there and this, Mr Speaker, Sir, doesn't speak well for the co-ordination between the different Ministries. They should co-ordinate and see what the requirements are when they build housing schemes and having built them, they have to be maintained. Sad to say, in a lot of these low-cost housing areas, the Government does not maintain them though the authorities concerned with the running of these flats charge maintenance rates but they are dirty and unclean, walls are all dirty, not repainted as required and they have become, in fact, slums.

Mr Speaker, Sir, I would like now to refer to Kepala P. 34 on Television. Sir, television can be made use of as a vehicle to bring about changes in attitudes in the people, especially the rural people, to bring about changes in their mental attitudes, changes in their value systems, but what I find in the programmes of Television Malaysia is that, very often the programmes that they show, in fact, instead of accelerating or bringing about changes in mental attitudes, buttress the traditional values of rural Malay society and this, Mr Speaker, Sir, I feel, is not conducive, is not good for the rural people of Malaysia and for Malaysia as a whole. If we want to go into the modern age, there must be a change of attitudes not only among the rural people but among all Malaysians and this is where Television Malaysia can play a great part, but unfortunately it does not. Further, it is most annoying for viewers to switch on their television sets and suddenly find that the

programmes are being interrupted for T.V. commercials to be put on. Television Malaysia is a Government concern but it appears that as far as commercials are concerned, commercial interests run Television Malaysia. Further, those in charge of programming sometimes seem to have some very peculiar ideas as to what kind of programmes are to be put on at what hours. I have had an occasion to watch "Jack and the Beanstalk" or something of that sort—children's programme—at 11.00 o'clock at night. I do not know who they expected the viewers would be: children or grandparents?

Mr Speaker, Sir, I now turn to Kepala P. 50.

Tuan Yang di-Pertua: What Kepala?

Tuan Peter Paul Dason: P. 50. "Penerbangan Awam"—P. 50.

Tuan Yang di-Pertua: Page?

Tuan Peter Paul Dason: Page 8, P. 50. (Pause)

Tuan Yang di-Pertua: Well, go on, I said I understood you. Carry on!

Tuan Peter Paul Dason: Mr Speaker, Sir, \$5.5 million is required for the purpose of building an airport at Johore Bahru. It would appear, Mr Speaker, Sir, that the Federal Government is willing to spend large sums of money on "crash programmes" when it suits its purposes like the airport at Johore Bahru, but we have an airport in Penang and it has been shown by experience that the airport as it stands now has to be expanded, something has to be done, but the Federal Government is still dragging its feet. But here immediately they decide they must have an airport, they can find the money and they can proceed. I think, Sir, this is unfair on the part of the Federal Government because from experience, the people of Penang have come to the conclusion that the Federal Government is treating the State of Penang as a "Cinderella State", and I hope the Federal Government will hereafter be more kind to the State of Penang. After all, they now have a Chief Minister who is at their beck and call.

Mr Speaker, Sir, I now turn to Kepala P. 57—New Roads. The Government does spend quite a lot of money on the building of

roads, but unfortunately very often, various departments go digging up these roads and then surfacing them back. One day it will be the Telecommunications Department going to the road and digging up the whole stretch of the road, inconveniencing the public, and a few days later they cover it up; and a few months later another department will come in and start digging up the same road. Is it not possible for these departments to get together and decide when they should dig a particular road and do all the digging at the same time and to whatever that needs to be done, such as closing up all the potholes and the other holes they had dug up, instead of perennially inconveniencing the public due to their lack of co-ordination. I suggest, Mr Speaker, Sir, that these various Ministries that have the responsibility of digging up roads for one purpose or other and filling them up do meet and co-ordinate their activities.

Secondly, Mr Speaker, Sir, a lot of people have been removed from their homes in which they have lived for 20/30 years because of housing developments that are taking place and they are forced very often to go into what is known as "block plan" building areas and here, Sir, roads are not built for them. Even though they pay house assessment and other assessments, roads are not built for them. So the place is dusty, the conditions of the roads are poor, the access is poor and no proper roads are built, but the State Governments when approached on this matter very often, in fact all the time I would say, would put the blame on the Municipal Ordinance, stating that the Municipal Ordinance so tie their hands that they cannot expend money to improve those roads or that the Federal requirements for giving road grants are such that they are in no position to build these roads and therefore they do not take over the land on which these roads are; they refuse to acquire the lands and keep saying that these lands are private properties and therefore it is not within their responsibility. I think, Mr Speaker, Sir, it is high time that the Federal Government looked into this matter because it affects not only the people who live in "block plan" area but in old kampongs, near towns and suburban areas; they are all affected by these poor roads where the State Governments and the P.W.D. refuse to do anything, as I said, by putting the blame on the Municipal

Ordinance. I think the Municipal Ordinance ought to be changed and that the Federal Government should pass legislation immediately to bring about a situation where local authorities would have some incentive to take over these roads and build proper roads, so that Malaysians by their hundreds of thousands and millions can have better roads.

Mr Speaker, Sir, I now refer to the last item—Kepala P. 61. Here \$200,000 is required for buying equipment for the Survey Department and I wholeheartedly support this particular request. The Survey Department, Mr Speaker, Sir, is short of officers and it takes a long time to bring out Q.T. plans and to approve plans, firstly, because their offices are not completely modernised and, secondly, there is a shortage of trained officers and surveyors in this country as a whole. I would, therefore, ask the Ministry concerned, wherever possible, to come to some arrangement with the Ministry of Finance so that they could give more scholarships for people who would go to take up surveying as a course. With the Government opening up a lot of land in the country, surveyors are required and if members of the public are to be given grants early, then the services of the surveyors are definitely essential, because if the Survey Department cannot do a proper survey or does not have sufficient manpower to do the survey that is required, title deeds cannot come out, Mr Speaker, Sir. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian ketika Anggaran Pembangunan (Tambahan), 1972 ini di-bentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan sa-chara rengkas tentang Kepala P. 24—Kastam dan Eksais di-Raja. Dalam tambahan yang hendak di-beri ini ia-lah berhubung dengan ranchangan untuk membeli alat² bagi menentang penyeludupan di-Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, memang masaalah penyeludupan di-negara ini, saya rasa ada-lah satu masaalah yang besar, di-mana pertama melibatkan chukai Kerajaan telah tidak begitu dapat di-pungut.

Yang kedua, masaalah barang² haram yang di-masokkan ka-dalam negara ini sedang bertambah².

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin menarek perhatian ia-lah penyeludupan

hendak-lah di-kawal bukan sahaja di-Johor Bahru, tetapi di-seluruh sempadan kita di-Malaysia ini, kerana banyak perkara² yang di-seludop dengan di-gunakan beberapa tempat² yang berhampiran dengan negeri² lain. Satu contoh yang saya ingin sebutkan, ia-itu daripada negeri Thai—negeri Siam, ia-itu sempadan dengan negeri Kelantan. Di-sana pun banyak terdapat penyeludupan² yang kebanyakan-nya bukan sahaja perkara² yang boleh di-gunakan chuma tidak membayar chukai, tetapi ada pula perkara² lain, seperti chandu dan lain² yang di-seludopkan di-sana. Tuan Yang di-Pertua, hal ini memang kita dapati dengan ada-nya barang² itu di-sini dan penyeludupan seperti yang saya sebutkan itu ada-lah kebanyakan-nya datang dari sa-belah sana. Kita mengalu²kan tentang penangkapan yang banyak, yang di-dapati di-sabelah Johor dan di-sabelah Pantai Barat, tetapi di-sempadan antara Malaysia dan Thailand kurang kedapatan tangkapan² yang di-lakukan. Saya tidak tahu apa-kah perjalanan yang di-ambil di-sana lebeh ringan berbanding dengan yang di-ambil di-sabelah Pantai Barat. Yang saya ingin menekankan bahawa perkara² yang masok ka-sana itu memang perkara² yang haram dan melalui di-sana dan kenapa di-sana tidak di-tangkap. Chuma yang berat di-ambil ia-lah perkara yang saya rasa tentu di-ambil perhatian, ia-itu beras. Beras memang sunggoh di-ambil berat, hatta sa-chupak pun tidak boleh melalui di-sana. Hatta orang hendak pergi bawa bekal beras pergi kerja dalam hutan pun kadang² di-rampas oleh pehak² yang berkenaan. Saya akui bahawa ada sunggoh orang² yang menggunakan kesempatan memungut sedikit demi sedikit beras itu untuk di-seludop ka-negeri ini, tetapi kadang² kita memikirkan bahawa kawalan itu ada-lah terlampau berat, di-mana melibatkan sa-chupak, sa-gantang; orang² yang hendak membuat kerja itu pun tidak boleh dan kadang² di-rampas. Ini-lah harus di-ambil perhatian oleh pehak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang² bukan sahaja di-seludop barang daripada negeri lain ka-sini bahkan barang² dari negeri kita pun ada juga di-seludopkan ka-negeri lain. Walau pun yang di-seludop, sa-tengah² orang berpendapat chara penyeludupan ini ada-lah satu chara hidup berniaga atau pun satu chara pertukaran wang antara satu negeri ka-satu negeri, tetapi kadang² ini

merugikan kita. Mithal-nya barang² dalam negeri; getah di-bawa ka-luar negeri dengan sa-chara seludop. Itu ada-lah merugikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara P. 27, ia-itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya berasa gembira dengan ranchangan untuk mengadakan rumah² flat bagi Polis yang hendak di-buat di-Jalan Hale. Saya mengalu²kan hal ini, chuma yang perlu di-ambil perhatian bahawa jangan-lah di-buat di-Kuala Lumpur sahaja untuk rumah² Polis ini, ingat-lah juga di-negeri² lain, ia-itu lain daripada Ibu Kota, mithal-nya di-Trengganu perlu di-ambil perhatian sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melihat sendiri kejadian di-mana sa-buah rumah Kerajaan yang di-dudoki oleh Pegawai Polis, yang di-bena pada tahun dua pulohan atau tiga pulohan dan rumah itu pada zahir-nya baik sa-kali, tetapi oleh kerana terlampau lama, saya rasa tentu-lah sudah jadi burok dan saya sendiri ada bersama² di-mana saya melihat sa-orang Pegawai Polis Daerah jatuh kerana lantai rumah itu roboh ketika mana kenduri aruah di-adakan di-rumah itu, dan saya sendiri pun ketawa melihat sa-orang O.C.P.D. atau pun sa-orang Pegawai Penjaga Daerah Polis jatuh kerana keadaan rumah Kerajaan dan O.C.P.D. ialah O.C.P.D. Kerajaan. Itu yang saya ketawa. Jadi, saya rasa harus di-ambil perhatian. Kejadian itu berlaku pada 2hb Jun, jam 2.30. Saya ada rekodkan. Saya rasa, perkara saperti ini pun harus di-ambil perhatian. Jangan-lah rumah sampai 20 tahun dahulu di-biarkan keadaan-nya begitu sampai O.C.P.D. jatuh, nanti patah O.C.P.D., patah Polis nanti, susah-lah, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak ambil perhatian. Ingat-lah di-daerah², di-negeri² harus di-perbaiki. Biar-lah tidak boleh rumah batu, rumah kayu pun tidak apa-lah asalkan baharu sedikit dan tidak patah lantai itu. Itu-lah yang saya rasa, ingatan yang saya beri dengan tulus ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan tentang P. 52, ia-itu perkhidmatan Kajichuacha. Saya sungoh gemar benar mengikuti Jabatan Kaji Chuacha. Ini kerana kami orang Pantai Timor khas-nya di-tempat kami itu, pertama sa-kali orang di-sabelah darat atau pun sa-belah hulu mengikuti kajian chuacha kerana takut banjir

atau pun sa-bagai-nya. Yang di-sabelah laut pula, di-sabelah pantai, dia mengikuti kajian chuacha ini kerana hendak pergi menangkap ikan; boleh tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarek perhatian kadang² ramalan chuacha ini tidak berapa betul. Mithal-nya mengikut ramalan chuacha pada petang ini angin kenchang akan bertiup dari arah selatan di-Laut China atau pun di-arah utara Laut China. Jadi, kadang² kalau angin itu di-anggap kuat maka orang² di-tepi laut ini tidak pergi ka-laut. Tiba² angin tidak kuat, hujan tidak ada, rugi-lah mata pencharian mereka. Ini di-sebabkan salah kaji, mereka tidak dapat menchari wang, tidak dapat menchari ikan dan tidak boleh mendapat wang. Ini saya anggap, saya tidak tahu-lah apa Jabatan Kaji Chuacha itu kaji—saya tidak tahu, tetapi yang saya tahu ramalan itu tidak berapa tepat. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mesti mengambil perhatian supaya akan datang ramalan itu biar tepat betul.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, nama pun ramalan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, betul-lah ramalan, nama pun ramalan, tetapi ramalan daripada saya yang tidak kaji, tentu-lah orang tidak pakai, tetapi ramalan daripada Pengkaji Chuacha, tentu-lah orang pakai.

Kemudian, satu perkara yang ingin saya sebutkan ia-lah P. 53—Jabatan Laut. Jabatan Laut saya nampak di-sini hendak membuat pelabohan di-Johor. Pertama sa-kali, saya berasa ragu sadikit tentang bayaran kapada perunding² berhubung dengan pembanaan pelabohan di-Johor.

Jadi perunding² ini pun banyak juga dapat duit, saya harap Kerajaan tentu-lah dapat terangkan betul² banyak mana. Saya harap kalau-lah boleh di-kechilkan sedikit estimate orang² yang menjadi perunding ini. Kadang² estimate untuk membuat sa-suatu itu dekat² dengan estimate untuk belanja perunding, jadi saya harap minta perhatian, sebab untuk jaga wang kita—wang negara kita.

Yang saya hendak sebutkan sa-mula ia-lah tentang pelabohan. Di-Pantai Barat nampak-nya di-Johor ada pelabohan dan di-Kelang ada pelabohan, dan di-Pulau Pinang ada pelabohan termasuk-lah aliran Pantai Barat

juga. Chuma yang di-lupakan sedikit oleh Kerajaan ia-lah tentang Pantai Timor. Tiba pada Pantai Timor, diam sahaja. Pada hal Pantai Timor tidak kurang juga hasil-nya: kayu kayan, plywood, bijeh, getah dan sa-bagai-nya. Jadi, alang-kah sulit-nya kapada pengusaha² luar negeri, atau yang dalam negeri ini yang berpusat di-Kuala Lumpur hendak pergi menanam modal di-Pantai Timor, kerana tidak ada kemudahan² pelabohan. Untuk membawa barang² daripada Trengganu dan Kelantan terpaksa pergi menuju ka-Pelabohan Kelang dan ini chukup banyak memakan belanja. Dan dari segi perniagaan tentu-lah tidak menguntungkan. Alang-kah baik-nya sa-kira pehak Kerajaan menimbangkan untuk membuat pelabohan di-Negeri² di-Pantai Timor khas-nya di-negeri Trengganu yang dudok-nya di-tengah² antara Pahang dan Kelantan. Dahulu ada ura² hendak buat di-Trengganu, tetapi khabar²-nya tidak jadi pula, dan entah di-bawa ka-mana, ta' tahu-lah pelabohan yang hendak di-buat itu. Saya tidak tahu, ada khabar² angin kata-nya hendak di-buat di-Kuantan.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu tidak ada dalam anggaran dan jangan-lah membuang masa sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya harap pehak Kerajaan tolong buat pelabohan di-Pantai Timor, kalau tidak dapat pelabohan yang sa-imbang dengan Pelabohan² Kelang, atau pun di-Johor Bahru biar-lah dengan pelabohan kechil, atau pun yang merupakan jambatan, atau pun sa-bagai-nya supaya membolehkan pengusaha² di-situ menghantar barang²-nya melalui kapal dengan lebeh senang sedikit, itu-lah harapan kami. Dan saya fikir pehak Kerajaan tentu-lah bersetuju dengan chara ini bagi mengeluarkan barang² hutan, atau barang² yang ada dalam bumi di-Pantai Timor. Sekian, terima kaseh.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I wish to refer to only a few Subheads. The first one is in connection with the Johore Tenggara project, which is one of the massive projects of the Government in pursuit of its Second Malaysia Plan in order to eliminate poverty regardless of race. I would like here to urge on the Government to translate this profession from just mere lip service to

concrete results because there is a need, from this one or two years of operation, for the people to be convinced not from mere platitudes and mere pronouncements, but from deeds, actions and results, that the poor of all races are going to be helped; and in this regard, I would urge that in the Johore Tenggara project, there would be provision for the assistance and the upliftment of the poor of all races especially in the settlements, in the land schemes there, for the land-hungry new villagers and for the land-hungry retrenched estate labourers. I would like here to clarify and rebut the allegation just now from the Member of Parliament for Segamat Utara and the Chairman of Felda that the D.A.P. is only concerned with the estate labourers and with the new villagers. We are also concerned with the poor of all races and that was why I had urged yesterday for special assistance to be given to the Felda settlers. We are glad that the Government has now conceded and admitted that the Felda settlers do not have a clean net income of more than \$100 a month in many cases, and they have to make special provisions, where it is less than \$70, not to deduct repayments. I would urge the Minister of Agriculture, who yesterday agreed to consider my suggestion, that the Felda should not deduct any repayment at all where the income of a Felda settler is less than \$150—in other words there is an assurance that at least every FELDA settler will get a clean wage, a clean income, of \$150 a month.

The next item, Mr Speaker, Sir, is in regard to housing. There is no doubt that housing is an area which has been most neglected under the Second Malaysia Plan. There are slums throughout the country and we had thought that when the housing portfolio was brought under the Deputy Prime Minister, that we would see a more dynamic, a more purposive approach to break the back of this problem; instead we see the housing problem not being solved at all. In Kuala Lumpur, for instance, in Selangor, where votes are being asked for, we see large slums where people do not enjoy the decent minimum housing standards; and I would urge, because of the seriousness and the gravity of this problem, because housing is one of the basic needs of every Malaysian or every human being, that the Government should make a special study into the housing problem of the people in Selangor and

throughout the country and come out with a real and concrete housing policy. There is no doubt that there is no housing policy in Malaysia.

In connection with housing, where land is being acquired as in this case, invariably we find squatters being evicted, but unfortunately, there is no compassionate treatment of the grave problem of squatters, and I would urge that the Government should lay down a squatter policy whereby no squatter will be thrown out of his house, unless there is alternative accommodation or alternative provision, because this must be treated basically as a human and social problem and not, as of now basically as an administrative matter.

On the other matter of television, we have here a request for more votes for radio and television service. I would just want to mention in passing that there is a need to review the entire radio and television transmission policy. I am sure that the Ministry of Information is not unaware of the widespread unhappiness and dissatisfaction among the viewers especially among the Chinese and the Indian communities for more and better television programmes, more Indian television programmes and more Chinese television programmes, because they are part of Malaysian society. I think this urgently needs to be rectified.

Here there is a provision for water projects. I think there is a need for the Government to show that they can really plan. We have the Second Malaysia Plan with all its many promises and before that, we had two previous Five-Year Plans and invariably, we found in such a small thing, as planning for water needs, there is such a grave failure. Like today, in many parts of the country, we are facing droughts. In Penang even, for the first time, under the Coalition and the Gerakan Government, they have been threatened with water rationing. Of course, the Chief Minister says there is going to be an increase in the water capacity in future. But the question is now, I mean the question of planning means the ability to anticipate, to project needs and to meet them. But then under the Coalition Government of Penang, not only are the people suffering without water, even the animals are suffering and that is probably why you have swine fever in Penang now.

I would just give an instance. It may be argued that the present water scarcity is caused by a dry spell. Look at Batu Pahat, for instance. For 15 months, the people of Batu Pahat have had to undergo 12-hour rationing. When the people of Batu Pahat initially underwent water rationing, they were told it was because of the dry spell. But for the last 15 months, for 12 hours a day, water has been cut and probably the people of Batu Pahat would have to live with this inconvenience for the next two or three years, just because of poor planning. If in such a small thing as water planning, the Government could fail so badly and miserably, no wonder there is so much doubt, anxiety and uncertainty about the possibility of the Second Malaysia Plan from being fulfilled. All that the Second Malaysia Plan seems capable of doing is to lay a very beautiful plan on paper, but I do not see realisation, if such a small thing cannot even be properly planned. So I hope that these matters will be considered and we will have a more competent and efficient carrying out of the people's needs and requirements.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi memberi sokongan di-atas Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No. 2) 1972 yang di-bentangkan di-hadapan kita sekarang.

Saya sukachita menyentuh Kepala P.27—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ia-itu Pechahan-kepala 21, Bahagian Negeri Sarawak. Saperti yang kita ketahui sekarang ia-itu Bahagian Ketiga Negeri Sarawak adalah di-ishtiharkan kawasan keselamatan khas yang di-tadbirkan oleh suatu badan dengan nama rengkas RASKOM yang mendapat peruntukan sa-banyak \$207,000 untok membeli keperluan atau pun kelengkapan yang perlu dan perkakas pejabat baharu itu.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di-satengah² tempat dalam Bahagian Ketiga baik di-kampung² atau pun di-rumah² panjang dimana perintah berkurong di-kenakan adalah susah bagi mereka untok mendapat, atau menchari makanan, dengan sebab tidak dapat keluar dari rumah² atau pun takut untok berjalan pergi menchari makan saperti menoreh getah dan memungut hasil² hutan dan menangkap ikan pada waktu yang tertentu bagi menchari makan mereka sa-hari². Dari itu, saya shorkan kapada Kementerian yang berkenaan supaya memberi bantuan

